


12 TAHUN BERSAMA SARIMAF

OLIH
ZULKIFLI HJ. AHMAD
BEKAS PRESIDEN PBMUM
UNIVERSITI MALAYA





Hakcipta Terpelihara
JAMIL DAN SHAH ENTERPRISE

Harga: \$5.00

Dicetak oleh:

PERCITAKAN SRI MEGA SDN. BHD.

catitan:

sebarang perbuatan rompak cipta akan
diambil tindakan undang-undang.

12 TAHUN BERSAMA SARIMAH

diceritakan sendiri oleh:
ZULKIFLI HAJI AHMAD
bekas Presiden PBMUM Universiti Malaya

M
927.92028
ZUL

Diterbitkan oleh:

JAMIL DAN SHAH ENTERPRISE

APB 215779

22 MAY 1982

KANDUNGAN**MUKA**

1. ANAK NAKAL	1 - 11
2. PERCINTAAN	12
3. PERKAHWINAN	15
4. BERUMAHTANGGA	22
5. DI SINGAPURA	25
6. TAWARAN BERLAKON	33
7. MENJADI BINTANG FILEM	39
8. PINDAH KE KUALA LUMPUR	54
9. DITAHAN	71
10. PERCERAIAN	81
11. DIBEBASKAN	83
12. PERKELAHIAN	91
13. MASUK UNIVERSITI	95
14. MENJADI CALON	110
15. DITAHAN LAGI	119
16. ANAK-ANAK SAYA	121
17. PENUTUP	137


Kepada,

Anak-anakku Yati, Ida, Jamil dan Shahrir yang tercinta.

Bah tuliskan buku ini jauh sekali dari tujuan hendak menyakitkan hati mak atau memalukan kamu semua. Bah tuliskan satu cerita yang boleh kamu ketahui dengan sebenarnya. Ingatlah sejenak ingatan kamu yang seadil-adil tentang pengorbanan, kasih sayang Bah terhadap kamu semua. Kamu semua berhak terus mengasihi mak tetapi tidak berhak membenci dan memusuhi Bah semata-mata kerana setelah kamu mendengar hasutan dari syaitan sejak beberapa hari sahaja. Janganlah lupa, kamu berempat beradik itu anak-anak Bah sejati dunia akhirat — Bersama-sama Bah semenjak kamu dilahirkan sehingga datang celaka menimpa. Bah tersangat cinta dan kasihkan kamu berempat beradik. Cinta Bah ini tidak sedikit pun luntur sehingga kita berkira di Yaumil Mahsar nanti. Buku ini Bah tujuan khas untuk kamu merenunginya.



Norhayati berumur 2 tahun



Anak anak ku Norhayati, Farawaheeda, Mohd. Jamil & Mod. Shahrer (1976) di Pekan)

PENGHANTAR

TULISAN ini timbul dari desakan, pertanyaan, galakan yang terlalu banyak tidak sahaja dari peminat-peminat filem juga dari orangramai. Penulis-penulis terutama wakil-wakil akhbar dan majalah sampai sekarang masih bertanya tentang kisah hidup saya dengan Sarimah. Hidup bersama-sama dengan bintang filem yang terkenal sepertinya tentu mempunyai insiden dan peristiwa-peristiwa yang menarik hati. Pada hakikatnya hidup selama 12 tahun dengan seorang bintang filem superstar yang terkenal bukanlah ada sesuatu signifikan sejarah selain daripada bahan yang menjadi public interest kerana Sarimah telah menjadi cermin masyarakat. Interestnya timbul kerana tidak semua orang dapat mengalaminya, terutama sebagai suami bintang filem, satu dunia 'make believe' yang penuh dengan glamour.

Pertanyaan yang sering dikemukakan ialah mengenai kehidupan saya dengan bekas isteri saya, mengapa saya menceraikannya, adakah dia telah menjadi bintang filem sesudah saya mengahwininya, bagaimanakah perasaan saya waktu isteri saya berlakon dalam babak-babak romantis dan bermacam-macam lagi.

Tentu sukar bagi saya untuk memberikan penjelasan kepada setiap orang yang ingin tahu tentang cerita-cerita di belakang layar serupa ini, selain daripada yang biasa mereka baca melalui surat-suratkhabar, majalah-majalah atau khabar-khabar angin. Cerita 'Saya dan Sarimah' ini akan saya mulai daripada masa saya belum lagi bertemu dengannya di sekolah hinggalah pergolakan di antara kami berdua. Dia telah mempunyai 'suami' dan punya anak dengan

seorang lain dan saya juga pernah kahwin-cerai dengan lain orang, tetapi bagaimanakah perasaan kami apabila dikenangkan bahawa kami pernah bersama-sama selama dua belas tahun iaitu satu jangka masa yang agak panjang juga. Kisah inilah yang akan saya sampaikan kepada pembaca.



Di Kuantan Pahang 1959

PERINGATAN

Ini bukan buku sex bukan juga satu skandal yang setengah pihak mengharapkan saya menuliskannya. Ini satu tragedi satu eksploitasi moral satu nyanyian sedih yang selalu saya dendangkan sendirian selama ini. Dalam buku ini saya cuba berlaku seadil-adil terhadap Sarimah, dan bercakap benar mengenai dirinya, wataknya dan sifatnya.

Tetapi, saya tidak mungkin menulis setiap peristiwa yang berlaku antara kami berdua selama 12 tahun itu. Banyak undang-undang 'ethic' yang membatasi, yang menghalangnya. Lebih dari itu kita bukanlah Amerika atau Britain dalam menganuti demokrasi sekarang. Kurangnya dalam kebebasan menulis sesuatu yang lebih mendedahkan kebenaran. Ia mungkin melibatkan 'character' yang tidak berkenaan dengan kami.

HARAP MAAF

ANAK NAKAL

Almarhumah mak saya (semoga Allah cucuri rahmat ke atas roh mak), sewaktu ada hayatnya selalu berbual tentang anak-anaknya dan sayalah selalu jadi target ceritanya. Saya paling nakal antara 11 orang adik beradik. Kata mak, kalau saya mintak duit tak dapat, saya mengambil kapak, pergi ke bawah rumah bersila di tanah dan menebang tiang rumah sampai mak mencampakkan 10 sen kepada saya. Kalau ada di antara adik atau abang saya menebang tebu atau mencabut ubi tananam saya di belakang rumah tanpa izin, habis semua tebu-tebu dan ubi-ubi saya cabut.

Mak tidak lupa menceritakan kisah lucu dalam kenakalan saya. Sewaktu tinggal di Johor Bahru di kampung Wadi Hassan, rumah kami itu berek papan dua tingkat. Zaman itu tandas masih menggunakan tong yang diangkat. Lebih kurang 30 keluarga penghuni di berek tersebut. Pagi-pagi seketika sebelum tiap penghuni pergi ke tandas, saya sengaja bangun lebih awal, buka pintu belakang dan semua tong najis sepanjang berek itu saya tarik keluar dari masing-masing tempat dan membiarkan di situ. Penghuni-penghuni yang hendak melepas merungut dan yang sempat sabar, berlari keluar memasukkan kembali tong ke sarang dan yang tidak sempat melepas ke simen tandas itu. Apabila perbuatan saya diketahui, ayah saya yang terkenal sangat bengkung itu menghadiahkan saya 4 kali sebat dengan tali pinggang.

Tapi mak saya juga menyebut hal yang baik tentang diri saya. Saya rajin menolong menambahkan belanja di rumah dengan menjual nasi lemak di Sekolah Arab Alattas. Antara kawan saya yang sama-sama berjual ialah Ikhwan Nasir. Kini Ahli Dewan Rakyat dari Pontian. Ikhwan jual gula gula tarik – gedempul kedua-dua kocek baju Melayu

Ikhwan penuh dengan gula tarik yang diisikan dalam tin rokok. Pedas makan nasi lemak saya, kawan-kawan membeli gula tarik Ikhwan pula. Saya juga ingat, Mohd. Rahmat, Menteri Penerangan, sewaktu kecil dahulu pun berjual kuih juga. Kadang-kala dia menyebut kesah berjual kuih itu.

Sungguhpun semua adik beradik saya lahir dan di peringkat permulaan bersekolah di Johor, mak ayah saya pula anak Pahang dan datok kedua belah mak dan ayah pula anak Kelantan. Ikut cerita mak saya, datok lelaki (ayah pada ayah) saya terkenal sebagai guru Quran di Benut Payong.

Haji Abdullah nama datok saya itu. Kata mak saya lagi, dalam umur 30an tahun 20an Tok Haji Abdullah, atas perintah Sultan Kelantan ketika itu meninggalkan Kelantan menuju Pekan, Pahang setelah menyembelih hidup-hidup isterinya yang berzinah dengan lelaki lain. Untuk mengelakkan tangkapan pemerintah Inggeris, tok saya lari dan selamat sampai ke Pekan. Tidak lama kemudian, tok saya itu bernikah pula dengan Hajjah Aminah (ibu ayah saya). Setelah Haji Abdullah meninggal dunia, Hajjah Aminah membawa ayah saya (anak lelaki tunggalnya) berpindah ke Johor. Tok Hajjah Aminah bertugas sebagai guru Quran di Istana Tuanku Ampuan Johor. Kemudian ayah saya kembali ke Pekan dan bernikah pula dengan mak saya Rahmah dan membawa mak saya kembali ke Johor. Ayah saya dapat kerja sebagai Guru Agama Kerajaan. Ayah pada mak saya pula Ahmad, berasal dari Pasir Pekan (Pak Mat Gelap gelarannya). Dia merantau ke Pekan dan bernikah dengan ibu pada mak saya.

Ayah bersara dari Jawatan terakhirnya sebagai Pemeriksa Hal Ehwal Agama Johor bagi Daerah Segamat/Muar tahun 1954 setelah berkhidmat selama 36 tahun.

iii) DI SEGAMAT

Dalam semua daerah yang ayah saya telah berkhidmat, Segamatlah daerah yang saya ingat benar tentang peristiwa-peristiwa di zaman saya meningkat remaja. Di Segamat inilah saya menunjukkan minat menyanyi lagu-lagu Hindustan, Inggeris dan Melayu dan ini juga menyebabkan saya jadi semacam pelajar yang popular di kalangan guru-guru, murid-murid terutamanya di kalangan murid perempuan yang sebaya.

Sewaktu almarhum P. Ramlee, Normadiah, Aziz Sattar berkunjung ke Segamat kerana satu pertunjukan pentas (1954) saya turut menyanyi lagu-lagu P. Ramlee dan buat pertama kali menemui dan berbual-bual dengan seniman pujaan saya itu.

Di Sekolah Inggeris Segamat, saya juga mengetuai pasukan bola sepak 'Arjuna' yang terkenal di sekolah-sekolah Daerah Segamat. Tidaklah dapat dielakkan dalam jangka umur belasan tahun, saya mula merasa berminat untuk berkawan dengan gadis-gadis sekolah dan sudah jadi natural bagi saya gemar berkawan dengan pelajar-pelajar yang tercantik. Tidak sukar kerana sudah jadi lumrah, kebolehan menyanyi, pandai bergaya jadi satu kualiti dan syarat menarik perhatian peminat-peminat dan gadis-gadis (teenagers).

Di Sekolah saya itu sedia diatur acara 'morning programme'. Tiap-tiap darjah dari Tingkatan satu ke atas menyumbangkan nyanyian, lawak jenaka, proklamasi sajak di atas pentas khusus untuk acara itu. Dan setiap kali kelas saya menyumbangkan program, sayalah heronya. Kenangan manis yang tidak mudah dilupakan.

Saat sedih bagi saya tiba apabila saya terpaksa berpindah sekolah dari Segamat ke Pekan Pahang. Ayah saya meminta bersara dari jawatannya walaupun belum sampai tempohnya.

Setelah menunaikan fardhu haji ke Mekah dengan belanja kerajaan, kami sekeluarga berangkat dengan kereta-

pi menuju Pahang (1954). Saya ada merayu kepada ayah saya supaya saya dibenar meneruskan persekolahan di Segamat. Lebih-lebih lagi, guru besar Sekolah saya berjanji akan merekmenkan biasiswa untuk saya. Saya sudah punya kawan-kawan rapat yang ramai dan sangat gembira dengan kegiatan seni dan olahraga di daerah itu. Rayuan saya tidak berhasil.

iii) KASIH PERTAMA DI PEKAN

Untuk beberapa bulan sampai di Pekan dan bersekolah di Sekolah Ahmad, kerinduan saya pada Segamat masih mendalam. Mau rasanya saya minta tukar kembali ke Segamat tapi bagaimana? Tanpa kebenaran ayah saya tidak mungkin.

Bulan demi bulan, kerinduan pada kawan di Segamat kian menipis. Ibarat tangisan pada seorang yang kita kasihi yang sudah mati, hari demi hari keringlah air mata, luputlah ingatan kita sekadar sekali sekala, mimpi sahaja. Ibarat kita melihat kapal yang meninggalkan pelabuhan untuk belayar jauh, kita berdiri di jeti memberi selamat jalan dan melihat kapal belayar, semakin lama semakin jauh, sayup kecil hingga hilang dari pandangan.

Kegiatan menyanyi saya teruskan di Pekan. Banyak dapat kawan baru. Saya memasuki badan-badan belia.

Ketuanya masih hidup lagi hingga hari ini. Tuan Syed Ahmad atau lebih terkenal sebagai Sahmad Malaya.

Dalam bidang nyanyian, saya memasuki pancaragam 'Seri Tequntum' yang dalam tahun 50an memang terkenal di Kuantan. Saya mula popular dan digelar 'Zul Sinbab' kerana kegemaran saya menyanyikan lagu hindustan itu. Dan dalam banyak majlis jemputan kahwin saya jadi penyanyi jemputan. Di bidang olahraga, saya juga aktif. Saya jadi jurulatih badminton bagi sekolah Tinggi Ahmad.

Kerana aktiviti inilah rupanya seorang gadis jelita, Nor Aminah (nama Nor itu benar tetapi Aminah itu samaran kerana menjaga ketenteraman Nor yang kini sangat

bahagia di samping suami berjawatan tinggi dan Nor pun sudah punya banyak anak). Memang mudah terkenal bagi seorang yang punya kebolehan seni seperti saya dalam sebuah daerah kecil dan terpencil-jauh dari loceng seperti Pekan.

Waktu itu tiada panggung wayang, tiada kelab malam dan tempat-tempat hiburan, kalau ada sebatang lampu di tengah padang pun akan dikerumuni sekadar tempat berkumpul muda-mudi sambil makan kacang goreng di gerai pekan sari.

Dalam tahun 50an Pekan, Bandar DiRaja hanya dapat dihubungi dengan feri dari Kuantan. Hampir sejam baharu sampai ke Pekan. Dari Mersing ke Pekan ketika itu, terpaksa melalui 3 atau 4 feri sampailah ke Pekan.

Dengan adanya kawan baharu, kenalan baharu, kegiatan menyanyi, kesepian suasana Pekan tidak menekan hati saya.

Nor Aminah, bersekolah Melayu di Pekan darjah 5.15 tahun umurnya anak seorang Setiausaha Almarhum Sultan yang terkanan. Dia gadis pingitan. Keluar rumah sekadar ke sekolah dan pulang ke rumah. Tetapi melalui seorang temannya, kami sudah mula berutus-utus surat dari mau berkenal, melarat kepada paduan kasih sayang. Surat dihantar surat dijawab hampir setiap hari.

Sudah berkenal dengan Nor, saya sudah tau menyanyi dengan perasaan dan lagu-lagu P. Ramleelah jadi minat saya. Nor kerap ke rumah saya, satu hal yang jarang sekali dibuatnya sebelum berkenal dan berhubung dengan saya. Ibunya sangat kuat mengawal dia. Hubungan kami diketahui oleh ayah dan ibu Nor (almarhumah) tapi mungkin mereka anggap hubungan kami sebagai anak-anak sekolah yang tidak mengerti apa itu kasih, cinta, yang makan masih disuap oleh ibubapa.

Ada satu insiden kegilaan saya terhadap Nor yang agak lucu. Satu malam, saya menjanjikan akan bertemu dengannya. Saya akan melihat Nor dari halaman rumahnya (masih ada lagi rumah itu) dan Nor saya minta supaya berdiri di tingkap. Kami hanya mau berpandangan sahaja.

Memakai seluar panjang putih dan kemeja lengan panjang putih, saya menyusur di tepi satu lorong supaya tidak kelihatan oleh mata ramai. Rupanya ada seorang tua Pak Syeikh pengurus bakal haji tatkala itu duduk mengelamui di beranda rumah. Saya tidak sedar dia di situ. Rupanya dia mengikut saya dari belakang. Sampai di sudut kawasan rumah Nor, Pak Syeikh lantas menjerit 'pencuri, pencuri'. Saya jadi begitu panik. Tidak sempat keluar ikut jalan biasa lagi. Lantas bingkas menuju ke sebuah Tok Kong Cina yang sudah tua di sebelah kawasan rumah Nor. Rasa takut, seram lenyap. Saya terus masuk ke dalam. Subuh baharu saya keluar. Sejak itu saya tidak lagi mau bertemu Nor begitu. Punca dari insiden itu juga hubungan kami terpaksa diputuskan. Ayah, ibu dan abang Nor memaksa dia jangan melayan saya. Dan sekian itu sahaja hubungan kasih sayang. Kasih sayang yang saya alami pertama kali.

Tidak lama sebelum Nor meninggalkan Pekan meninggalkan saya, sempat juga saya pergi menemui dia dan sempat memberi kucupan mesra di dahinya. Saya ikut kereta yang membawa Nor melalui feri sampai ke Peramu di seberang Pekan hingga kereta itu hilang lenyap menuju Negeri Sembilan. Biarpun hubungan pertama ini dianggap hubungan kasih anak-anak sekolah, hingga saat ini, kasih itu masih segar lagi dalam ingatan saya dan mungkin juga masih segar dalam ingatan Nor. Melalui buku ini, saya mendoakan Nor kekal berbahagia di samping suaminya yang tercinta, kekal abadi hendaknya.

PERTEMUAN DENGAN SARIMAH (1957)

Pertemuan saya dengan Sarimah, pertemuan yang membawa kepada pertunangan dan ijab kabul memang mendedak. Sarimah kawan sedarjah dengan adik saya Rehan. Masa hubungan saya dengan Nor pun Sarimah sudah kerap kali saya temui seperti saya menemui gadis-gadis pelajar lain di Sekolah Tinggi Ahmad. Entahlah. Pada hemat saya, tatkala itu Sarimah tidak menarik hati saya. Mungkin kera-

na saya sudah lebih dahulu tertarik kepada Nor. Dan jika dibandingkan kecantikan antara Nor dengan Sarimah tahun (1957), Nor tinggi lampai, putih bersih, halus kulitnya, ikal mayang rambutnya mencecah bau yang bidang dihiasi dengan lehernya yang jenjang. Nor punya sepasang mata yang besar bersinar mata juling-juling air alis kening yang lebat, bulu mata nan lentik. Mancung hidungnya bibir bak selris limau dengan rautan muka bujur sirih. Nor gadis pingitan, sopan santun dan suara yang sungguh merdu dan tidak lepas dengan baju kurung.

Sarimah lebih cergas, aktif, kuat, tegap, seksi dan menggiorkan. Kuat berlari. Handal bermain hoki. Sarimah, bagi gadis Melayu tinggi juga orangnya, 5 kaki dua inci. Masa bersekolah, kulitnya hitam hindustan, sepasang mata yang tajam dan renungannya boleh melemahkan orang. Seperti Nor, Sarimah juga mancung hidungnya, halus kulit, muka bujur sirih dan mempunyai senyuman yang menarik. Tapi air mukanya adakala begitu garang dan berbintang taurus, hot tempered. Di Sekolah Ahmad, Pekan, Sarimah memang sudah terkenal lincah, banyak peminat 'admirers' dan sudah menerima dan membalas surat dari peminat. Kerana dasar bersekolah Inggeris di kala itu, Sarimah biasa bersekuar pendek, ketat, sewaktu berlatih sukan dan sudah tidak canggung lagi baginya. Satu lagi kelainan tentang Sarimah ialah sewaktu bersekolah, kulitnya agak hitam dan tubuh badan tidak sesegar dan sebersih sekarang. Mungkin masa bersekolah tidak ada kosmetik untuk menjaga kebersihan dan tidak ada masa pula. Sarimah bebas berkawan dan mudah mesra dengan sesiapa yang sudah dikenalnya. Sebenarnya pada satu ketika sesudah perginya Nor, dan sebelum Sarimah mengganti imej Nor, saya merasa begitu hampa dan kekosongan yang mendalam. Namun begitu, pelajaran saya tidak pula terjejas dengan penglibatan rasa kasih sayang seperti ini. Saya seolah-olah dah tau bagaimana hendak membahagikan hati ini ke dalam petak-petak yang tertentu. Petak-petak hati yang ada kuasa autonomi sendiri. Antara petak-petak itu sihat atau sakit tidak libat melibatkan

pengaruh mempengaruhi.

Entah beberapa bulan saya dalam keadaan 'frust' dengan pemergian Nor. Tetapi tiap-tiap penyakit memang ada ubatnya, ada penawarnya. Patah tumbuh hilang pun berganti. Yang pergi silih berganti. Begitulah keadaan saya. Ditengah suasana kehilangan Nor, Sarimah yang dahulu merupakan kenalan biasa di sekolah mula menarik perhatian saya. Walaupun terdapat perbezaan dan kelainan antara sifat-sifat lahiriah yang terpancar dari sikap budi bicara antara Nor dan Sarimah, dari sudut keindahan dan kejelitaan, kedua-dua mereka hampir sama. Dan hubungan saya dengan Sarimah semakin dirapatkan oleh tugas saya sebagai jurulatih badminton. Sarimah mewakili pasukan 'rumah'nya. Tambah pula Sarimah berkawan rapat dengan adik saya Rehan. Anihnya, Sarimah tidak pula begitu tertarik terhadap diri saya kerana kebolehan saya pandai menyanyi atau menjadi jurulatih badminton di peringkat awal.

Dan jauh sekali saya ini sebagai pelajar yang segar dan handsome. Sehingga saat ini pun saya tidak tau sebab Sarimah tertarik kepada saya. Saya tidak tau 'ubat guna-guna' atau 'jampi ilmu' untuk memenangi hati Sarimah. Kalaulah saya ada ilmu memikat gadis, takkan saya pilih Sarimah. Kan lebih beruntung saya menjadi menantu raja. Sudah memang jodoh menentukan. Ajal-maut-rezeki tanah kubur tidak siapa dapat menentukan. Dan kalau saya menetap di Segamat dahulu sudah tentu saya tidak bertemu dan berpisah dengan Nor dan seterusnya bertemu dan beristerikan Sarimah dan akhirnya berpisah lagi. Demikian, dari hubungan biasa sebagai kawan satu sekolah, bertambah rapat terpancar benih dan bibit kasih sayang antara saya dengan Sarimah.

Tahun 1957 dalam acara 'Sukan Tahunan', saya terlantik menjadi salah seorang pegawai penjaga masa beberapa acara olahraga seperti memaling lembing, lompat jauh, lari 100 ela dan lari berganti-ganti. Cara kebetulan, Sarimah mengambil bahagian dalam acara-acara ini. Setiap kali Sarimah berjaya setiap kali tahniah saya ucapkan kepada:

nya secara bersungguh. Dan dari saat itu, timbul semacam perasaan mesra, sayang dan ingin memiliki Sarimah sebagai binti Nor yang telah pergi itu.

Hari itu, perhatian orang muda bertumpu kepada Sarimah. Dia berseluar pendek ketat menampakkan susuk badannya sedang mengembang dan melukiskan bentuk tubuhnya yang menggiorkan. Saya jadi cemburu. Banyak mata budak-budak muda tertumpu pada susuk badan Sarimah dan pandangan mereka menjilat keseluruhan tubuh Sarimah kesasaran yang tertentu. Samalah perhatian orang muda kepada pakaian olahraga Marina Chen sekarang.

Itulah hari dan peristiwa yang telah menambat saya lebih tertarik, kepada Sarimah. Rasa kasih kami bertunas tanpa kami sedari. Saya merasa lebih beruntung kerana lebih berjaya menawan hatinya dari jejak sebaya di Sekolah Ahmad. Hubungan ini tidak mengganggu kemajuan akademik kami. Hubungan ini seolah-olah satu insentif untuk kami berusaha lebih bersungguh-sungguh.

Sarimah juga seorang pelajar yang serba handal. Dia pemegang biasiswa Persekutuan dan bercita-cita menjadi seorang 'doktor'.

MENGENAL SARIMAH DARI DEKAT

Sarimah berasal dari sebuah desa yang agak terpencil juga. Dia dilahirkan di Pulau Rusa pada 28hb. April, 1942 iaitu setahun setelah Jepun menyerang Semenanjung Tanah Melayu. Pulau Rusa terletak 6 batu dari Pekan menuju ke hulu sungai Pahang. Sewaktu saya berulang-alik ke Pulau Rusa dahulu belum ada lagi projek pembangunan. Saya berkayuh basikal sejauh 6 batu menyusur sungai Pahang. Sampai ke sebuah kampung, Tanjung Medang yang bertentangan dengan Pulau Rusa. Berkayuh sampan menyeberang Sungai Pahang, sampailah ke tebing Pulau Rusa. Kemudian jalan kaki lebih kurang 200 ela baharu tiba ke rumah ke-

luarga Sarimah.

Kalau saya pergi ke Pulau Rusa melalui Seberang Peramu, kena menyeberang dengan rakit melintasi Sungai Pahang Tua (anak sungai) berkayuh dengan basikal sejauh 3 batu lagi untuk sampai ke rumahnya.

Pulau Rusa, bukannya pulau yang dikelilingi oleh air. Cuma nama sahaja. Ianya satu daratan boleh menuju ke Kuantan dan kesemua daerah lain ke Pahang barat.

Hari ini, dengan adanya semua 'infrastructure' pembangunan pesat, Pulau Rusa seperti semua daerah pedalaman di seluruh negara, mendapat semua jenis kemudahan moden.

Jalanraya, jambatan, bekalan elektrik, air, kelinik, balai raya, sekolah, pengangkutan bas, taliair untuk sawah padi dan lain-lain.

Ayah Sarimah, Ahmad (kini Haji) mempunyai dua orang isteri dan Sarimah adalah anak keempat dari isteri pertama. Abang Sarimah yang sulung mati dalam zaman Jepun. Ishak, abang kedua, guru sekolah kebangsaan di kampung Lepar, Pekan. Kakaknya Zalmah guru sekolah dan mengajar di Pulau Rusa.

Kehidupan keluarga Sarimah adalah serupa dengan kebanyakan orang-orang kampung. Haji Ahmad, seorang mudin dan ibu Sarimah, Bibah, ada sedikit tanah getah boleh ditoreh beberapa keping sehari. Mereka tanam padi dan menjaja ikan di sungai. Mereka jual getah di Pekan dibawa hilir dengan motor.

Zaman saya berulang ke kampung Sarimah dahulu terdapat satu kesulitan juga. Hendak ke tandas mesti ke semak-semak berhampiran dengan rumah atau pangkal pohon besar di situ. Sungai jauh. Malam, pelita sumbu digunakan. Rumah Sarimah seperti rumah kebanyakan orang kampung rumah papan tanpa dicat. Kelihatan usang, berkarat kerana tidak ada orang menjaga. Abang dan kakaknya (mengikut suami yang jadi guru) duduk berasingan. Haji Ahmad, ayah Sarimah lebih di rumah isteri kedua. Bibah ibu Sarimah banyak tinggal bersama Sarimah sendiri sejak ia kahwin se-

hingga hari ini. Hari ini Pulau Rusa sudah jauh berbeza dari dahulu dan sudah bertukar wajah.



Pengarang (1980)

2

PERCINTAAN

Suatu petang hari Sabtu tahun 1958, Sarimah telah memberitahu Raihana ia ingin berlatih badminton di rumah kami. Tatkala itu di rumah kami Pekan Lama, yang setengah batu sahaja daripada sekolah tidak mempunyai medan atau court badminton, tetapi kerana tidak mahu menghampakan permintaan Sarimah itu saya serta-merta mengatakan boleh! Pulang dari sekolah jam 1.30 saya mengumpulkan kawan-kawan lebih kurang dalam 10 orang dan serta-merta halaman rumah saya itu pun dibersihkan. Saya telah meminjam dari jiran sebuah roller meratakan tanah, satu kumpulan lagi membeli kayu-kayu untuk dibuat garisan gelanggang. Dari jam 3.00 sehingga maghrib saya bersama-sama 10 orang bergesa-gesa ke sana ke mari menyangkui meratakan dan membuat garisan untuk menyudahkan gelanggang itu supaya dapat digunakan kesokan paginya, pagi Ahad. Berkat tekun gelanggang itu pun dapat disiapkan. Pada malam itu saya tidur dengan penuh rasa kelegaan kerana Sarimah akan datang pada pagi esoknya untuk bermain badminton di bawah latihan saya.

Pagi-pagi lagi saya telah bangun. Kemudian memasang jaring di 'court badminton' yang baru itu. Nampak sekali gelanggang itu baru sahaja disiapkan. Tanahnya masih gembur. Pada pukul 8.00 saya sudah menunggu dengan dua tiga orang rakan di serambi rumah. Jam 9.30 Sarimah dan dua tiga orang rakan-rakannya tiba di halaman rumah kami. Berbasikal. Pertanyaannya yang pertama ialah, 'Bila siap gelanggang ni?' "Petang semalam!" semacam rasa bangga saya menjawabnya. Sarimah tersipu-sipu. Saya sengaja mahu menimbulkan impression kepadanya bahawa court itu saya siapkan semata-mata untuknya. Saya melihat ia gugup dan

kami semua ketawa berdekah-dekah hilang penat bekerja seharian semalam. Pertemuan di court badminton pada pagi Ahad bulan April tahun 1958 itu telah membuka lembaran pertama dalam babak kasih sayang antara kami berdua, bunga cinta telah berputik.

Sejak itu Sarimah sering datang ke rumah saya pertama kerana saya dan kedua atas alasan belajar ilmu hisab dengan Raihana.

Masa terus berlalu. Pada suatu masa telah berlaku pergeseran antara kami berdua. Saya memang amat cemburuan Sarimah dan sikap saya itu tidak disenanginya. Pada suatu hari saya pernah meminta ia bersumpah dengan nama Tuhan bahawa kasihnya tidak akan berubah. Kami juga pernah bersumpah di kaki sebuah busut jantan yang tinggi di belakang rumah saya.

Saya cemburu kerana ia berbaik-baik dengan pemuda-pemuda yang saya tahu menaruh hati kepadanya. Pertengkaran kami pernah memuncak sehingga ia mendesak supaya hubungan kami itu diputuskan sahaja. Peristiwa itu telah menambahkan lagi kasih saya kepadanya. Saya mengugut akan menoreh-noreh wajahnya yang cantik itu jika ia mahu juga meneruskan niat untuk memutuskan perhubungan. Barangkali ia faham bahawa saya benar-benar serius kepadanya maka ia pun memaafkan perbuatan cemburu saya. Malah ia meminta maaf dan berjanji tidak akan membuat perhubungan dengan sesiapa kecuali saya. Sumpah di balik busut dilaksanakan.

Pada suatu hari Ahad yang lain kami membuat cadangan untuk pergi ke sebuah dusun yang dipunyai oleh sahabat saya Mohd. Nor, (suami Dasimah, adik Sarimah dari ibu lain sekarang). Kami bercadang untuk makan buah-buahan. Saya meminjam sehelai baju T-shirt berwarna merah dari Tengku Ahmad kawan saya yang handal dalam lapangan badminton. Kemudian saya meminjam pula basikal. Dengan Mohd. Nor dan beberapa orang lain kami pun berbasikal

pergi ke Padang Polo. Sungguh manis hidup bercinta. Saya merasakan diri saya begitu handsome dengan T-shirt pinjam warna merah. Kulit saya hitam. Kalau diambil potret serupa itu bagaimana akan kelihatan agaknya.

Maksud untuk makan buah-buahan di dusun itu tidak tercapai sepenuhnya kerana masa saya banyak berdialog dengan Sarimah di satu sudut lain berduaan. Mohd. Nor dan yang lain-lain mengait buah-buahan. Sarimah memberi pengakuan bahawa ia kasihkan saya bukanlah kerana harta, bukanlah kerana rupa tetapi kerana dia mengharapkan saya sebagai teman yang kasih-mengasihi. Itulah sahaja. Saya telah tuliskan di sebatang pohon pulasan di dusun itu tarikh itu iaitu pada satu hari Ahad dalam bulan April 1958. Kami masih bersekolah lagi.

Hubungan cinta saya dengan Sarimah telah tersebar pada pengetahuan umum. Siapa yang dapat menyembunyikan hubungan dengan gadis yang secantik Sarimah itu? Persaingan untuk memenangi hati Sarimah pun menjadi lebih hebat lebih kacau. Salah seorang pemuda yang benar-benar meminati Sarimah ialah Ibrahim. Orangnyanya kakak dan sudah pun bekerja di Jabatan Penerangan. Ibrahim mungkin dapat menewaskan saya sekiranya saya tidak cepat-cepat mengambil langkah yang tegas. Ibrahim selalu sahaja membawa yunit wayang gambar Jabatan Penerangan untuk dimainkan di Pulau Rusa. Ia juga telah mengatur strategi dengan mengikat tali persahabatan dengan keluarga Sarimah. Tetapi yang benar-benar membimbangkan hati saya ialah, Ibrahim itu juga seorang yang sangat popular sebagai pemain gitar dan penyanyi. Saya khuatir benar. Tetapi otak cepat bekerja, saya maju lebih selangkah dari Ibrahim. Saya mendesak Sarimah supaya kami bertunang, walaupun dia bersetuju tetapi hampir seluruh saudaramaranya menentang. Alasan mereka, Sarimah masih bersekolah. Alasan itu memang benar tetapi cinta tidak ada perhitungan. Sarimah meminta abangnya Cikgu Ishak untuk mencuba melembutkan hati ibu bapanya dan berjaya.

3

PERKAHWINAN

Cincin pertunangan kami telah disarungkan pada bulan Jun 1958 di rumah keluarga Sarimah di Pulau Rusa. Jamuan nasi diedarkan untuk meraikan upacara itu. Kedua belah pihak telah mencapai kata sepakat untuk melangsungkan perkahwinan kami bila saja Sarimah tamat sekolah. Setelah pertunangan itu diikat kami pula kembali bersekolah seperti biasa. Selama bersekolah Sarimah tidak tinggal di Pulau Rusa tetapi di Pekan menumpang kepada ibu saudaranya yang bekerja dengan seorang Inggeris bernama Saunders. Tuan ini menjadi Setiausaha kepada Almarhum Sultan Abu Bakar ibni Almarhum Sultan Abdullah. Saunders walaupun mempunyai isteri bangsa Jepun tetapi tidak tinggal bersama. Sekali lagi saya menjadi amat bimbang. Sarimah tidak dapat berulang-alik dari Pulau Rusa ke Pekan, kerana perjalanannya sukar dan jambatan pun belum lagi ada. Jalanraya dari Pekan ke Pulau Rusa pada waktu itu melalui hutan tidak seperti sekarang ini. Untuk tinggal di kampungnya pun keadaan tidak terjamin. Ayahnya yang mempunyai dua orang isteri itu sering tiada di rumah. Tanah pusaka yang dimiliki mereka hanya setakat cukup makan saja.

Ada satu peristiwa yang menggelikan hati yang masih saya teringat waktu saya mengulangi Sarimah di zaman pertunangan di Pulau Rusa. Jalan menyusur ke Tanjung Medang hutan masih menebal setebal hutan balak Tiga Segi Jangka. Hanya lorong kecil terbuka untuk kita memaksa jalan kaki atau berbasikal. Satu petang saya pulang dari tugas di Pekan. Saya kayuh basikal buruk yang sudah banyak bunyinya itu. Bukan sekali itu sahaja saya ke Pulau Rusa — sudah berpuluh kali.

Hampir 2 batu dari Tanjung Medang terserempak saya

dengan satu kumpulan kerbau. Kerbau yang paling depan — mungkin ketua yang tidak bertauliah berhenti diikuti oleh dua tiga puluh ekor di belakangnya.

Perkara semacam ini — pertemuan dengan kumpulan kerbau tidak pernah saya alami. Fikir saya waktu itu ialah kerbau-kerbau itu akan menyerang saya. Saya terjun dari basikal berlari sekuat tenaga menuju satu kelompok pokok-pokok besar yang kelihatan baharu dibakar. Rancangan pembangunan zaman Tun Razak sedang pesat dilancarkan. Kawasan itu hendak diterangkan untuk membina jalan baru.

Jadi, pokok-pokok tadi hanya tinggal rangka — hitam pekat. Saya lantas memanjat salah satu dari pokok yang hampir sekali . Dari pangkal hingga hujungnya hitam berarang. Kumpulan kerbau itu bergerak perlahan-lahan hampir benar dengan pokok itu. Saya terus memanjat hingga ke dahan yang paling atas. Kerbau-kerbau itu rupanya tidak meninggalkan tempat itu.

Saya duduk di cabang atas sekali hampir 3 jam. Waktu sudah hampir maghrib. Dua orang kampung yang baharu pulang dari Pekan muncul menghalau kerbau itu setelah mendengar mereka jeritan saya minta tolong dari atas pokok itu.

Saya meluncur turun. Pakaian saya yang seragam putih tangan dan muka hitam dicalit batang pokok yang terbakar itu. Di dengarnya cerita saya, orang-orang itu gelak sampai keluar air mata.

Pada satu malam Sarimah telah datang ke rumah saya siap dengan tikar bantalnya. Saya tidak ingat sama ada saya kah yang menjemputnya ataupun ia datang sendiri dari rumah Tuan Saunders. Saya juga tidak ingat apakah punca kejadian tersebut. Kedatangan Sarimah untuk tinggal dengan kami telah disambut baik oleh keluarga saya. Kami dengan rajin meneruskan persekolahan. Cita-cita Sarimah hendak menjadi doktor tetapi saya sebaliknya menjadi makin takut dengan cita-citanya itu kalau-kalau tidak jadi kahwin dengan saya. Kemudian krisis dalam keluarga kami

kerana adanya Sarimah makin sering berlaku. Baba saudaranya, Cikgu Hussin datang mengajak ia pindah bersekolah di Kuantan. Cikgu Hussin sejak mula-mula lagi telah menentang pertunangan kami. Sebulan kemudian dengan takdir Tuhan Sarimah tiba-tiba diserang penyakit ganjil, tidak sadar diri. Kejadian bermula pada satu maghrib malam Januari dalam bulan Julai 1958, sedang kami berbual-bual di beranda rumah, tanpa sebab Sarimah meluncur turun ke tanah seperti ditarik-tarik oleh kuasa ghaib. Saya turuti dia lari ke tengah halaman gelanggang badminton tempat saya melatihnya dahulu. Ia mengilai-ngilai seperti dirasuk syaitan. Kami sekeluarga lalu menariknya naik ke atas rumah. Puas dijampi diserapah ia tetap dirasuk syaitan. Kami pun berjaga-jaga sepanjang malam hingga subuh. Hampir dua tahun lamanya penyakit itu ditanggungnya. Tidak saja pelajarannya terganggu, tetapi kesihatannya juga.

Akhirnya penyakit itu memaksa ia berhenti dari sekolah. Ia menangis mengenangkan cita-citanya yang tidak tercapai. Saya turut bersedih sama. Ramai bomoh yang kami panggil untuk mengubati penyakitnya itu. Semuanya sependapat mengatakan bahawa ia terkena 'perbuatan orang' yang ingin mengambilnya sebagai isteri'. Pada waktu itu saya masih lagi meneruskan persekolahan dalam tingkatan empat.

Tetapi dengan adanya penyakit Sarimah yang tidak sembuh-sembuh itu pelajaran saya juga turut terganggu. Saya tidak mempunyai cita-cita tinggi seperti Sarimah. Saya belum ada cita-cita waktu itu. Hati dan perasaan kasih sayang tertumpu bulat-bulat kepada Sarimah sahaja. Lama benar pada perasaan saya untuk menamatkan pelajaran. Saya tidak betah lagi meneruskan pelajaran kerana fikiran yang kacau. Saya bimbang dengan Sarimah yang sedang sakit dan bimbang pula dengan pertunangan kami yang belum diketahui akhirnya. Secara mendadak timbullah fikiran saya untuk mencari pekerjaan. Fikiran saya sungguh terganggu. Saya merasa putus asa untuk menanti hingga tamat tingkatan lima.

Dalam diam-diam saya telah terbaca dalam akhbar iklan jawatan kosong sebagai kerani Bahagian Tinggi di Jabatan Kerajaan Pahang 1958. Kelulusan yang dikehendaki sekurang-kurangnya LCE. Jawatan itu saya pohon tanpa pengetahuan ibu bapa dan adik-beradik saya. Gaji kelulusan LCE ialah \$107.50 sebulan. Saya telah dipanggil temuduga untuk jawatan tersebut dan nasib saya baik walaupun ada calon-calon yang lulus Senior Cambridge, namun kepada saya telah ditawarkan jawatan kerani itu. Sebulan kemudian saya pun mulailah bertugas sebagai seorang kerani yang berkhidmat di Jabatan Setiausaha Kerajaan di Kuantan. Ayah dan ibu saya hanya mengetahui hal itu setelah saya menerima jawatan itu.

Saya sudah ada mata pencarian. Desas-desus masyarakat yang makin panas, menyebabkan keluarga saya mengambil keputusan supaya saya dan Sarimah dinikah gantung sahaja, apatah lagi pada masa itu Sarimah sudah tinggal di rumah kami. Sumbang benar kami yang bertunang tinggal serumah begitu lama. Keluarga saya telah mengusulkan perkara itu kepada keluarga Sarimah tetapi mereka tidak setuju. Akhirnya bila Sarimah mengugut hendak lari, hendak membunuh diri, barulah mereka berlembut hati. Beberapa kali ibu bapa dan saudara-maranya datang ke rumah kami di Pekan untuk memujuk Sarimah supaya meneruskan persekolahannya, tetapi Sarimah tetap berkeras mahu kahwin dengan segera.

Upacara perkahwinan itu amat sederhana. Nikah gantung sahaja. Tidak lebih daripada 20 orang tetamu yang hadir dalam majlis itu.

Kami diijabkabulkan sebagai suami isteri pada 18/10/58. Ini terpaksa dilakukan kerana setelah rasmi pertunangan kami, Sarimah jatuh sakit. Sakitnya dianggap oleh kebanyakan orang di Pekan, sebab perbuatan orang. Sudah banyak ikhtiar diusahakan, doktor, bomoh, pawang semua gagal menyembuhkan. Sarimah terpaksa meninggalkan bangku sekolah dengan lilihan air mata. Kesal, kecewa ke-

ibu-citanya untuk jadi doktor patah di tangan jalan. Sarimah dalam Tingkatan II pada waktu itu. Kali terakhir, Sarimah biasiswanya dihantar ke rumah saya oleh kawan Sarimah saya, Kamaluddin. Sejak bertunang sampai jatuh Sarimah dirawat di rumah saya Jalan Halimi.....

Di Pekan, saya bertugas sebagai kerani di Pejabat Daerah. Sarimah dan saya tinggal bersama keluarga saya.

Dia sudah bertukar laku. Tidak lincah seperti masa bersekolah. Seban hari, masa dia sihat walafiat, menolong mak saya di dapur hingga jauh malam. Ada sahaja yang diuruskannya. Membasuh, memasak, berkemas rumah, menyapu mengalap lantai. Mak saya sangat keras pasal kebersihan di rumah. Kerana bergaji bulanan, saya memberi wang bulanan kepada ibu saya untuk makan minum kami berdua..

Banyak juga masalah kami tinggal serumah dengan keluarga. Saya tidak suka Sarimah bekerja keras seperti orang gaji. Kami baharu kahwin dan perlu mempunyai waktu bersendirian. Selalu, kalau Sarimah masih di dapur sampai jam 10, 11 malam, saya memanggilnya. Mak saya bosan dengan panggilan-panggilan saya dan menyuruh Sarimah pergi. Ayah saya lebih simpati dengan kami walau pun dia banyak cerewet, dalam beberapa hal. Itulah masalah kami selepas kahwin, tidak banyak punya 'privacy' untuk bersendirian. Namun dari tarikh perkahwinan hingga kami berhijrah ke Singapura dan berterusan hingga kami berpisah, hidup kami sebagai suami isteri keseluruhannya damai dan ria. Secara jujur, tidak ada banyak yang boleh saya katakan tidak baik mengenai watak-watak peribadi Sarimah. Makan minum saya, tidur baring, kebersihan rumah-tangga, kebersihan pakaian, kebersihan dan kesihatan anak-anak, sukar ditandingi walaupun setelah dia sebok dengan tugas jadi bintang filem. Kecuali di peringkat permulaan berumah-tangga sewaktu Sarimah kerap kali diserang penyakit 'buatan orang', hidup kami penuh dengan nikmat. Zahir batin tidak mengira masa waktu dan tempat.

Dan rumah itu seperti syurga sehingga dia menjadi neraka bila kami dipisahkan dan berpisah pada 10 Ogos, 1970.

Bagi menjamin kenikmatan hidup bersuami isteri, Sarimah banyak belajar dari pengalaman sebagai orang kampung. Kekuatan kebatinannya tidak terperi. Formula ramuan dari akar kayu beraneka dipesan dari kampung. Dia kuan makan jamu, majun, senaman dan ada jampi yang saya tidak ambil pusing hendak bertanya. Dia sentiasa membawa lebih banyak perubahan dalam layanan zahir batin kepada saya. Ada sahaja yang diperbaharui untuk memberi kepuasan kepada saya.....

Sebagai isteri yang baik, kesihatan saya juga dijaga dengan bersungguh-sungguh.

Saban pagi, sebelum pergi kerja, sudah sedia tersaji segelas Ovaltine panas, 2 biji telur ayam kampung (dipajak orang menghantar ke rumah) madu asli dipukul dengan kuning telur. Ini semua bukan sahaja untuk menjaga kesihatan tetapi memberi kekuatan batin yang luar biasa kepada saya. Tidak ada apa lagi lebih dari itu yang perlu saya minta darinya. Kerana saya seorang yang memertingkan kepuasan batin dalam perkahwinan, saya sentiasa beroleh kepuasan seks yang tidak terhingga dan bila-bila masa dari Sarimah.

Kalau dia di rumah, perhiasan di rumah, perabotnya letak bunga dan pasunya, sentiasa diubah-ubahkan dan digantikan dengan yang baharu yang segar. Kalau saya pulang dari bertugas, dia sentiasa bersedia dengan pakaian yang bersih menyambut kepulangan saya, menanggalkan kasut dan tali leher. Kalau sampai waktu saya hendak menunaikan sembahyang, kain pelekat, sejadah, songkok sudah diletakkan di tempatnya. Kebersihan anak-anak kami, pakaian, makan minum terpelihara dan untuk mengatasi ketiadaan masa, kami punya seorang gaji dibawa dari Pekan Pahang tinggal bersama-sama.

Sarimah terus sakit. Sakitnya itu tidak mengira masa. Saya perlu di sampingnya bila penyakit itu menyerang lebih-lebih lagi pada waktu malam. Sanding-menyanding tidak difikirkan lagi, yang perlu ialah nikah, yang lain hari

ada. Kesan dari penyakit Sarimah itu, satu kebbaikannya ialah saya dapat menghafal berbagai-bagai ayat suci Al-Quran. Selama hampir 2 tahun hampir-hampir setiap malam saya akan membaca ayat-ayat suci Yasin, Akashah, ayat enam dan lain-lain itu di samping Sarimah supaya ia dapat tidur dengan lena. Kadang-kadang saya menjaganya sampai subuh hari. Saya sungguh merasa kesal kerana tidak dapat memberi kehidupan yang lumayan kepada Sarimah dari awal-awal lagi, lebih-lebih lagi semasa kami masih lagi dalam dunia pengantin baru. Tentulah ia tahu betapa ingin saya hendak memberi kemewahan kepadanya sepanjang hidup kami ketika itu. Dalam tempoh satu tahun Sarimah sakit, ganjil itu saya bertukar tempat kerja, dari Pekan ke Kuantan kemudian ke Pekan balik semula. Beberapa bulan kemudian bertukar lagi ke Kuantan.

Di Kuantan saya pun menyewa sebuah rumah yang berkembar dua di Kampung Tengah. Saya masih ingat lagi betapa kami pindah dari Pekan ke Kuantan dengan segulung tikar, 2 biji bantal dan beberapa buah periuk untuk memasak. Di rumah yang kami sewa, katil pun tidak ada. Kami tidur di atas lantai dengan menggunakan tikar sebagai alas. Hanya setelah beberapa bulan, sesudah rhendapat duit pinjaman dari koperatif saya dapat membeli sebuah katil dan sedikit perabot rumah

4

BERUMAHTANGGA

Segala percubaan untuk mengubati Sarimah dengan cara berbohong itu tidak dapat memberikan kesihatan yang kekal kepadanya. Pulih seminggu, seminggu pula sakit, pulih sebulan, 2 minggu pula sakit. Kedudukan kewangan saya sebagai seorang kerani yang hanya bergaji \$100/- lebih sedikit sebulan itu amat sukar untuk menggantikan walupun sepasang baju. Gaji seorang kerani hanya cukup untuk makan pagi dan petang sahaja. Semua masalah ini mengganggu kecekapan saya bekerja di pejabat. Saya selalu dimarahi oleh ketua kerani kerana lalai menjalankan tugas. Walau kehidupan kami amat terdesak, namun kami masih merasa bahagia berumahtangga. Sarimah setia, amat mesra serta pengasih. Tiap-tiap kasih saya dibalasnya dengan berlipat ganda.

Di Kampung Tengah sewa rumah \$21.00 sebulan. Saya masih belum mampu membelikan ia perhiasan emas intan, pakaiannya pun sulit. Di rumah kami itu waktu kami masih berbulan madu hanya yang ada sehelai tikar besar, belanga dan kualiti serta pinggan mangkuk yang cukup untuk kegunaan sehari-harian saja. Walau bagaimanapun kerana cinta kami itu segar maka rumah miskin terasa bagai istana. Saudara-mara tidak ada yang rapat dengan kami, kerana kami berkahwin tidak mengikut adat yang biasa, bersanding dan mengadakan jamuan yang besar. Apatah lagi mereka itu pun masing-masingnya ada masalah dan tanggungjawabnya sendiri. Kebahagiaan yang kami peroleh pada waktu itu telah dapat mengurangkan bebanan kemelaratan kami.

Sakit Sarimah terus menggila. Menjelang bulan Ogos 1959 usia perkahwinan kami meningkat setahun. Sarimah

telah hamil. Namun penyakitnya tidak juga sembuh malah menjadi bertambah berat. Keluarga sudah mula bosan dengan keadaan kami, kerana penyakitnya itu yang berlarut-larut dan tidak pula boleh diubati oleh doktor. Kami kembali pindah ke Pekan di rumah keluarga saya.

Pada suatu petang waktu asar, tiba-tiba sahaja terlancar perkataan saya "Kalau begini penyakit Mah, kenapa tidak kita cuba tulis surat pada Romainoor orang Pahang, untung-untung Mah boleh berlakon di dalam filem dan kita meninggalkan Pahang ini dan awak sembuh dari sakit".

Kata-kata yang terkeluar tanpa saya sedari. Entah kenapa itu pula yang saya katakan padanya. Padahal saya tidak pernah terniat untuk menggalakkan isteri saya meminati seni lakon. Kami juga seperti orang lain hanya menggemari filem-filem terutama filem-filem yang dilakonkan oleh P. Ramlee. Tetapi waktu bersekolah dahulu saya pernah mengambil bahagian dalam drama-drama yang diadakan oleh sekolah.

Sarimah yang sedang hamil itu sedang berbaring-barang. Mendengar kata-kata itu Sarimah sedikit pun tidak menunjukkan tanda-tanda terperanjat. Adakah ia sedar akan kejelitaannya yang boleh melayakkan ia menjadi bintang filem? Adakah dalam diam-diam ia menyimpan niat itu? Saya tidak berapa pasti. Barangkali kata-kata saya itu hasil dari gerakan telepati kerana Sarimah mungkin ada menyimpan cita-cita untuk menjadi bintang filem.

"Abang tulislah surat", demikian balasnya dengan tiba-tiba.

Waktu itu nama pengarah L. Krishnan sedang harum sebagai pengarah yang amat berjaya. Saya pun membatalkan niat untuk menulis surat kepada Romainoor yang pada waktu itu masih menjadi pelakon. Sudah tentu ia tidak berbuat apa-apa. Malam itu juga saya tulis surat

kepada L. Krishnan dan meminta keputusan sama ada Sarimah dapat berlakon atau tidak dijawab dengan seberapa segera. Pada waktu yang sama pula saya memohon untuk menjadi kerani di Cathay Kris. Pagi-pagi esoknya saya bangun awal dari biasa. Surat itu saya poskan dengan AR Register.

Sepuluh hari kemudian kami pun menerima jawapan dari L. Krishnan meminta datang ke Singapura untuk menjalani satu 'screen test'. Sebelum surat itu dikirimkan kepada L. Krishnan, Sarimah telah mengirimkan beberapa gambar yang diambil waktu dia dalam keadaan sihat dan gambar-gambar itu dibuat dalam beberapa cara, separuh dan penuh. Jawapan daripada L. Krishnan itu sungguh menggembirakan hati kami dan perkara itu kami rahsiakan dari pengetahuan saudara-mara. Fikiran kami sudah bulat untuk meninggalkan Pekan bagi memulai hidup baru di tempat lain. Tempat yang kami tidak duga, kami tidak rancangkan untuk pergi. Penyakitnya yang tidak sembuh-sembuh dan saudara-mara yang bina tak bina terhadap kami, terlalu menekan perasaan kami, lambat-laun akan mengganggu rumahtangga kami. Kami mesti meninggalkan Pahang, demikian tekad kami.

Sarimah selamat melahirkan anak sulung kami pada 16hb. September 1959 di Pulau Rusa. Cahaya mata pertama itu ialah seorang bayi perempuan dan kami namakan ia Norhayati. Namanya saya pilih sendiri sebagai kenangan kepada nama Nor Azizah gadis yang pernah saya cintai dahulu. Kelahiran Norhayati menambahkan lagi dalamnya kasih saya kepada Sarimah. Namun kedatangan bayi itu ke dalam hidup kami, tidak pula mematahkan hajat kami untuk mencuba nasib di Singapura. Norhayati ditinggalkan dengan ibu Sarimah di kampung.



SINGAPURA

10 Oktober, 1959 setelah kesihatan Sarimah agak baik kembali, kami pun terus bertolak ke Singapura dan menuju ke Studio Cathay Kris yang letaknya di Jalan Katong, Bedok. Waktu itu L. Krishnan sedang memperbaharui penggambaran filemnya yang terbaharu, bersama Latifah Omar bersama dengan Mustaffa Maarof memegang peranan penting. L. Krishnan dapat juga meluangkan masa untuk menanti kedatangan kami. Di situlah kami pertama kali kami dapat berkenal dengan bintang-bintang yang sebelum itu hanya dapat kami kenali melalui majalah dan filem-filemnya saja. L. Krishnan memperkenalkan kami kepada Latifah Omar, Mustaffa Maarof yang sedang menduduki mercu kejayaan. Kami sempat bertemu Romainoor dan beberapa orang pegawai studio lainnya. Dengan tidak banyak soal jawab Sarimah diminta menjalani screen test untuk menentukan sama ada ia mempunyai bakat atau tidak. Wajahnya yang memarik makan gambar atau fotogenik itu memberi harapan yang besar bahawa ia akan berjaya. Hasil ujian itu ialah Sarimah mempunyai kebolehan berlakon. Sarimah ditawarkan untuk berlakon. Alangkah gembiranya hati kami berdua. Termaklumlah sudah hajat kami yang terpendam, hajat yang timbul dari situasi penderitaan sakit Sarimah yang begitu lama. Hujan ganjil yang tidak ada ubatnya.

Saya masih lagi seorang kerani yang sedang bercuti. Di samping merasa gembira, hati saya berbelah bagi ketika itu. Saya belum lagi tahu dengan sebenarnya keadaan kehidupan masyarakat bintang filem. Saya tidak tahu tentang cubaan dan godaan yang ada di dalam dunia itu. Saya belum mau percaya akan godaan-godaan yang boleh bermacam kerukunan rumah tangga dan kasih sayang

antara kami berdua. Sarimah adalah isteri saya yang saya cintai dan dia juga mencintai saya. Kami sudah mempunyai cahaya mata. Saya tahu Sarimah seorang isteri yang pengasih lagi setia. Tidak ada sebab mengapa saya mesti cemburu bila Sarimah menjadi seorang bintang filem. Lagi pun saya tidak pernah menyangka bintangnya akan bersinar begitu terang hingga dapat mengaburi sinar bintang-bintang lain ketika itu. Kami cuma ingin mengadu nasib. Ramai bakal-bakal bintang yang gagal separuh jalan. Saya hampir merasa mungkin kami juga akan mengalami nasib serupa itu. Tidak ada rasa cemburu di hati saya terhadap Sarimah di waktu itu dan kami pun mula merundingkan soal bayaran dan sebagainya dengan Cathay Kris yang diwakili oleh Pengurusnya Tom Hodge. Ketika itu kami menginap di sebuah hotel di Geylang.

Pada satu hari sebelah pagi hati saya tiba-tiba sahaja tergerak untuk menelefon bapa saudara saya, Haji Yaakub Mohamad yang kini Duta Besar Singapura di India. Pada masa itu ia menjadi Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Pembangunan Negara Singapura. Saya dapat menelefon bapa saudara saya itu yang saya panggil Pak Hitam. Dengan segera ia menghantarkan motokarnya untuk mengambil kami dari hotel itu dan membawa ke rumahnya di Batu 10, Bukit Panjang, Bukit Timah. Kami sampai di rumahnya pada waktu makan tengahari. Setelah selesai makan ia pun bertanya akan tujuan kami datang ke Singapura. Kami pun terpaksa memberitahunya. Ia berkhotbah mengenai hal itu menurut pandangan agama. Seperti juga dengan kebanyakan orang ia menentang kerencita-cita kami itu. Bagi Haji Yaakub dunia filem adalah ibarat tempat yang penuh dengan berbagai-bagai godaan terhadap kerukunan rumahtangga, kesetiaan suami isteri. Orang yang terlibat di dalam perfileman nasibnya tak uba seperti lakonan filem itu sendiri. Menurut anggapannya sebuah dunia buatan yang batas pergaulannya antara lelaki dan perempuan sukar diukur. Pergaulan bebas yang tidak dapat dielakkan. Saya cuba menerangkan kepadanya

bahawa dalam dunia apa pun, dalam masyarakat apa pun, dalam golongan apa pun juga terdapat buruk dan baiknya. Sesuatu itu bergantung kepada individu itu sendiri. Tetapi pandangan saya itu dianggapnya sebagai satu teori yang ideal sahaja. Selain daripada itu saya juga menyebut tentang keadaan kesihatan Sarimah, udara di Pahang ternyata tidak cocok dengan kesihatannya. Akhirnya Sarimah telah ditawarkan bekerja di pejabat di Singapura dan Sarimah terpaksa membatalkan niatnya untuk menjadi seorang bintang filem.

Lebih kurang satu minggu kemudian, kami berdua telah dijemput ke Pejabat Utusan Melayu di Cecil Street. Kami tiba ke Pejabat Utusan jam 12 tengahari. Di sana kami bertemu dengan Hassan Moen pengarang 'Utusan Filem & Sport'. Setelah itu kami dibawa bertemu dengan ketua pengarangnya Osman Wok (kini Duta Besar Singapura di Indonesia). Osman Wok mula bertanya soal-soal umum mengenai diri kami. Bila tajuk perbualan menjadi semakin rancak, Osman Wok langsung bertanya tentang berita yang didengarnya dari Haji Yaakob Mohamad bahawa Sarimah hendak jadi pelakon filem. Saya lantas mengiyakan sahaja.

"Saudara tau dunia filem itu bagaimana?" tanya Osman Wok kepada saya dengan serius sambil tangannya meramas-ramas artikel yang bertaburan di atas mejanya. "Saya tidak tau secara dekat" balas saya. "Lebih baik saudara batalkan niat itu" katanya. Tanpa menanti saya menghujah lagi Osman terus berceloteh khusus untuk menasihatkan kami berdua supaya tidak meneruskan cita-cita mau berlakon. Sebab utama yang disarankan oleh Osman Wok senada dengan Haji Yaakob Mohamad iaitu percampuran tidak pantas dalam berlakon di antara lelaki perempuan.

"Ingatlah, saudarakan anak seorang Haji dan dari keluarga orang berpelajaran" kata Osman Wok "banyak perkara lain saudara berdua boleh buat". "Saya harap saudara nasihat tuan Haji Yaakob"

Tuan Haji Yaakub telah mempelawa kami tinggal bersama-sama di rumahnya, sementara seorang bomoh yang lain dicari untuk mengubati penyakit Sarimah. Ia memanggil seorang bomoh Jawa. Bomoh ini telah merawatnya selama lebih kurang 2 minggu. Dengan izin Tuhan rawatannya itu sudah berhasil dan Sarimah sembuh seperdua kala. Tetapi bomoh itu telah berpesan bahawa penyakit itu akan berbalik semula jika Sarimah kembali ke tempat asalnya, tempat penyakit itu mula-mula menyerang. Setelah sembuh maka dengan jasa baik bapa saudara saya Sarimah telah dapat bekerja sebagai jurutaip di 'Singapore Improvement Trust', iaitu satu bahagian di Kementerian yang bapa saudara saya menjadi Setiausaha Parlimennya. Saya terpaksa pulang ke Pahang sementara Sarimah tinggal di Singapura. Perpisahan yang beratus-ratus batu itu amat menyukarkan keadaan kami sekeluarga, jadi mau tidak mau saya pun memohon kerja sebagai kerani di Kementerian yang sama di tempat Sarimah bekerja. Kerana yakin bahawa saya akan berjaya dengan permohonan ini maka notis berhenti kerja di Jabatan Setiausaha Kerajaan Pahang pun saya buat. Saya telah meninggalkan Kuantan sebelum tamatnya tempoh notis itu.

Di Singapura pada waktu itu 1959 telah timbul krisis politik antara Perdana Menteri Lee Kuan Yew dengan Menteri Pembangunan Negara Encik Ong Eng Guan. Waktu itu kami telah menyewa sebuah flat yang baik di Tiong Baru Singapura. Sementara belum dapat pekerjaan di Jabatan Pembangunan saya menguruskan pekerjaan di rumah dan ibu Sarimah juga telah bersama-sama turut tinggal di Singapura menjaga anak kecil kami, Yati yang kami bawa bersama-sama setelah sebulan Sarimah bekerja di Singapore Improvement Trust.

Krisis yang timbul antara Perdana Menteri dengan Menteri Pembangunan Negara Singapura itu berpunca dari perebutan pengaruh di antara Lee Kuan Yew dengan Ong Eng Guan. Dalam perebutan pengaruh ini ternyata Lee Kuan Yew telah berjaya dan akhirnya Ong Eng Guan

terpaksa meletakkan jawatan. Akibatnya semua kakitangan yang bekerja di Singapore Improvement Trust yang bukan rakyat Singapura terpaksa diberhentikan. Dengan demikian Sarimah juga ikut terlibat dan permohonan saya untuk kerja itupun gagal. Ong Eng Guan yang kami kenal itu memang seorang yang baik. Kami tidak dapat melupai pertolongan yang diberikan olehnya. Ia telah memberikan bantuan kewangan kepada kami yang berada di dalam sempit. Kami mahu kembali ke Pahang saja kerana Haji Yakub juga ternyata tidak dapat menolong kami lagi sebab ia tidak mahu terlibat dengan pihak yang berkenaan, jika timbul sesuatu masalah dalam memberikan pertolongan itu. Harapan untuk mendapatkan pekerjaan telah tidak ada lagi, akhirnya kami ambil keputusan akan kembali ke tempat asal, sebab wang untuk pulang telah diberikan oleh Encik Ong Eng Guan yang sehingga hari ini kami tidak dapat melupakan pertolongannya itu.

Ong Eng Guan mempunyai sifat-sifat sebagai pemimpin rakyat yang sebenarnya. Orangny amatlah simpatik, baik hati dan pekertinya terpuji. Akibat krisis itu ia terpaksa meletakkan jawatannya sebagai Menteri tetapi kerana perkenanannya yang terpuji maka ia dikasihi oleh kalangan bawahan terutama kaum buruh di Singapura. Ong Eng Guan memberitahu saya bahawa ia tidak dapat berbuat apa untuk menolong saya selanjutnya dan bapa saudara saya juga sudah mengundurkan dirinya.

Setelah Sarimah berhenti daripada pekerjaannya, maka pada suatu hari entah bagaimana terniat di hati kami berdua untuk melawat ke Pejabat Utusan Filem dan Sport. Saya telah menalipon saudara Hassan Moin, wartawan akhbar itu untuk membuat appointment. Hassan Moin telah datang ke rumah kami dan bersama-sama kami pergi makan tengahari di Islamic Restaurant yang letaknya di Jalan Sultan Singapura. Tidak lama kemudian Saudara Jaafar Abdullah, Pegawai Penerangan Syarikat Show Brothers pun turut melawat. Sesudah makan Saudara Jaafar Abdullah telah mengundang kami melawat studio Jalan Ampas, Balestier

Road, yang pada ketika itu sedang mengadakan penggambaran filem 'Antara Dua Darjat' arahan dan lakonan P. Ramlee dan seniwati Saadiah. Studio yang selama ini kami hanya dengar dan melihat gambarnya di majalah-majalah sahaja tidaklah serupa dengan tempat yang biasa kami khayalkan. Sebuah tempat yang dihiasi dengan beberapa buah bangunan seperti gudang beras yang bertulis dengan Studio 'A' Studio 'B' dan juga nama Syarikat Studio Malay Film Production, Jalan Ampas. Studio yang dipagari oleh pagar besi biasa mempunyai beberapa bangunan untuk pentadbiran, untuk memproses filem dan sebagainya. Sampai di studio tersebut kami telah dibawa berjumpa dengan Pengurus Studio Quek Chip Jin, yang menjemput kami mengikuti Saudara Jaafar Abdullah pergi ke Studio A melihat penggambaran filem 'Antara Dua Darjat'. Itulah pertama kali saya dan Sarimah sampai ke tempat penggambaran filem sedang dilakukan. Suasana studio yang kami masuk itu gelap sahaja kecuali di satu sudut tempat penggambaran itu diadakan. Kami tidak diperkenalkan kepada para seniman dan seniwati yang ada di situ kerana mereka sedang sibuk menjalankan penggambaran. Kelihatan di antaranya P. Ramlee sendiri, Saadiah dan pelakon-pelakon tambahan yang lain.

Selepas daripada berjalan-jalan melihat keadaan sekeliling studio itu, kami kembali semula ke pejabat pentadbiran. Kami telah dijamu dengan jamuan ringan. Pada waktu itulah Sarimah ditawarkan untuk menjalani satu screen test. Tawaran itu kami terima dengan rasa gembira kerana harapan untuk tinggal lebih lama di Singapura mungkin ada. Apabila difikirkan pulang ke Pahang dengan keadaan yang ada itu, tentulah kami akan menghadapi masalah hidup. Saudara mara sudah tentu akan memarah kerana kami meninggalkan Pahang pergi ke Singapura walau apa pun alasan yang kami berikan. Malam itu kami dipelawa tidur di rumah saudara Hassan Moin kerana keesokan paginya kami akan pergi ke studio Jalan Ampas lagi untuk Sarimah menjalani satu ujian bakat. Sarimah

telah diberi beberapa potongan ayat untuk dihafalkan, di antaranya dia diminta berlakon sebagai seorang yang ditinggalkan kekasih, berlakon sebagai orang gila, berlakon sebagai orang yang sedih yang ditinggalkan kekasih dan menunjukkan expression muka dalam berbagai situasi ataupun keadaan.

Dua hari kemudian saya telah diberitahu bahawa Sarimah telah lulus dalam screen test tersebut. Kami sempat melihat hasil daripada screen test itu yang diadakan di Bilik Preview. Sungguh tidak saya sangka bahawa Sarimah mempunyai bakat lakonan semula jadi dan ia tidak kelihatan laku sedikit pun walaupun dahulunya tidak pernah berlakon dalam drama ataupun pertunjukan kebudayaan. Serta merta Pengurus Besar Studio tersebut Encik Lee telah menawarkan satu kontrak untuk Sarimah menjadi seorang pelakon tetap di studio tersebut. Tetapi sebelum kontrak itu dipertimbangkan, mereka telah memberitahu tidak dapat menawarkan apa-apa jawatan kepada saya. Tentulah tidak menasabah bagi saya membiarkan Sarimah bekerja di Singapura dan saya pulang ke kampung ataupun tinggal menganggur menumpanginya di Singapura. Tawaran yang diberikan kepada Sarimah itu pun ditolak dengan alasan saya perlu juga mempunyai pekerjaan. Pada masa itu anak lami, Norhayati telah pulang ke Pekan bersama-sama dengan ipar saya yang datang ke Singapura beberapa bulan sebelum Sarimah berhenti dari pekerjaannya. Setelah menolak tawaran itu kami menghadapi kesulitan untuk pulang ke Pahang kerana tidak ada wang tambang. Pembelian dari Ong Eng Guan \$100.00 itu telah kehabisan. Kami lalu berjumpa dengan Allahyarham Saudara P. Ramlee, yang kebetulan pada waktu itu sedang bersiap hendak berangkat ke Tokyo menghadiri satu Festival Filem. P. Ramlee telah menyatakan bahawa Sarimah mempunyai bakat yang baik. Ia akan berusaha supaya Sarimah dapat menjadi seorang pelakon yang tetap di sini kerana dia mempunyai masa depan yang cemerlang. P. Ramlee berjanji akan mengemukakan perkara itu kepada Tuan Run Run

Shaw, tuannya Syarikat Shaw Brothers yang akan sama-sama menghadiri Filem Festival itu. Kami mengucapkan terimakasih banyak kepada P. Ramlee dan merasa terhutang budi dengan segala apa yang telah dan akan dilakukan olehnya. Kami juga berterus-terang tentang ketiadaan tambang hendak balik ke Pahang. P. Ramlee dengan murah hati telah menulis sekeping cek Bank of Amerika bernilai \$100.00 dan memberikan cek itu kepada saya dengan berkata, "Saudara gunakanlah wang ini untuk pulang ke Pekan Pahang, kalau saudara nanti bekerja di sini bolehlah saudara bayar sedikit-sedikit, kalau sebaliknya, ada wang bayar kalau tidak adapun tak mengapalah".

Kami pun kembali ke Pekan terus ke Pulau Rusa di rumah ibu mertua saya yang letaknya 6 batu dari Bandar Diraja itu. Seminggu setelah tiba di rumah saya telah menghantar surat melamaran diri untuk menjadi seorang guru tetapi dengan kelulusan LCE sahaja waktu itu tentulah agak sukar. Jawapan yang saya terima ialah "tidak ada jawatan kosong". Saya terus tinggal di kampung menganggur membuat kerja-kerja kampung, mengikut bapa mertua saya pergi memotong kayu, merumput dan sebagainya dan saban petang saya berkayuh basikal ke rumah bapa saya di Pekan kalau ada wang yang diberikan oleh abang-abang waktu itu akan saya gunakan untuk membeli susu anak atau membeli beras sedikit-sedikit. Walau bagaimanapun keadaan di kampung tidaklah begitu menyusahkan kerana bapa mertua saya adalah petani dan mudin jadi sekadar makan untuk hidup tidaklah begitu susah. Dua bulan saya menganggur di Pekan itu. Saya masih tidak putus asa bahawa pada satu masa nanti ada tawaran untuk kami berdua pergi ke Singapura. Masa di kampung Sarimah di dalam keadaan sihat tidak ada serangan penyakit ganjil. Suasana peribadi agak menyedihkan kerana sudah adat dunia 'hina manusia kerana miskin, hina besi kerana karat'. Dengan ketiadaan kerja tetap saya tidak begitu mendapat perhatian baik dari keluarga Sarimah maupun dari keluarga saya sendiri. Kata-kata yang menyindir selalu dilepaskan terhadap diri saya. Tetapi kami tetap bersabar juga.

TAWARAN BERLAKON

Seperti biasa setiap hari saya berbasikal ke Pekan, waktu dalam perjalanan balik suatu petang itu saya telah berpapas dengan postman yang bernama Abdullah, yang memang saya kenal. Dia lalu memanggil saya "Zul, Zul!! dan setelah dikat ia memberitahu tentang satu telegram yang telah dibawanya ke rumah saya.

"Bila?" tanya saya.

"Minggu yang lepas"

"Beri kepada siapa?"

"Ayah awak", katanya.

Saya serta-merta berfikir mungkin ayah saya sengaja tidak hendak memberikan telegram tersebut kepada saya sekiranya kerana sebab-sebab yang dia sendiri yang tahu.

Dollah lantas membelek-belek bungkusan surat-surat dan mengatakan ada sepucuk lagi telegram untuk saya. "Ya! ini dial!"

Telegram itu lalu diberikan kepada saya. Dengan bergesanya saya membukanya. Sangkaan saya betul. Telegram itu dikirim menyuruh Sarimah segera ke Singapura kerana P. Manjee akan memulakan filem 'Ali Baba Bujang Lapuk'.

"Terimakasih Lah, terimakasih" kata saya kepada Dollah poeman itu. Saya lantas berkayuh dengan lajunya menuju ke Pulau Rusa hendak sampai dengan cepat. Waktu saya sampai di kampung yang bernama Tanjung Medang saya terpaksa menyeberang ke Pulau Rusa dengan sampan. Saman mata yang saya pakai telah jatuh ke dalam sungai dan terus hilang. Sampai saja di seberang Pulau Rusa, saya pun berteriak-teriak kepada Sarimah. "Mah, Mah, telegram dari Singapura!!" telegram dari Singapura!" Mencungap sahaja kepenatan. Suasana kegembiraan sekali lagi menyelubungi perasaan kami berdua waktu itu. Saya juga telah

memberitahunya bahawa sebaik saja saya mendapat teleg-ram tadi, saya telah menelefon Studio Jalan Ampas berca-kap dengan Mr. Quek, pengurusnya. Saya katakan teleg-ramnya selamat diterima tetapi kami tidak ada wang untuk tambang pergi ke Singapura. Mr. Quek lalu menyuruh kami pergi ke mana-mana saja panggung Shaw Brothers yang dekat sekali dengan Pekan. Saya sebutkan Kuantan. Dia mengatakan pergilah berjumpa Pengurus panggung Rex Kuantan esok pagi jam 10.00 dan meminta \$50.00 untuk tambang kami datang.

Saya terus menyuruh Sarimah bersiap dan malam itu juga kami berbincang dan bersetuju untuk memberitahu saudara yang dekat bahawa kami akan pergi ke Singapura untuk menziarahi saudara saya. Pagi-pagi lagi kami bertolak, mula-mula ke Kuantan berjumpa dengan Pengurus Panggung Shaw Brothers dan mengambil \$50.00. Kemudian kami naik bas ke Temerloh untuk menunggu keretapi kargo petang yang akan bertolak ke Singapura. Kami naik kelas 3. Perjalanan sungguh membosankan. Penumpang-penumpang kelas 3 kebanyakannya dari pekerja orang-orang India pekerja-pekerja estet. Kami tidak bercakap banyak kerana tabiat orang-orang ini kuat sekali bercakap bersembur-sembur air liurnya. Kami bertumpang dagu memandang keluar melihat estet-estet di sepanjang jalan itu dan melihat orang turun naik di stesen-stesen kecil yang dilalui oleh keretapi kargo itu. Malam itu kami tidur dalam keretapi itu juga. Subuh-subuhnya keretapi itu bertolak dari Gemas menuju ke Singapura.

Lebih kurang jam 8.00 pagi keretapi itu pun sampai di stesen Tanjung Pagar. Kami menaiki sebuah teksi yang sedia menanti di stesen itu lantas memintanya menghantar kami ke rumah saudara Hassan Moin di Kim Kiat Road. Rumahnya itu tidak berapa jauh dari Studio Jalan Ampas. Saudara Hassan Moin suami isteri menyambut kedatangan kami dengan penuh mesra dan malam itu kami habisi dengan berbual-bual dan mendengar pandangan-pandangan

Hassan Moin dan isterinya. Besoknya Hassan Moin telah menemani kami ke Studio Jafan Ampas. Mr. Quek, Pengurus Studio ada di sana. Kepada kami telah diterangkan bahawa Sarimah diperlukan berlakon sebagai Mardiana dalam filem 'Ali Baba Bujang Lapuk'. Oleh kerana Sarimah tidak mempunyai pengalaman berlakon apa-apa maka bayaran yang akan diberikan kepada Sarimah untuk keseluruhan peranannya dalam filem tersebut ialah \$500.00. Kami terpaksa menerimanya kerana mendengarkan alasan-alasan yang telah diberikan. Mr. Quek mengatakan bahawa filem ini hanyalah sebagai intro sahaja dan kalau berjaya dengan percubaan itu maka akan dibuat perkiraan lain.

Lebih kurang tiga minggu Sarimah berlakon di dalam filem itu yang kebanyakannya dilakonan dalam studio (in doors). Gambar itu siap selepas lebih kurang sebulan dan Sarimah terus menyelesaikan dubbing dan sebagainya. Hasil daripada penggambaran-penggambaran yang telah diambil ternyatalah bahawa Sarimah boleh dikatakan berjaya melakonan peranannya walaupun dia pertama kali menghadapi lensa kamera. Publisiti-publisiti yang diberikan oleh studio melalui majalah-majalah telah memberikan populariti yang cepat sekali kepada Sarimah sebagai pendarang baru dalam dunia filem. Majalah filem keluaran Shaw Brothers telah menggunakan kesempatan bukan sahaja untuk melariskan filem 'Ali Baba Bujang Lapuk' tetapi juga untuk memperkenalkan lakonan Sarimah.

Kami masih lagi tinggal di rumah saudara Hassan Moin. Budi baik saudara Hassan Moin dan keluarganya sungguh sangat sukar untuk kami lupakan. Walaupun kami tinggal menumpang di rumahnya dengan makan minum dan sebagainya, tetapi beliau dan isterinya menolak bayaran yang hendak kami berikan. Mereka mengetahui bahawa kami dalam keadaan sempit dan tidak berwang. Seolah-olah mereka merasa berkewajipan untuk membantu Sarimah dan saya sementara penggambaran 'Ali Baba Bujang Lapuk' itu tetap diusahakan.

Filem sudah siap tetapi tawaran untuk Sarimah terus berlakon atau jawatan untuk saya belum lagi diterima. Pada satu hari Sarimah dan saya telah pergi berjumpa dengan Mr. Lee, Pengurus Besar Studio tersebut dan mengatakan bahawa kami ingin pulang ke Pahang kerana penggambaran filein 'Ali Baba Bujang Lapuk' sudah selesai. Bayaran yang dijanjikan kepada kami pun hampir akan habis. Pengurus Besar itu mengatakan bahawa dia suka menawarkan pekerjaan kepada Sarimah sebagai pelakon tetap tetapi dengan ikatan kontrak selama 3 tahun dan option selama 5 tahun dan kepada saya ditawarkan jawatan sebagai Penterjemah Sub-title. Tetapi gaji yang ditawarkan sungguh malu hendak saya katakan tetapi kerana memandangkan pihak studio ada menyediakan tempat tinggal di Jalan Boon Teck, maka hendak tak hendak kami terpaksa menerimanya.



Bergambar diKuantan 1959

*Kanan: kakak Sarimah, Zalmah. Belakang Zalmah suaminya
Che Gu Othman Ahmad.*



Sarimah menghadapi screen test sebelum menjadi pelakon (1959). Kelihatan Allahyarham P. Ramli mengendalikan ujian tersebut.



Bergambar dengan Sultan dan Sultanah Kedah semasa penubuhan jawatankuasa BAPAK di Istana Kedah Kuala Lumpur (1976).

MENJADI BINTANG FILEM

Tawaran untuk bekerja itu terpaksa kami terima kerana memikirkan bahawa pada waktu itu keadaan kami begitu terdesak dan untuk pulang ke kampung pun sudah tidak ada tujuan yang konkrit lagi. Kecuali kami sanggup menjadi petani yang bergantung hidupnya kepada tanaman padi atau menoreh getah. Tawaran gaji yang diberikan untuk Sarimah pada sebulan ialah \$115.00 dan saya \$150.00 sebagai Penterjemah Sub-title. Selepas enam bulan gaji Sarimah akan dinaikkan menjadi \$150.00 dengan bayaran bonos bagi tiap-tiap filem yang dilakonkan olehnya sebagai peranan utama sebanyak \$350.00. Keadaan pembayaran ini berkekalan sehinggalah saya dilantik sebagai Penolong Pengarah pada tahun 1964. Semua tanggagaji para artis dan para pekerja studio itu barulah mendapat perubahan sesudah diperjuangkan oleh PERSAMA (Persatuan Artis) yang bergabung dengan Persatuan Buruh di Singapura pada tahun yang sama.

Kami telah pindah ke quarters yang disediakan oleh majikan yang letaknya lebih kurang 100 ela sahaja daripada Jalan Ampas itu. Quarters di Boon Teck Road itu telah terkenal sebagai asrama tempat tinggal semua bintang-bintang filem kecuali P. Ramlee, yang telah pindah ke tempat lain.

Bagi masyarakat umum yang mengikuti perkembangan bintang-bintang kesayangan mereka melalui majalah atau surat khabar ada yang menganggap Boon Teck Road, asrama bintang filem itu sebagai satu kawasan perumahan elite atau kalau di Kuala Lumpur dibandingkan dengan Persiaran Kenny Hill atau pun Damansara Height. Tetapi apa yang sebenarnya rumah-rumah di Boon Teck Road itu

tidak ubah seperti kandang kuda sama dengan Shaw Stable, kandang kuda taukehnya. Berek quarters itu lebih kurang samalah dengan berek buruh-buruh kasar yang bekerja dengan Jabatan Keretapi ataupun Jabatan Kerjaraya.

Rumah itu rumah berek berpetak-petak. Tiap-tiap blok mempunyai satu bilik yang dibuat daripada plywood, di situlah tempat para seniman itu tinggal bersama keluarganya. Kalau ia mempunyai keluarga yang besar maka penuh sesaklah rumah itu, anak-anaknya akan tidur bergelimpangan di luar bilik itu di tempat yang dijadikan ruangan tetamu ataupun di mana-mana sahaja asalkan dapat meletakkan badannya. Tandasnya masih lagi tandas yang diangkat najisnya. Air dibayar bilnya oleh pihak majikan, api dibayar oleh penghuni itu sendiri. Perkara yang amat memalukan selain daripada bentuk quarters tak ubah seperti Shaw Stable, maka Jalan Boon Teck itu sendiri pula buruk dan sukar untuk dilalui kereta. Jika hujan, jalan itu ditenggelami air dan tidak dapat dilalu. Itulah asrama Boon Teck Road yang digelarakan Bervely Hill bagi bintang-bintang filem Melayu.

Sarimah dan saya tinggal di situ selama beberapa tahun hinggalah studio Shaw Brothers itu ditutup seluruhnya. Di sinilah tinggal bintang-bintang filem yang terkenal seperti Saadiah, Normadiah, Salleh Kamil, S. Samsuddin, Ibrahim Pendek dan lain-lain lagi yang terdiri lebih kurang tiga puluh keluarga. Pelakon-pelakon filem itu telah membuat sebuah court sepaktakraw dan Allahyarham P. Ramli merupakan pemain takraw yang handai. Bagi mengindahkan tempat tinggal mereka bintang-bintang filem itu cuba memberikan warna yang menarik pada tempat tinggal masing-masing. Barang siapa yang melawat di sana akan melihat quarters para seniman itu sebagai satu kelompok technicolour, mengecat rumah masing-masing dengan berbagai-bagai warna. Perabot-perabot rumahnya mengikut kemampuan berurusan dengan orang yang memberi hutang. Tiap-tiap dua minggu sekali iaitu ketika para artis itu menerima

gaji setengah bulan, kelihatanlah berkeliaran beberapa orang Cina kedai perabot menunggu hutang mereka ataupun memberikan hutang baru untuk perabot-perabot yang hendak ditukar.

Masyarakat bintang filem Melayu tidak ada bezanya dengan masyarakat-masyarakat di luar filem. Mereka cuba menghiaskan rumah mereka dengan seberapa cantik yang boleh, dengan perabot-perabot yang mahal. Motokar juga sering bertukar ganti. Bukanlah satu perkara yang luar biasa melihat seniman dan seniwati itu mengganti kereta setelah membelinya beberapa bulan sahaja. Keadaan hidup masyarakat bintang filem di situ boleh dikatakan agak mesra dan kalau ada perselisihan peribadi, maka itu adalah perkara yang lumrah. Sarimah dan saya tinggal di blok yang penghabisan di sebelah hujung yang digunakan sebagai surau atau tempat anak-anak para seniman-seniwati di situ belajar mengaji. Surau itu kemudian telah dijadikan satu dengan rumah kami. Setelah beberapa tahun kami tinggal di sana, dapatlah sedikit kelegaan bagi kami menerima tetamu atau saudara-mara yang datang bermalam. Surau telah dialihkan ke tengah-tengah bahagian quarters. Suasana pergaulan biasa sahaja. Masing-masing membawa cara hidup dan perangnya walaupun terdapat berbagai-bagai desas-desus. Hal serupa ini berlaku di dalam masyarakat apa pun juga. Masyarakat bintang filem tentulah agak berbeza sebab dianggap sebagai cermin masyarakat, tempat peminat-peminat menaruh perhatian terutama kepada gerak-laku pelakon-pelakon filem yang mereka sanjungi.

Setelah kontrak itu ditandatangani, Sarimah terus ambil berlakon dalam filem yang kedua iaitu 'Norlaila' dan kemudian terus berlakon dari satu filem ke satu filem yang lain. Sehingga tidak mempunyai masa rehat sedikit pun. Pada masa itu Studio Shaw Brothers sedang mencari bakat-bakat baru yang dapat dieksploitasi sedemikian rupa. Pelakon-pelakon baru itu diberi sebanyak-banyak filem yang boleh dilakonkan lebih-lebih lagi jikalau pelakon itu

mendapat sambutan yang baik dari masyarakat penonton. Sarimah telah digunakan oleh Shaw Brothers dalam masa kontraknya yang pertama itu berjalan kuat-kuasanya. Publisiti yang diberikan bertujuan untuk menjadikan Sarimah bintang pujaan ramai. Setiap lakonan Sarimah lebih-lebih lagi jika filem itu diarahkan oleh P. Ramlee akan mendapat sambutan yang hebat. (Mengenai eksploitasi Syarikat Shaw Brothers ini telah saya bantah di dalam thesis sejarah perkembangan filem Melayu hari ini, 1973.

Daripada tarikh kami menandatangani kontrak tahun 1960 sampailah tahun 1962 kesedaran tentang nasib bintang-bintang filem ini telah mulai ada. Eksploitasi dan layanan majikan yang tidak wajar, yang telah menarik keuntungan dari titik peluh mereka telah mulai terasa. PERSAMA iaitu persatuan mereka telah mengambil keputusan untuk menggabungkan diri dengan Persatuan Buruh yang terbesar di Singapura. Kecuali beberapa orang bintang yang utama seperti P. Ramlee, yang lainnya bolehlah dikatakan menjadi ahli belaka kepada persatuan ini.

Saya pada waktu itu telah mengambil inisiatif menubuh dan menjadi salah seorang pengasas UMNO di Whitely Road. Sebahagian besar para seniman dan seniwati saya bawa masuk menjadi ahlinya. Tidak lama kemudian saya telah menubuhkan pula UMNO Cawangan Toa Payoh dan saya sendiri menjadi setiausahanya. Pada masa itu Encik Khir Johari menjadi Pengerusi Perikatan UMNO Singapura sebelum Singapura masuk bergabung dalam Malaysia. Dalam pergerakan UMNO ini Sarimah turut giat berkempen untuk mendapatkan ahli-ahli baru atau mengadakan per-tunjukan amal. Apabila timbul krisis mengenai tuntutan gaji, maka selain daripada melalui persatuan (union) kami juga menggunakan pengaruh UMNO Singapura untuk mendapatkan sokongan UMNO Pusat bagi menghadapi Syarikat Shaw Brothers. (Semua krisis ini telah saya tuliskan secara mendetail di dalam thesis saya **Sejarah Perkembangan Perfilem Melayu 1973**), Di sini saya cuma ingin sebutkan

bahawa di antara pemimpin-pemimpin Malaysia yang mengambil berat tentang pergolakan krisis di antara seniman-seniwati dengan Syarikat Shaw Brothers itu di antaranya ialah Tan Sri Ghazali Shafie, Encik Khir Johari, Datuk Senu Abdul Rahman, Haji Mohd. Tab, Pengerusi UMNO Singapura waktu itu dan lain-lain lagi.

Setelah beberapa lama Sarimah menjadi seniwati bintang filem, banyaklah reaksi dari kampung yang tidak baik. Saya menerima beberapa pucuk surat daripada pihak keluarga saya yang menyatakan tidak setujunya Sarimah memasuki dunia filem, kerana bertentangan dari kaca mata agama dan sebagainya. Tetapi pada waktu itu penyelesaian kehidupan kami berdua tidak dapat tercapai hanya dengan menyetujui pendapat-pendapat mereka. Kerana kami perlu meneruskan hidup dan untuk meneruskan hidup kami perlu makan dan untuk makan kami perlu bekerja. Apatah lagi pada waktu itu kami telah pun mempunyai anak dan anak itu ada bersama-sama kami di Singapura.

Pada dasarnya Sarimah masih lagi seorang wanita kampung. Dia masih kuat berpegang kepada ajaran-ajaran agama dan adatnya. Dia tidak pergi ke mana-mana parti dan kalau terpaksa benar akan pergi bersama-sama dengan saya. Banyak undangan yang kami terima dan banyak di antaranya yang kami tolak sebab kami berpendapat menjadi bintang filem itu semata-mata kerana mencari rezeki menurut kebolehan kami dan bukan ada tujuan lain.

Pertama kalinya Sarimah dan saya diundang keluar untuk mengambil bahagian dalam satu pesta kebudayaan bersama-sama dengan P. Ramlee dan Saloma, ialah pada tahun 1963. Undangan itu dibuat oleh UMNO Pulau Pinang. Itulah pertama kalinya kami berdua menaiki kapal terbang. Peristiwa yang melucukan hati telah berlaku.

Saya begitu keluh-kesah sementara menunggu kapal terbang membawa rombongan kami ke Pulau Pinang dari Lapangan Terbang Paya Lebar Singapura. Bila pengumuman

dibuat untuk kami menaiki pesawat tersebut saya tidak sedar beg kain baju saya tertinggal di lapangan terbang. Sudahlah begitu, kapal terbang yang kami naiki (kemudian saya diberitahu kapal terbang ini jenis Fokker Friendship untuk penerbangan dalam negeri sahaja), kecil sahaja. Peluh di dahi saya merecik membasahi muka. Mulut saya sentiasa kumat-kamit membaca ayat suci. Saya pandang sekeliling, penumpang-penumpang lain tenang. Kebanyakannya membaca akhbar atau majalah. P. Ramlee, Saloma, Saadiah dan Ahmad Daud duduk berjauhan dengan kami berdua. Saya tidak faham mengapa mereka begitu tenang. Sedangkan kapal terbang Fokker itu turun naik seperti dilambung ombak kerana terkena 'airpocket'.

Rupanya hal serupa ini sudah biasa dan kelaziman. Kerana saya tidak pernah naik kapal terbang, saya rasakan kapal terbang itu akan terhempas ke bumi. Hampir tiga perempat perjalanan itu punggung saya tidak menyentuh kusyen kerusi yang disediakan. Kedua tangan saya memegang kuat tangan kerusi tersebut sambil peluh menyimbah muka dan membasahi badan. Hawa dingin dalam pesawat itu tidak saya rasai lagi. Apabila sampai di Pulau Pinang barulah saya menyedari bahawa beg kain baju kami tertinggal di Singapura dan beg itu sampai keesokan harinya dibawa oleh kapal terbang yang lain.

Di Pulau Pinang saya turut menyanyi, Sarimah bertawak. Sambutan yang kami terima sungguh besar sekali. Kepopularaan Sarimah telah meningkat dengan pesatnya dan surat-surat yang diterima daripada para peminatnya terlalu banyak sehingga tak sanggup untuk dijawab. Majalah-majalah yang meminta gambar Sarimah menjadi hiasan kulitnya banyak, hingga kami tidak punya masa untuk berehat atau pulang ke kampung.

Corak pekerjaan dalam dunia filem berlainan dengan pekerjaan yang biasa dilakukan oleh golongan-golongan lain seperti guru, jururawat, kerani dan sebagainya. Dunia filem ialah dunia 'make-believe' yang terasing dari dunia yang

nyata. Ia merupakan satu lapangan baru dalam dunia moden. Para seniman-seniwati itu ditugaskan melakoni semua peristiwa manusia, cerita yang terdapat dalam masyarakat: tragedi, komidi dan sebagainya. Seniman dan seniwati itu di suruh melakonkan watak yang terdapat dalam masyarakat. Dengan demikian berbagai-bagai rekasi dan interpretasi yang dapat dibuat dalam memperkatakan kehidupan para artis itu. Bagi saya sebagai seorang Islam merasa agak janggal dengan cara-cara pekerjaan seseorang pelakon. Sebuah cerita percintaan terpaksa dilakonkan benar-benar menyerupai kehidupan orang yang bercinta, berdakap-dakapan dan mungkin juga adegan berciuman semata-mata untuk memberi nafas pada lakonan itu, supaya ia benar-benar menimbulkan satu realiti. Alangkah janggalnya apabila hal yang ditegah oleh agama dan adat ini dilakukan oleh orang-orang yang percaya pada agama dan adat itu. Dari segi perusahaan yang mengharapakan keuntungan walaupun hal ini dilarang oleh agama dan adat, terpaksa dilakukan. Bagi seorang suami yang isterinya menjadi seniwati dan bagi seorang isteri suaminya menjadi seniman, terpaksa lah mengeneipkan tegahan agama dan adatnya, kerana rezeki dan nama. Seorang suami atau isteri tetap mempunyai perasaan cemburu, tetapi bagi saya apabila seseorang seniwati atau seniman itu dikehendaki memegang sesuatu peranan menurut cerita yang akan difilemkan maka sebagai pelakon terpaksa lah ia mengikut arahan yang dikehendaki oleh pengarahnya. Ia terpaksa melakonkan apa juga lakonan yang menasabah yang tidak menjolok mata ataupun tidak terlalu sumbang dipandang. Kerana memahami hakikat inilah maka saya tidak begitu merasakan cemburu lebih-lebih lagi apabila saya sendiri ikut bertugas di dalam studio itu. Saya sentiasa menemani Sarimah ketika pergi melakukan penggambaran sama ada di studio ataupun di luar studio. Tetapi tidak pula semua penggambaran di luar studio itu saya ikuti kerana rombongan yang pergi itu biasanya ramai dan kebanyakannya sudah menganggap diri mereka itu seperti satu keluarga. Hormat-menghormati

antara satu sama lain. Jikalau pun mereka itu hendak melakukan sesuatu yang tidak baik maka hanya boleh dilakukan di luar daripada masyarakat mereka sendiri.

Banyak pertanyaan yang telah dikemukakan kepada saya apakah saya tidak cemburu jika ada babak-babak romantik yang dilakonkan oleh Sarimah dengan seorang seniman yang lain? Maka saya menjawabnya. Tidak. Babak-babak itu dilakonkan semata-mata kerana menjalankan tugas sebagai pelakon dan tidak lebih dari itu. Satu-satu penggambaran disaksikan oleh berpuluh-puluh pekerja yang menyelenggarakan lampu-lampu di dalam studio itu. Juru kamera dan penolongnya serta kakitangan yang lain adalah orang-orang yang ditugaskan untuk mengambil gambar babak-babak itu. Soal cemburu tidak dapat dielakkan tetapi tidaklah merupakan satu cemburu yang besar yang boleh mendatangkan perselisihan faham di antara seniman-seniwati yang berlakon dalam sesebuah filem itu. Tetapi wujud apa yang dikatakan professional jealousy.

Dunia filem mana pun juga terdapat 'professional jealousy' misalnya kalau seniwati itu sentiasa diambil berlakon oleh pengarah yang satu maka akan timbul berbagai-bagai gossip, bisik-bisik yang menyakitkan telinga. Begitulah yang telah terjadi dengan seniman P. Ramlee. Beliau merupakan seniman yang besar, seniman kesayangan majikan. Perasaan iri hati terhadapnya tentu ada, walaupun kebolehan P. Ramlee itu sesuatu yang unik dan sukar ditandingi oleh orang-orang lain. Amat wajar ia diberi keutamaan oleh majikannya jika dibandingkan dengan yang diberikan kepada pekerja-pekerja, pengarah-pengarah, seniman-seniwati yang lain di studio itu.

Kami terus berkecimpung dalam dunia filem dan terus berusaha untuk memperbaiki keadaan kehidupan kami. Saya masih juga aktif dalam pergerakan UMNO Singapura sehinggalah saya memegang jawatan-jawatankuasa bahagian yang dipengerusikan oleh Tuan Syed Ali Redza. Kami telah mengadakan Malam Pemuda UMNO Singapura 1965 untuk

pergerakan pemuda UMNO Singapura yang telah mendapat sambutan hebat. Saya sendiri mengambil peranan aktif untuk menjayakan malam pemuda UMNO Singapura tersebut dan telah pergi berjumpa dengan pemimpin-pemimpin UMNO sendiri bagi mendapatkan sumbangan, misalnya mendatangkan penari dari rumah-rumah dan tempat-tempat lain dan sebagainya.

Setelah Singapura keluar dari Malaysia dalam tahun 1963, peristiwa itu telah memberi kesan politik kepada studio filem Shaw Brothers, kerana studio ini yang segi analisis politiknya merupakan suatu tempat tinggal para pekerja yang kebanyakan memberi taat setia kepada Kerajaan Malaysia. Sebahagian besar pekerjanya adalah ahli UMNO dan ini bertentangan dengan cara pemikiran Kerajaan PAP Singapura. Studio ini juga memberi beberapa kemudahan kepada Perdana Menteri Malaysia, Tunku Abdul Rahman bekas Perdana Menteri dalam hal-hal yang meluarnya mengeluarkan filem yang ditulisnya, misalnya 'Si Bersiong'.

Kami bekerja di studio itu sejak tahun 1960 sehinggalah ia ditutup dalam tahun 1967. Krisis demi krisis terus berlaku dan mogok demi mogok mengancam di studio itu. Bermula dari filem 'Ali Baba Bujang Lapuk' yang diedarkan pada 31 Januari 1961, Sarimah telah berlakon di dalam filem 'Indera Bangsawan' tahun 1961, 'Si Tanggang' tahun 1961 juga, 'Ibu Mertuaku' tahun 1962, 'Lubalang Daik' tahun 1962, 'Batu Durhaka' tahun 1962, 'Labu dan Labi' tahun 1962, 'Norlaila' filemnya yang kelapan tahun 1962, 'Meraca' filem yang kesembilan tahun 1963, kemudian 'Barah Muda' filem yang kesepuluh tahun 1963, 'Madu Tiga' filem yang kedua belas, 'Tiga Abdul' filemnya yang ketiga belas, 'Bidasari' tahun 1965, 'Sayang Si buta' filem yang kelima belas tahun 1965, 'Dayang Senandung' tahun 1965. Filem yang ketujuh belas 'Sri Andalas' tahun 1966, filem yang kelapan belas filem 'Gerak Kilat', filem yang kesembilan belas 'Jebak Maut' dan filemnya yang kedua puluh iaitu



Gambar penulis semasa menjadi Pegawai Seranta FAMA (1968-1969).



(2a) Semasa berbahagia bersama keluarga di Boon Teck Road Singapura



Semasa di Singapura bersama bekas isteri & 3 anak anak (1965)

menjelang studio itu ditutup ialah 'Raja Bersiong'. Filem yang terakhir ini adalah karya Tunku Abdul Rahman Putra filem yang menggunakan belanja yang sangat besar. Filem itu diedarkan pada 8 Februari 1968.

Saya telah pun meletakkan jawatan di studio itu ketika filem tersebut sedang diselenggarakan dan mencuba mencari tempat bertapak yang lebih stable. Saya berhenti dalam tahun 1967. Dengan jasa baik Tan Sri Ghazali Shafie, saya telah pergi ke Sabah bekerja dengan Parti USNO sebagai pegawai Kebudayaan. Tugas saya ialah menguruskan pertunjukan kebudayaan di tempat-tempat yang akan diadakan pilihanraya pada tahun 1967 atau 1968 begitulah. Selain daripada itu saya juga membuat surat-surat menjemput firma-firma membeli ruang iklan atau mengisi ruang iklan dalam buku-buku cenderamata yang diterbitkan bersangkutan dengan pertunjukan-pertunjukan tersebut. Pentas-pentas tempat pertunjukan itu diadakan juga merupakan pentas untuk pemimpin-pemimpin USNO berucap.

Selama bertugas di Sabah itu saya tinggal di Hotel Jesselton Anex. Kerana pekerjaan itu saya terpaksa meninggalkan Sarimah dan anak-anak di Singapura. Di waktu itu kami telah pun mempunyai 3 orang anak, Farawahida dilahirkan pada tahun 1961 dan anak yang ketiga Mohd. Jamil lahir pada tahun 1964. Setiap malam saya akan menelefon ke rumah saya di Boon Teik Road, kerana terlalu ingin kembali bersama-sama dengan anak dan isteri saya.

Waktu saya bertugas di Sabah itu iaitu dalam masa beberapa bulan sahaja beberapa perkara yang tidak menyenangkan hati telah berlaku yang menyebabkan saya terpaksa balik ke Singapura. Sarimah telah memberikan kepada saya surat-surat yang ditulis sendiri oleh seorang pemimpin Sabah yang terkenal. Surat-surat asmara yang diposkan pada masa si penulisnya berada di angkasaraya ataupun daripada Waldorf Hotel atau dari hotel-hotel yang besar di New York. Saya sama sekali tidak menyangka perkara yang serupa ini berlaku tetapi sebagai mengingati

kita ini manusia maka ia adalah soal biasa. Surat-surat itu kemudian saya serahkan kepada YAB. Tun Razak yang ketika itu menjadi Timbalan Perdana Menteri. Saya telah menyerahkan surat-surat itu kepadanya pada masa saya pergi ke Sri Taman untuk memberitahu bahawa saya tidak ingin lagi pulang ke Sabah. Surat-surat itu telah diambil oleh Tun Razak sendiri.

Saya dan Sarimah mula-mula bertemu dengan Tun Razak selain daripada di hari pembukaan Rumah UMNO Singapura pada tahun 1965 ialah pada waktu menghadiri Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Tun Razak sebagai pembesar Pahang turut hadir sama dan kami sebagai anak dari tempat yang sama juga ikut diundang. Saya sedang menguruskan keberangkatan para artis Malaysia untuk mengambil bahagian dalam pertunjukan di Sabah ketika peristiwa di atas itu berlaku. Mengenangkan bahaya yang mungkin menimpa saya di sana maka saya pun tidak jadi berangkat dan projek kerja itu terbengkalai begitu sahaja. Penolakan bekerja di Sabah itu saya beri tau kepada Tun Razak sendiri.

Saya kemudian bekerja sebagai seorang Pembantu Penulis di Jabatan Perhubungan Raya Ibu pejabat MARA di Kuala Lumpur dan dengan demikian saya terpaksa tinggal di Kuala Lumpur sementara Sarimah terus menetap di Singapura. Saya terpaksa berulang-alik di antara Kuala Lumpur dengan Singapura setiap ada kesempatan. Hal ini pun menimbulkan problem bagi kami berdua. Perasaan kasih sayang yang telah berakar umbi itu menyebabkan perpisahan walaupun sebentar sebagai sesuatu yang sangat merisaukan.

Studio Jalan Ampas telah ditutup pada tahun 1967. Semua para artisnya telah diberi notis dan dibayar ganti rugi tetapi Sarimah telah ditawarkan bertugas di Studio Merdeka Kuala Lumpur. P. Ramlee telah berada di Studio Merdeka. Ia meninggalkan Studio Jalan Ampas pada tahun 1966 sesudah berlaku beberapa perselisihan faham dengan

pihak majikan dan para pekerja. Saya kemudian ditukarkan sebagai Pegawai Daerah MARA di Johor Bharu dan Sarimah (setelah studio ditutup) ikut menyertai saya di sana. Kami menyewa sebuah rumah di Jalan Putri. Pada masa di Johor Bahru itulah saya mengambil peperiksaan MCE dan FMC dan walaupun sudah meninggalkan sekolah hampir 8 tahun lamanya, serta tidak pernah menjejak kaki ke tingkatan 5 saya telah lulus dalam kedua-dua peperiksaan itu. Dengan kelulusan itu jawatan saya sebagai Pegawai MARA Daerah itu pun dirasmikan. Apabila Sarimah mendapat tawaran berlakon dengan Merdeka Studio, saya telah meminta pindah ke Kuala Lumpur dan akhirnya saya ditukarkan ke Kuala Kubu Baru sebagai Pegawai MARA Daerah tetapi tinggal di Jalan Kelang Lama. Pihak MARA ada menyediakan rumah tempat pegawai-pegawainya tetapi oleh kerana isteri dan anak-anak saya tinggal di Kuala Lumpur maka setiap hari saya terpaksa berulang-alik lebih kurang 80 batu lalui dari Kuala Kubu Bahru ke rumah saya di Ulu Kelang. Sarimah telah berlakon dalam beberapa buah filem di Studio Merdeka itu. Saya selalu juga pergi menghantarnya ke studio jikalau ia berlakon pada waktu malam dan menunggunya. Begitulah keadaan kehidupan kami yang masih belum boleh dikatakan stable walaupun dari segi makan-minum sekeluarga itu dapat dikatakan cukup.



PINDAH KE KUALA LUMPUR

Hampir 7 tahun lamanya kami mencari kehidupan. Dari rezeki yang didapati Sarimah telah berjaya membeli sekeping tanah yang dijual secara tergesa-gesa oleh tuan punyanya yang ingin menunaikan fardu haji. Tanah yang letaknya di Jaya Gading Batu 8 Kuantan Pahang, itu dibeli dengan harga tidak sampai \$2,000.00, iaitu tanah pinggir 2 ekar untuk dibuat rumah dan tanaman kelapa, 6 ekar tanah getah. Sesudah dijelaskan pembayaran tanah itu diletakkan di bawah nama ayah Sarimah sendiri, Ahmad. Tidak beberapa lama kemudian kerana tidak dijagai dengan sebaiknya, tanah itu telah diambil balik oleh Kerajaan. Saya berkejar ke Kuantan dan berusaha untuk mendapatkan balik. Setelah membuat beberapa rayuan pada bekas wakil-wakil rakyat pada masa itu, tanah tersebut pun dikembalikan dan diletakkan lagi di bawah nama ayah Sarimah. Tanah itu telah dijaga supaya tidak diambil lagi.

Saya telah membuat beberapa percubaan supaya dapat bertukar di Kuala Lumpur semula dan tidak payah berulang-alik begitu jauh dari Kuala Lumpur ke Kuala Kubu Bahru setiap hari. Takdir Tuhan, Encik Ghafar Baba yang ketika itu menjadi pengerusi kedua-dua badan berkanun MARA dan FAMA itu memerlukan seorang penolong pegawai penerangan. Jawatan itu telah ditawarkan kepada saya dan pada tahun 1968 saya pun meletakkan jawatan daripada MARA dan terus bekerja dengan FAMA berpejabat di Bangunan Bangkok Bank.

Saya merasa agak gembira sedikit dengan tugas yang baru ini kerana mendapat kebebasan untuk menguruskan kerja-kerja di luar seperti menganjurkan kempen 'makan lebih banyak buah-buahan Malaysia' dan sebagainya. Saya

bekerja di bawah Timbalan Pengerusi FAMA yang baik hati Encik Aziz Yassin. Encik Aziz Yassin yang handsome itu sentiasa memberi perhatian yang baik kepada saya. Dengan anjurannyalah, maka saya diberi peluang menghadiri kursus ilmu kewartawanan di International Institute of Journalism Berlin Barat bersama dengan Subki Latiff, yang pada masa itu menjadi sub-editor Utusan Melayu. Pemergian kami dengan biasiswa kerajaan Jerman Barat. Peristiwa 13 Mei baru sahaja tamat dan Sarimah telahpun melahirkan anak lelaki kami yang keempat Mohd. Shahrir, di Asunta Hospital Petaling-Jaya. Peluang pergi berkursus itu saya terima dan di samping itu saya juga mendapat peluang melawat sambil belajar di beberapa negeri Scandinavia,

Netherland, Denmark dan London sebagai tetamu kepada Kementerian Luar Negeri negara-negara tersebut. Di negara-negara ini saya melawat beberapa projek yang ada kena mengena dengan tugas saya. Dengan Subki Latiff saya bertolak ke Berlin dalam bulan Jun 1969. Sekali lagi saya terpaksa meninggalkan isteri saya Sarimah dan anak-anak. Kerana memikirkan pemergian saya itu adalah untuk kebaikan bagi masa depan kami sekeluarga maka perpisahan itu tidaklah menyedihkan sangat dan tempoh pemergian itupun hanya beberapa bulan sahaja. Di Berlin saya sentiasa menulis, mengirim dan menerima surat dari Sarimah, kadangkala sampai 3 pucuk seminggu menyatakan kerinduan hati dan inginkan saya pulang segera. Saya menghadiri Kursus Kewartawanan itu dengan Subki Latiff dengan sepenuh hati sambil menunggukan hari kepulangan ke Malaysia dengan perasaan yang tidak sabar.

Bagi saya keluar negeri itu hanya indah khabar dari rupa terutama bagi orang-orang yang sudah berkeluarga. Selain dari merasakan begitu asing di negeri orang, makan minum juga tidak teratur. Iklim alamnya jauh berbeza dengan tanahair kita sendiri. Hujan emas di negeri orang hujan lembing di negeri kita sendiri kata pepatah maka lebih baik negeri sendiri juga. Selama hampir 4 bulan di Berlin itu saya seringkali menghabiskan masa bersama Subki di biliknya

atau berjalan bersiar-siar. Saya ada pergi ke tempat tari-menari untuk melihat orang-orang Jerman menari atau pergi ke pesta-pesta yang diadakan oleh ashkar pendudukan Amerika di Berlin. Waktu yang akhir-akhir saya di Berlin, beberapa peristiwa luarbiasa berlaku. Satu peristiwa berlaku waktu saya tidur di Stuttgart. Stuttgart adalah tempat memasang kereta Marcedez yang terbesar di dunia. Di situ saya telah kehilangan cincin yang saya bawa dari Malaysia. Menurut kepercayaan orang tua-tua hal ini merupakan satu alamat yang tidak baik. Tetapi hal itu tidak saya sedari sehinggalah berlaku perceraian dengan Sarimah. Sebelum pulang saya telah menulis surat kepada Sarimah, yang isinya masih saya ingat lagi. Saya mencadangkan supaya dia sabar dan taat setia kepada saya kerana saya mempunyai cita-cita tinggi dan mungkin akan melanjutkan pelajaran sampai ke universiti, kerana dunia hari ini adalah dunia ilmu. Orang yang berkelulusan tinggi akan mencapai kedudukan yang baik dalam masyarakatnya. Saya menyatakan kepadanya bahawa sekembali saya nanti belum tentu kehidupan kita akan berubah tetapi saya akan berusaha untuk mendapat kedudukan yang lebih baik dan saya tidak suka dia terus bertugas dalam dunia perfileman.

Dalam rangka jadual saya dan Subky Latiff berada di Berlin, kami berdua telah dibawa melihat bandar-bandar terbesar di Jerman Barat seperti di Stuttgart, Meinheim, Bonn, Cologne, Munich, Frankfurt termasuk satu lawatan singkat ke Berlin Timur. Di tiap-tiap tempat ini ada sahaja 'souvenir' atau cenderamata saya beli untuk anak-anak dan Sarimah. Begitu juga dalam lawatan saya ke London, Copenheagen, Amsterdam, Athen dan Thailand saya telah membeli berbagai-bagai fesyen cermin mata, kalung tiruan, baju. Malangnya, apa sahaja yang tinggal pada Sarimah telah saya ambil kembali setelah saya dibebaskan pada 1hb. Oktober, 1970. Tidak bermakna barang-barang itu masih padanya walaupun untuk kenang-kenangan.

Barang-barang cenderamata yang saya ambil kembali itu telah saya hadiahkan kepada sanak saudara di kampung.

yang masih saya simpan sebagai kenangan ialah tape-recorder yang saya beli dengan seorang pelajar Kambodia di Berlin Barat.

Sebelum kursus itu saya telah diminta oleh Sarimah supaya berangkat segera, tetapi oleh kerana persiapan lawatan sambil belajar itu telah dibuat jadual waktunya, maka saya terpaksa pergi juga. Dari Berlin saya bertolak ke Denmark, berada di sana selama 3 hari. Kemudian saya terbang ke Amsterdam selama seminggu, lalu ke London selama seminggu lebih. Setiap tempat yang saya lawati termasuk selama beberapa bulan di Eropah, saya sangat gemar memuliskan sesuatu yang digemari oleh Sarimah, seperti kaca mata hitam (sunglasses) membeli necklace imitation, membeli sebuah taperecorder, handbag dan sebagainya. Tiap-tiap negeri yang saya lawati, itulah hobi saya dengan wang elaun yang saya terima dari institut di Berlin itu. Saya juga membeli baju dan sebagainya untuk Sarimah dan anak-anak. Selepas tinggal di London lebih kurang 10 hari saya pun berangkat pulang ke Malaysia dan sempat singgah di Thailand dan membeli sedikit cenderamata untuk keluarga.

Saya tiba di Lapanganterbang Subang pada awal bulan Oktober 1969. Di sana kelihatan Sarimah dan anak-anak saya juga sahabat handai sedang menunggu. Perasaan rindu mendalam saya kepada anak-anak tidaklah dapat saya ceritakan dan pada malam itu adalah malam yang paling istimewa dalam kehidupan saya dan Sarimah melebihi kemesraan yang kami rasai bertahun-tahun sejak kahwin dahulu.



Boating from Camp
to Base
- River side.



Di Jerman Barat . Pengenalannya dari kiri, Subky Latif, penulis, wartawan dari Trinidad, PRO Institute, dan Wartawan Antara Indonesia



Mohd. Jamil (anak ke 3) 1980.



Bergambar di tembok Berlin Timur - Berlin Barat. Pengenalan dari kiri, Wartawan dari Thai Sante, Penulis dan Sailor Wartawan Antara Indonesia.



Fauziah isteri pengarang sekarang (1980)





With Malaysian Ambassador
for Lunch at Berlin 1969.

Bergambar di Berlin Barat dengan Duta Besar Malaysia ke Jerman
Barat Tuan Haji Khalid (1969).



Farawaheeda (anak ke-2) di Australia mengambil kursus kedokteran. (1980)



*Spicara menerima Diploma Kewartawanan dari Pengarah International
Institute of Journalism Berlin Barat*



Sarimah dengan seniman Yusof Haslam dalam satu pos untuk majallah tempatan.




Sarimah tetap masih seksi yang sukar di tandingi.



Bergambar di rumah Datuk Asri semasa jadi PRO FAMA (1968).



Freshie U.M. 1971



Sarimah pelakun watak yang masih handal.

Lan
ber
F
bias
sebe
mer
teta
ganj
Bang
10.0
data
untu
pejab
kepa
melik
ni"
Mah
untu
lebih
berte
ke p
tenga
pejab
daripa
saya
tariat
bangu
Selang
menunj

DITAHAN

Kami masih tinggal di rumah yang disewa di Jalan Kucai Lama itu juga. Satu minggu lamanya saya berehat sebelum bertugas kembali di Ibu pejabat FAMA.

Hari itu hari Sabtu, paginya saya dengan Sarimah seperti biasa sarapan pagi, tetapi keadaan saya dua tiga hari sebelum itu bagai ada sesuatu akan berlaku. Saya sentiasa menrenungi wajah Sarimah pada masa kami berbual-bual tetapi pada air mukanya tidak ada kelihatan sesuatu yang aneh. Seperti biasa saya pergi ke Pejabat FAMA di Bangkok Bank di Jalan Bandar dan pulang semula jam 10.00 apabila seorang sahabat, Mohd. Nor suami Dasimah datang ke pejabat menawarkan sebuah kereta Ford Escort untuk trade in dengan Opel Rekod saya. Saya meninggalkan pejabat dan pulang membawa kereta itu sambil meneriak kepada Sarimah yang ada di atas rumah supaya turun melihatnya. "Oi Mah, mari tengok kereta Mat Nor hawa?" Sarimah keluar ke muka pintu rumah, cantik tak hawa?" tanya saya, "Elok juga" balasnya. Kami bersetuju untuk membeli sebuah kereta yang lebih kecil kerana ia lebih ekonomi. Kami berjanji dengan Mohd. Nor untuk bertemu semula pada minggu hadapan. Saya pun kembali pejabat meneruskan tugas saya sehingga pukul 1.00 petang. Semua kakitangan FAMA telah meninggalkan pejabat untuk pulang ke rumah masing-masing. Saya turun daripada pejabat lebih kurang jam 1.15 minit. Seperti biasa saya meletakkan kereta saya di padang di hadapan Sekretariat, betul-betul berhampiran dengan kutub khajah bangunan Kementerian Kesihatan yang berhampiran dengan Angkor Club. Saya membawa brief case dan berjalan menuju ke padang itu. Sebaik-baik sahaja saya melintas

jalan berhadapan dengan Straits Trading Building, seorang yang tegap sasa telah menyapa saya. Ia melangkah ke hadapan dan bertanya, "Encikkah bernama Zulkifli Hj. Ahmad?" "Ya, saya Zulkifli Hj. Ahmad" jawab saya. "Dulu Encik tinggal di Singapura", tanyanya, "Ya! ya, saya tinggal di Singapura dulu", balas saya lagi. Kemudian dua tiga orang lagi turun daripada sebuah kereta Holden warna hitam menghampiri orang yang pertama tadi. Mereka merapati saya dan mengatakan boss mereka mahu berjumpa saya untuk makan tengahari. Dengan separuh paksa mereka telah menolak saya ke dalam kereta itu. Saya terpinga-pinga. Saya duduk di tengah-tengah, kiri kanan saya dihimpit oleh empat orang yang lain. Seorang lagi duduk sebelah drebar di hadapan. Waktu di dalam kereta itu saya telah diperiksa untuk menentukan ada senjata atau tidak. Kereta itu berpusing dan membelok ke kiri kemudian menuju ke Jalan Young.

Saya merasa agak bingung, apakah ini perompak-perompak yang ingin mencolek saya ataupun mereka ini orang-orang pihak yang berkuasa. Saya tidak dapat memastikannya. Di pertengahan jalan orang yang mula-mula sekali menegur saya, yang mengatakan bossnya ajak makan itu telah menunjukkan kadnya sebagai pegawai Polis. Saya seperti tergamam, lalu mengikut sahaja apa kehendak mereka. Sesudah membelok ke Jalan Young dan memasuki jalan-jalan yang saya tidak berapa pasti namanya, lebih kurang 20 minit kereta itu pun berhenti di satu tempat yang lenggang, yang tidak ada orang. Sunyi-sepi. Saya telah diminta turun dan sebuah lori kenderaan yang besar telah menunggu di situ. Dalam hati saya inilah agaknya yang dikatakan 'Black Maria' itu. Pintu lori itu dibuka dan saya diminta masuk ke dalamnya. Barulah pertama kali saya ketahui bahawa di dalam Black Maria itu telah dibuat berbilik-bilik kecil tiap-tiap satunya semuat seorang manusia. Saya diperintah masuk ke dalam salah sebuah bilik itu yang dikunci dari luar. Di dalam bilik itu terdapat satu kerusi untuk duduk seorang, tidak mempunyai tingkap,

kecuali lantainya diberi berlubang untuk jalan angin masuk. Waktu itu barulah saya sedar apa sebenarnya sudah berlaku. Saya telah membuka tali leher kerana kepanasan dan agak kelelahan dan mengucap astagfar sebanyak-banyaknya serta meminta perlindungan Tuhan. Saya tidak tahu dibawa entah ke mana kerana tidak dapat melihat keluar. Cuma terasa lori itu membelok ke kiri, membelok ke kanan lebih kurang setengah jam barulah berhenti. Pintu lori itu dibuka dan saya diminta turun. Saya memandang sekeliling dan jelaslah bahawa saya sekarang berada di satu tempat yang dikelilingi oleh pagar berduri tiga lapis. Saya kemudian diminta masuk ke sebuah pejabat, di situ diminta melucutkan semua pakaian sehingga telanjang bulat. Kemudian diberikan sepasang uniform. Saya dibawa melalui lorong-lorong yang tidak dapat saya pastikan sehingga sampai ke sebuah berek batu. Ada empat pintu dan saya dimasukkan ke dalam pintu yang pertama, ke dalam sebuah bilik gelap yang tidak mempunyai sebarang tingkap. Pintunya itu kerana tebal kelihatan seperti pintu gua. Di tengah-tengah pintu itu ada cermin untuk pengawal di luar melihat ke dalam. Kecuali sebuah bangku yang diperbuat daripada batu dan sebuah bantal keras, lain-lain perabot tidak ada di dalam bilik itu.

Setelah beberapa minggu saya ditahan barulah keluarga saya mengetahuinya. Itu pun melalui surat yang saya seludupkan keluar melalui salah seorang pengawal yang terlalu kasihan kepada saya. Saya diberi peluang berjumpa dengan isteri dan anak-anak saya kadang-kadang tiap-tiap minggu dua atau tiga minggu sekali. Biasanya waktu hendak berjumpa dengan isteri saya itu, saya dibawa keluar dari kurungan itu dengan Black Maria dan diturunkan di satu tempat yang sunyi dan lengang berhampiran Jalan Young.

*Kisah tahanan ini akan saya ceritakan dalam sebuah buku yang tersendiri kelak kalau diizinkan Tuhan dengan judul "14 bulan dalam kurungan seorang diri", (14 months in solitary confinement).

Di sana sebuah kereta lain membawa saya ke Balai Polis High Street, menunggu kedatangan isteri dan anak saya.

Pertemuan yang pertama telah bertaku-sesudah tiga minggu saya ditahan. Pertemuan itu sungguh menyayat perasaan apabila Sarimah dengan anak-anak datang. Kami berpeluk-peluk, bertangisan hiba dan pilu memikirkan nasib yang telah menimpa diri kami. Sarimah mengharapkan saya pulang segera walaupun tidak ada pekerjaan dia tidak peduli. Anak saya itu saya dakap dengan penuh kasih sayang. Sarimah berjanji tetap taat dan setia menunggu kebebasan saya dan dia akan berikhtiar berjumpa Tengku, atau sesiapa saja untuk meminta saya dibebaskan segera.

Setiap kali kami bertemu, anak-anak saya akan bertanya ke mana saya pergi dengan tidak balik-balik ke rumah. Mereka akan menaiki sebuah kereta yang lain pulang ke rumah. Saya pula menaiki kereta lain untuk pulang ke tempat tahanan. Tempat yang menjadi rumah saya selama hampir setahun. Begitulah keadaannya setiap kali mau menemui keluarga saya dibawa dengan Black Maria, dipindahkan ke dalam sebuah kereta yang lain lalu dibawa ke High Street. Tiap-tiap kali bertemu saya akan mendakap anak-anak saya seberapa lama yang diizinkan oleh pihak berkuasa, biasanya setengah jam sahaja. Sarimah tetap melawat saya selama kira-kira 4 bulan saya di tahan. Dia telah menerima gaji saya dari FAMA untuk belanja hidupnya anak-beranak. Kemudian untuk menentukan dia mempunyai wang yang cukup maka saya telah menulis surat kepada pihak FAMA melalui Polis, supaya dibenarkan menjual kereta saya yang dibeli daripada pinjaman FAMA itu. Hampir \$4,000.00 wang tunai telah diserahkan kepada Sarimah setelah ditolak hutang piutang. Tetapi wang itu, saya dapat tahu kemudiannya tidak digunakan untuk perbelanjaannya melainkan dikeluarkan untuk menolong Yusof Majid, yang sebelum itu telah menonjolkan dirinya sebagai pembela, untuk mendirikan sebuah syarikat bernama Concord de Malase.

Setiap kali saya bertemu anak-anak di bilik Balai High Street, Jamil anak lelaki sulung kesayangan saya tidak lupa bertanya: "Bah, kenapa Bah tak balik?"

"Bah ada kursus di sini, Mil". "Kursus apa lama-lama?" Amil tak suka, Bah tak ada - ada orang datang". Malam pun Amil tak dapat tidur" Bah tak ada, mak selafu tengok wayang".

"Tak apalah Mil tak apalah, nanti Bah mesti balik" balas saya sambil menekan dada menahan sebak yang makin mendesak. Anak-anak saya Ida, Yati tidak pernah memberi tau saya apa yang telah berlaku dalam masa ketiadaan saya. Mungkin mereka tidak mau saya lebih runsing.

Demikianlah setiap kali saya diperintah balik ke tempat tahanan titisan air mata saya tidak dapat ditahan-tahan apabila Jamil mau mengikut saya bersama dan bertanya:

"Bah nak pergi mana tu?" bila dilihat saya turun menuju kereta Holden hitam diiringi oleh seorang mata-mata "takpalah Mil" Mil balik dulu nanti Bah habis kursus Bah balik". "Amil nak ikut Bah, Amil nak ikut. Kalau tak Amil tak mau sekolah, tak mau raya". Ketika itu Hari Raya Aidilfitri lagi 2 minggu.

Saya memeluk Jamil kali terakhir sebelum saya masuk ke dalam kereta untuk pulang ke tempat tahanan. Soalnya terlalu sulit untuk saya jawab kerana itulah soalnya setiap kali kami beriringan turun dari bilik atas di High Street itu. Dan dia serta Yati dan Ida memandangi kereta saya berlalu hingga hilang dari pandangan.

Hanya setelah saya dibebaskan saya dapat tau Jamil telah didenda dengan dikurung dalam bilik kerana melaporkan kejadian di rumah kepada saya.

Perubahan berlaku pada diri Sarimah setelah 4 bulan saya ditahan. Kali terakhir dia melawat saya ialah waktu nahu ke Port Dickson membawa anak-anak mandi-manda dan Yusof Majid juga turut serta. Saya telah memperingatkan Sarimah Yusof Majid itu bukan sahabat dan bukan

saudara saya. Apabila anak-anak saya memberitahu Yusof Majid itu sering datang ke rumah, saya telah mengingatkan Sarimah bahawa orang itu tidak boleh dipercayai. Tetapi Sarimah mengatakan dia itu ikhlas orangnya dan benar-benar mau menolongnya berniaga untuk menambahkan pendapatan.

Demikianlah dari sehari ke sehari perubahan sikap telah kelihatan pada diri Sarimah walaupun saya tidak tahu apa yang sebenarnya berlaku di rumah. Saya cuma mendapat kabar yang dibawa oleh anak-anak saya terutama dari Mohd. Jamil. Setiap kali saya bertemunya ia memberitahu mengenai perkembangan yang berlaku di rumah kami. Dalam masa saya ditahan itu saya meminjam wang daripada pegawai-pegawai Polis yang bertugas di situ dan saya memberikannya kepada anak-anak saya untuk belanja sekolah dua tiga puluh ringgit. Saya mengatakan kepada mereka bahawa saya sedang mengambil kursus selama beberapa bulan untuk mendapatkan pekerjaan lebih baik, supaya dapat gaji besar dan dapat beli rumah besar. Saya memberikan wang itu supaya mereka tidak menyangka yang saya ditahan dan tidak bekerja. Mohd. Jamil selalu bertanya mengapa saya tidak pulang ke rumah. Waktu bertemu mereka biasanya saya menggunakan pakaian yang dipakai waktu saya ke pejabat.

Saya telah diberi surat-surat khabar. Melalui surat-surat khabar tersebut saya telah membaca sedikit sebanyak perkembangan perhubungan antara Yusof Majid dengan Sarimah. Mereka telah mendirikan sebuah perusahaan yang diberi nama Concord de Malase yang showroomnya dibuka di Ulu Kelang, dirasmikan oleh Datuk Hamzah Abu Samah, Encik Khir Johari dan banyak lagi orang-orang kenamaan.

Setelah saya menjalani tahanan selama 4, 5 bulan Sarimah sudah tidak lagi melawat saya. Saya pun sudah mulai merasa perubahan yang terjadi pada dirinya itu. Anak-anak saya sahajalah yang terus datang melawat saya dan mereka inilah yang menceritakan bagaimana Yusof

Majid datang ke rumah setiap hari dan kadang-kala tidur di rumah. Anak-anak saya itu mengadu bahawa Yusof Majid pernah berseketiduran dengan ibunya pada waktu siang hari dan juga waktu malam. Pernah Mohd. Jamil melihat ibunya berdakapan-dakapan dengan Yusof Majid di hadapan rumah waktu Yusof Majid menghantarnya pulang dari menonton atau daripada shooting filem di waktu malam. Bagi seorang suami yang kasihkan isterinya, khabar ini menyebabkan dada saya sebak dan luka hati saya tidak dapat saya lukis di sini. Kemudian mulai saya menerima surat dari Sarimah yang meminta cerai. Dalam pertemuan yang terakhir dengannya yang ditemani oleh bapanya sendiri, Sarimah telah berkata bahawa saya mesti menceraikannya kerana saya mungkin ditahan lebih lama lagi. Dia mengatakan bahawa Yusof Majid dapat mempengaruhi NOC (National Operation Council) atau Majlis Keselamatan Negara yang masih lagi wujud waktu itu supaya saya ditahan terus. Saya telah menempeleng Sarimah sekuat hati. Saya menjerit-jerit kepadanya 'perempuan pezina'. Pada masa itu Mohd Shahrir yang kecil itu pun ada dibawanya bersama-sama. Tamparan saya begitu kuat hingga memecahkan cermin matanya.

Saya tidak sangka Sarimah begitu berubah, berubah pada saya.

Saya telah mengatakan kepadanya bahawa saya sedang membuat persediaan untuk mengambil peperiksaan HSC dan saya meminta kepadanya supaya bersabar lima enam bulan lagi memberi kesempatan kepada saya untuk menumpukan perhatian kepada peperiksaan tersebut. Mudah-mudahan saya akan dibebaskan segera dan saya akan melanjutkan pelajaran ke universiti. Tetapi Sarimah tetap berkeras. Saya tetap dengan pendirian saya tidak akan menceraikan dia sehingga saya dibebaskan.

Dua minggu sesudah pertemuan terakhir itu saya telah menerima sekeping borang dan sepucuk memo yang dihantar oleh Kadi Kuala Lumpur. Dalam surat itu saya

diminta melafazkan talak kepada isteri saya dengan disaksikan oleh dua orang saksi. Saya telah mengembalikan surat itu kerana saya tidak mau menerimanya sebab ia bertentangan dengan peraturan agama.

Sarimah rupanya telah pergi bertemu dengan Kadi di Pekan dan di Kuantan, Kadi di Datuk Keramat, Kuala Lumpur. Bersama dengan Tuan Haji Mahadi bekas seniman ia telah pergi ke Seremban bertemu dengan seorang ahli agama di Seremban untuk mendapatkan nasihat agar perceraian itu boleh dilakukan. Tetapi kesemua Kadi dan juga ahli agama di Seremban tidak dapat memberikan nasihat yang membolehkan Sarimah berfasah dengan saya kerana bertentangan dengan perundangan Islam, satu hal yang tidak membolehkan fasah.

Sarimah masih menerima nafkah zahir daripada gaji saya dengan FAMA dan FAMA menganggap saya tidak melakukan apa-apa kesalahan jenayah yang boleh dipecat dari pekerjaan. Saya ditahan di bawah undang-undang ISA. Mengenai nafkah batin pula Sarimah tidak mau mengatakan kesanggupannya walaupun kemudahan boleh disediakan oleh pihak yang berkuasa. Dua minggu selepas itu saya telah menerima sepucuk surat notis dari Kadi Petaling Jaya yang ditandatangani oleh orang yang bernama Haji Adnan bin Ngah. Notis itu disampaikan oleh **Notice Server** dari Balai Petaling Jaya, menghendaki saya hadir untuk suatu perbicaraan tuntutan cerai dari isteri saya di Petaling Jaya, pada 10hb. Ogos 1970. Sementara menantikan hari perbicaraan itu saya telah menyediakan kenyataan-kenyataan yang akan saya kemukakan dalam perbicaraan tersebut. Saya tidak diberi kesempatan untuk mengambil peguam. Walau pun keputusannya bagi saya yang penting ialah perbuatan yang tidak jujur itu akan bertanggungjawab segala dosanya atas tengkuk orang yang memaksa saya berbuat sesuatu yang tidak saya relai. Penerimaan hukuman itu bukanlah dari keikhlasan hati saya. Pada hari perbicaraan itu diajakkan saya telah dibawa ke Pejabat Kadi Petaling Jaya

jam 10.00 pagi. Tidak ada seorang pun dari pihak saya yang hadir kerana mereka tidak diberitahu. Sarimah sampai dengan sebuah kereta Cheverolet yang dipandu oleh Yusof Majid, kekasihnya.

Satu perasaan halus telah membisiki saya bahawa perbincangan itu tidak adil. Apabila saya mau mempertahankan kedudukan saya dan membacakan kenyataan yang saya buat, saya telah tidak diberi peluang. Kadi itu mengatakan 2 orang saksi telah memberi keterangan bahawa saya tidak pulang ke rumah selama 4 bulan. Saya tahu saksi-saksi itu telah berbohong. Perbincangan itu tidak lain daripada formality sahaja, kerana kadi itu mau membuat keputusan yang telah pun dibuatnya terlebih dahulu. Di akhir perbincangan dengan air mata saya bersalaman dengan Sarimah sambil mengatakan bahawa segala kehendaknya sudah tertunai sekarang.

Saya meninggalkan Pejabat Kadi Petaling Jaya dengan hati yang hancur luluh, hancur luluh kerana perbuatan kejam oleh seorang yang mengaku dirinya kadi, yang mencemarkan hukum agama. Saya tidak dapat menelan makanan pada hari itu, segalanya rasa pahit. Ketika peristiwa ini berlaku saya (baru lebih kurang 2 bulan) membuat persiapan untuk mengambil peperiksaan HSC yang saya bermaksud akan mengambalnya pada tahun 1970. Dua minggu kemudian datanglah surat daripada Kadi Petaling Jaya, Haji Adnan bin Ngah yang mengatakan bahawa keputusan isteri saya sabit aduannya maka dia telah menjatuhkan fasah talak satu.

Saya tau Kadi itu telah menyeleweng. Dia telah menamatkan hukuman setelah perkiraan belakang tabir dilakukan oleh mereka yang terlibat. Dalam buku saya

adalah buku ketiga saya "Kadi Menyeleweng – Perceraian seniwati Sarimah – Zulkifli tidak sah?" di mana beberapa orang mufti besar dan pensyarah hukum agama memberi petua mereka.

khas untuk hai ini saya akan lengkapkan dengan bukti-bukti. Perbicaraan Sarimah dengan saya pun termuat padat dalam buku tersebut. Bukti penyelewengan Kadi Haji Adnan nyata bila saya tidak diberi peluang mempertahankan diri saya secara rayuan yang biasa diberi oleh undang-undang.

Tumpuan terakhir saya ialah menyerahkan diri bulat-bulat kepada Allah Yang Maha Berkuasa. Saya sembahyang hajat selain daripada sembahyang wajib lima waktu kepada Tuhan memohon kekuatan, kesabaran dan! saya tidak mahu mati kerana perempuan yang telah mengkhianati saya.

PERTEMUAN TERAKHIR DI DALAM TAHANAN

Sebelum saya diperintah menghadiri perbicaraan untuk menuntut Fasah di P.J. Sarimah melawat saya buat kali terakhir. Dalam pertemuan itu, saya terpaksa menitiskan air mata apabila mendengar cerita yang dibawa oleh anak kesayangan saya Mohd. Jamil. Jamil menerangkan cerita yang sama seperti yang diceritakan dahulu — Ibu dengan Yusof Majid.

Tentulah Sarimah yang telah berubah ketika itu memandang saya sebagai seorang yang tidak ada harapan lagi. Namun begitu dalam perbualan terakhir menolak permintaan saya supaya ia bersabar, Sarimah berkata "Abang, you terpaksa ceraikan I. Walaupun I berkahwin dengan orang lain 'I will never love another man as much as I loved you", "Hoh karut!!! kata saya. "Buatlah apa awak suka" kata saya.

Sebelum itu kami sempat juga berkucupan buat kali terakhir — terakhir sebagai suami isteri yang telah ditimpa celaka!!!

PERCERAIAN

Hukuman tahanan yang dikenakan ke atas saya itu telah menyebabkan keyakinan yang kian mendalam tentang kekuasaan Allah Subhanahuwataala. Jika saya menoleh ke belakang dan mengenangkan segala kesengsaraan yang saya tanggung dalam masa ditahan itu, saya rasakan tidak mungkin saya menjadi manusia yang siuman lagi, kalau sekiranya tidak kerana kebesaran Tuhan. Ujian itu memperlihatkan kekuasaanNYA bahawa DIA sentiasa mengawasi kehidupan setiap insan di atas muka bumi ini.

Setelah dua minggu perceraian yang dipaksakan dengan secara fasah oleh Kadi yang telah melanggar peraturan-peraturan agama Islam yang diamanahkan Tuhan ke atasnya itu, fikiran saya sudah mulai tenang dan saya berazam tidak akan meninggalkan tahanan itu sebagai manusia yang kalah, tetapi sebagai manusia yang matang, yang sudah bersedia untuk menghadapi sebarang cabaran. Saya ingin maju dan akan saya gantungkan cita-cita ke tempat yang tinggi. Saya pun mempersiapkan diri untuk menghadapi peperiksaan HSC dengan penuh semangat. Sejak perceraian itu saya hanya tidur antara dua tiga jam sahaja, selebihnya saya habiskan untuk membaca nota-nota yang saya terima daripada Stamford College. Dengan jasa baik pihak yang berkuasa saya telah mengambil ujian lisan di Balai Polis High Street. Saya yakin akan lulus di dalam peperiksaan itu walaupun saya tidak pernah menjejak kaki ke tingkatan 6, seperti juga saya tidak pernah menjejakkan kaki ke tingkatan 5 dahulu. Saya yakin Tuhan akan memberikan semangat yang kuat, ingatan ilham dan wahyu untuk saya menjawab semua soalan-soalan yang akan dikemukakan. Selain daripada nota-nota, saya tidak mempunyai peluang untuk mempelajari soalan-soalan daripada orang lain selain

daripada diri saya sendiri dan dengan izin Allah ingatan saya pada masa itu tetap dalam keadaan baik walaupun tekanan zahir dan batin yang saya terima tidak dapat ditanggung oleh orang yang lemah semangat.



Barbincang sesuatu dengan YB Dato' Mohd. Nasir, bekas Menteri Besar Kelantan. Sekarang Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

DIBEBASKAN

Saya terima segala nasib yang berlaku ke atas diri saya itu sebagai satu rahmat yang tersembunyi atau **blessing in disguise**. Pihak yang berkuasa tidak pernah memberitahu saya akan kemungkinan pembebasan saya walaupun kadangkala ada pengawal atau pegawai yang ditugaskan untuk berbual-bual dengan saya. Saya sentiasa bertanya tetapi tidak pernah mendapat jawapan yang tegas.

Pagi Khamis tanggal 30 September saya telah diberitahu oleh DSP Wan Yaakub (sekarang (ACP) yang bertanggung-jawab dengan urusan penahanan saya bahawa saya akan dibebaskan pada keesokan harinya iaitu 1 Oktober, 1970. Walaupun itulah berita yang saya tunggu-tunggu tetapi saya terimanya dengan perasaan biasa saja, saya anggap satu pemberian dari Tuhan yang telah menggerakkan hati pihak yang berkuasa membebaskan saya, membebaskan saya dari tuduhan yang tidak dapat diketengahkan. Saya cuma memeluk pegawai itu dan mengucapkan syukur kepada Allah. Saya menguatkan keazaman saya pada waktu itu untuk mengambil peperiksaan HSC dan kemudian melanjutkan pelajaran ke universiti jika saya berjaya dalam peperiksaan tersebut. Saya diberitahu akan dibebaskan pada waktu petang lebih kurang jam enam oleh DSP Wan Yaakub. Saya membawa semua pakaian dan buku-buku nota menaiki Black Maria dan diturunkan di Young Road. Dari sana dibawa dengan kereta lain menuju ke belakang Masjid Negara. Kemudian dengan sebuah teksi saya ke rumah adik ipar saya yang letaknya dalam kawasan Sekolah Melayu Jenis Kebangsaan di Jalan Seputeh, Jalan Kefang Lama. Dalam teksi itu saya teringat pada saat-saat begini betapa bahagianya kalau saya dapat kembali ke rumah saya dengan

isteri yang setia dan anak-anak yang saya kasih yang sedang menunggu kepulangan saya. Ingatan itu merupakan sesuatu yang amat menyayat hati dan melukai perasaan. Tetapi malangnya semuanya sudah tidak ada lagi. Kini saya sedang dalam perjalanan menuju ke rumah ipar saya tanpa ada orang yang menunggu. Saya dijemput naik ke rumah dan saya menyatakan maksud untuk bermalam di rumahnya pada malam itu kerana pagi-pagi besok saya mahu pulang ke Pekan menemui ibu bapa saya. Saya tidur di atas kerusi panjang malam itu sambil memikirkan tentang kebebasan itu. Saya sekarang sudah bebas dan anak-anak saya tentulah sudah diberitahu agaknya. Tetapi saya tidak berniat untuk pergi menemui mereka, saya ingin pulang ke Pekan untuk berjumpa dengan ibu bapa dan adik-beradik saya dahulu.

Keesokan harinya ipar saya telah menghantar saya dengan keretanya di perhentian teksi dan dari sana menaiki teksi lagi menuju ke Kuantan dan seterusnya ke Pekan. Petang itu juga saya sampai dan saya disambut oleh ibu bapa saya dengan tangisan. Adik-beradik bersalaman, saudara-saudara juga turut hadir. Seminggu lamanya saya di Pekan, berjumpa dengan kawan-kawan dan sesudah mengadakan sedikit doa tolak bala, doa selamat dan mandi-air membuang sial saya pun kembali semula ke Kuala Lumpur untuk menemui anak-anak saya. Saya telah mendapat tahu dari beberapa orang rakan bahawa waktu saya hendak dibebaskan kepada Sarimah telah diberitahu dan begitu juga kepada Yusof Majid. Walaupun Sarimah belum lagi lepas idahnya, masih isteri saya tetapi Yusof Majid telah bersekedudukan dengannya. Saya telah pergi beberapa kali ke rumahnya di Seksyen 17, 102 17/16 Happy Garden, berhampiran dengan Kolej Islam. Tetapi mereka tidak ada di rumah, yang ada ialah beberapa orang gangster untuk mengawal rumah itu. Mereka khawatir saya akan menggunakan kekerasan atau menimbulkan sesuatu kehebohan untuk mengambil Sarimah kembali. Saya anggap sudah terlambat untuk melakukan sesuatu, dan saya tidak terniat langsung

untuk melakukan sesuatu. Ada kewajiban saya yang lain yang lebih penting, iaitu mengambil peperiksaan HSC yang pada waktu itu cuma sebulan saja lagi. Khabarnya Yusof Majid sentiasa membawa senjata khuatir kalau-kalau saya akan menggunakan kekerasan ke atasnya. Kalau di kawasan Pantai Timur yang penduduknya keras memegang kehormatan agama, adat, maka perbuatan yang dilakukan oleh Yusof Majid dan Sarimah itu tentulah sukar dapat dimaafkan. Sebagai seorang yang dapat menggunakan fikiran yang waras saya tidak pernah memikirkan soal kekerasan itu. Saya cuma mau mengambil anak-anak saya yang saya cintai dan kasihi. Itu saja.

Seperkara yang secara ringkas patut juga diberitahu ialah surat rayuan saya kepada Kadi Haji Adnan bin Ngah yang tidak dijawabnya dan pertemuan saya dengannya di Petaling Jaya tidak lama selepas saya dibebaskan.

1. Pada 18-10-1970, saya telah menghantar sepucuk surat tulisan Jawi kepada kadi yang salinannya saya pertunjukkan yang berbunyi begini:—

Tuan Kadi Petaling Jaya,
Dengan selamatnya,
Tuan,

Saya sungguh masih merasa ragu tentang keputusan tuan mensabitkan tuntutan cerai bekas isteri saya Sarimah pada 10-8-1970. Tuan telah tidak berlaku adil kepada saya kerana:—

1. Tuan tidak mahu mendengar hujah saya di dalam rayuan perbicaraan dahulu.
2. Tuan tidak memberi peluang bagi saya merayu di atas keputusan tuan dalam masa 14 hari yang biasa diuntukkan kepada pihak ke-2 dalam satu-satu perbicaraan.
3. Tuan tidak menyiasat lebih lanjut mengenai kebenaran

atau kepalsuan surat tuntutan cerai bekas isteri saya.

4. Tuan patut menyiasat di mana kalau tuan lakukan, tuan akan dapati bekas isteri saya telah engkar dan patut dihukum NUSUZ oleh kerana dia telah meninggalkan rumah yang saya sewakan kepadanya dan anak-anak kerana mengikut lelaki lain. Jelas di sini tuntutan fasahnya mesti ditolak.

Dengan ini saya merayu supaya saya dibenarkan membuat rayuan terhadap keputusan perbicaraan pertama itu.

Yang benar,

(ZULKIFLI BIN HAJI AHMAD)

Surat saya itu tidak dijawab. Sebulan lepas itu dalam masa saya menghadapi peperiksaan HSC secara kebetulan telah terserempak dengan Kadi Haji Adnan Bin Ngah di Pekan Petaling Jaya (Petaling Jaya Lama).

Dia agak terperanjat melihat saya mungkin tidak dia duga boleh bertemu saya di situ.

Saya telah bertanya mengenai surat 18-10-1970 itu. Dia jawab ringkas sahaja.

"Saya tidak ada terima apa-apa surat dari awak. Kalau lepas 14 hari awak tak merayu, satu apa pun tak boleh buat sekarang".

"Tapi bagaimana saya nak merayu, saya masih dalam tahanan". Jawab saya begitu.

"Itu bukan soal saya". Katanya dengan pendek sambil meninggalkan tempat itu tergesa-gesa.

Suatu petang saya telah memberitahu ibu Sarimah yang ada di rumah pada waktu saya datang itu bahawa saya tidak bermaksud akan melakukan sesuatu yang buruk, saya

datang dengan tujuan baik untuk merundingkan hal anak-anak saya. Saya ingin mengetahui apakah mereka mau tinggal bersama-sama ibunya ataupun mau tinggal dengan saya. Akhirnya saya telah berjumpa dengan kedua-dua mereka itu. Saya bersalaman dengan Yusof dan Sarimah dan mengatakan bahawa segala yang berlaku ke atas diri saya itu adalah satu takdir, sekarang saya mau bincangkan soal anak-anak saya, saya mau mereka itu tinggal bersama-sama dengan saya.

Dalam perundingan itu Sarimah berkeras untuk mengambil anak-anak itu, tetapi Yusof Majid telah mempengaruhi supaya bertolak ansur. Saya lalu mengatakan, sekiranya perkara ini mereka tidak mahu selesaikan dengan jalan aman maka saya terpaksa membawanya ke tengah, sedangkan apa yang mereka lakukan sekarang ini adalah bertentangan dengan agama, belum berkahwin telah duduk bersama-sama padahal Sarimah masih lagi dalam edah. Anak saya yang kedua Farawahida dan Mohd. Jamil mau mengikuti saya dari mereka itu telah saya bawa balik ke Pahang.

Saya telah memberitahu mereka lagi kerana Mohd. Shahrir itu masih kecil dan belum pandai lagi berkata-kata saya biarkan ia tinggal dengan mereka. Saya juga membenarkan Norhayati tinggal kerana begitu pilihannya, tetapi saya hendaklah dibenarkan melawat mereka bila-bila saja yang saya sukai. Biasanya saya menghantar orang untuk mengambil anak saya yang kecil itu untuk bertemu di satu-satu tempat, sedangkan Yati boleh saya menemuinya di sekolahnya di Petaling Jaya. Sebaliknya saya tidak sekat Sarimah untuk berjumpa dengan anaknya yang dua orang yang tinggal bersama-sama saya. Mereka telah saya sekolahkan di Pekan.

* Setelah saya dibebaskan, saya telah mendapat gaji kebelakangan gaji saya daripada FAMA lebih kurang \$3,000.00 dan dengan wang itu saya telah membeli sebuah kereta Volkswagen second-hand untuk kemudahan perjalanan.

Sebulan sesudah saya dibebaskan peperiksaan HSC pun dijalankan. Sebagai calon persendirian saya telah pergi mengambil peperiksaan itu di Sekolah Jalan Temerloh. Alhamdulillah, tiap-tiap soalan telah dapat saya jawab dengan baik dan sebelum keputusan peperiksaan itu diumumkan, saya telah mempunyai keyakinan bahawa saya akan lulus dengan cemerlang. Sementara menunggu keputusan HSC itu saya mengambil kesempatan melawat saudara mara saya di Kelantan dan saya telah membawa ibu saya bersama-sama ke rumah adik saya di Pengkalan Chepa. Ibu saya yang saya tinggalkan di Kelantan itu telah diserang oleh penyakit darah tinggi. Beberapa minggu saya tinggal di sana menemani ibu saya di Wad VIP General Hospital. Ketika itu salah seorang adik saya telah menelefon mengatakan yang dia telah terbaca dalam suratkhbar Malay Mail bahawa saya telah lulus peperiksaan HSC dengan sijil penuh. Berita itu saya sambut dengan air mata sambil mencium ibu saya yang pada masa itu tidak sedarkan diri. Rupanya Tuhan telah mengkabulkan permintaan saya untuk lulus di dalam peperiksaan itu. Saya tidak dapat menggambarkan bagaimana kegembiraan saya dengan ke-lulusan itu. Saya telah mendapat pasport untuk melanjutkan pelajaran ke universiti. Ibu saya yang beransur-ansur sedar itu saya bawa balik ke Pekan.

Tidak lama kemudian dalam penggal cuti sekolah saya telah membawa anak-anak saya ke Kuala Lumpur untuk makan angin ke Port Dickson.

Waktu di Kuala Lumpur anak-anak saya itu telah menyatakan keinginan mereka hendak berjumpa dengan kakaknya dan adiknya yang masih tinggal dengan ibu mereka. Saya menyuruh adik saya, Abdul Rahim menghantar mereka itu ke rumah Sarimah di Seksyen 17.

Ketika yang sama saya telah membuat permohonan untuk masuk ke universiti. Pihak keluarga saya tidak berapa setuju saya melanjutkan pelajaran ke universiti itu kerana

*Ibu saya meninggal dunia pada bulan Februari 1976. Semoga Allah cucuri rahmat ke atas roh ibu saya yang sangat saya kasihi.

saya mempunyai tanggungan dan memandangkan umur saya yang sudah lanjut, tetapi saya berkeras juga untuk melanjutkan pelajaran, kerana pergi ke universiti merupakan satu perkara yang sepatutnya saya telah lakukan 10 tahun yang lalu. Namun demikian saya merasa kesempatan itu masih terus terbuka kepada saya dengan kelulusan yang telah saya capai. Dalam tempoh menunu jawapan daripada universiti itulah satu peristiwa telah berlaku. Cuti penggal bulan Disember masih panjang. Saya dan anak saya Ida dan Jamil berada di Kuala Lumpur lagi. Satu hari Farawahida yang balik dari melawat ibunya itu telah memberitahu bahawa bapa tirinya telah melarang saya datang mengganggu anak-anak yang ada bersama-sama dengan mereka. Saya merasakan hal ini sudah merupakan satu sikap permusuhan yang melanggar keputusan dengannya dahulu. Kedua-dua pihak telah bersetuju diberi hak untuk ziarah-menziarahi anak-anak. Dalam soal ini saya banyak bertolak ansur, misalnya soal penceraian dahulu yang dilakukan tanpa mengikut peraturan agama yang sebenarnya. Masa Sarimah masih di dalam edah lagi Yusof Majid telah bersekedudukan dengannya, tak dapat tiada mereka telah melakukan perzinahan. Saya tidak peduli dengan perbuatan sumbang itu, tetapi perbuatan Yusof Majid tidak membenarkan saya menemui anak-anak saya sudah keterlaluan

Apabila mendengar pesanan yang disampaikan oleh anak saya itu timbullah satu kemarahan yang tidak dapat saya tahan-tahankan. Saya mulai sedar bahawa Yusof Majid sudah terlalu jauh membuat kesusahan dan kesulitan ke atas saya, sehingga ke hari ini apabila Sarimah dengan tiba-tiba membawa tuntutan nafkah edah. Saya mulai terkenang

akan kata kata Sarimah waktu datang kali yang terakhir menemui saya di dalam tahanan. Ia menyebut tentang Yusof Majid akan mempengaruhi National Operation Council memanjangkan lagi penahanan saya sekiranya saya enggan menceraikannya. Percakapan Sarimah itu masih terngiang-ngiang lagi di telinga saya. Saya lantas turun dan dengan membawa Mohd. Jamil saya menuju ke rumah Yusof Majid. Walaupun adik saya Abdul Rahim dan anak saudara saya Annuar menahan saya, tetapi saya tidak hiraukan juga.



Sebagai pemimpin pelajar Universiti Malaya (1973) kelihatan Professor Ahmad Ibrahim (songkok) dan kak Azah, isteri Professor DiRaja Engku Aziz.

PERKELAHIAN

Petang itu petang Jumaat. Dalam perjalanan saya telah membaca beberapa ayat meminta kepada Allah supaya memberi saya peluang walaupun sedikit untuk berhadapan dengan manusia itu. Sampai di hadapan rumah itu saya lihat rumah itu berkunci pagarnya dan jendela-jendelanya juga tertutup rapat. Saya telah melaung-laung Yusof Majid dari luar tetapi dia tidak keluar. Saya pun memanjat pagarnya dan masuk ke dalam dan mengetuk-ngetuk tingkap kaca rumahnya itu. Akhirnya melalui tingkap itu saya melihat Yusof Majid turun memakai jaket seperti seorang hero lakunya. Dia telah membuka pintu dan saya telah masuk ke rumahnya. Sarimah tidak ada di bawah waktu itu dan orang gaji ada di dapur. Mohd, Jamil ikut masuk sambil berdiri di satu sudut rumah itu. Saya berkata kepada Yusof Majid bahawa perbuatannya tidak membenarkan saya menemui anak saya itu tidak dapat saya terima kerana ini telah bertentangan dengan persetujuan yang dibuat lebih awal daripada itu. Yusof Majid tidak menghiraukan cakap saya, bahkan ia mengeluarkan kata-kata yang kesat terhadap diri saya.

Sarimah kemudian turun dan berkata kepada saya "You are down already" (awak sudah jatuh).

Saya menjawab sungguhpun hari ini saya down tetapi saya belum lagi meminta sedekah daripada sesiapa pun dan saya masih lagi memandu sebuah kereta walaupun kereta itu kereta buruk. Sarimah melemparkan kasut kepada saya mungkin untuk menunjukkan kasih sayangnya kepada Yusof, tetapi kasut itu mengenai pintu rumahnya. Berbagai-bagai kata nistanya yang telah dilemparkan terhadap diri saya, kerana saya datang untuk menemui anak-anak saya.

Terdahulu dari peristiwa itu, setelah perjanjian mulut dibuat saya tidak pernah masuk ke rumahnya. Saya bertemu dengan anak-anak saya itu di sekolah ataupun memanggil Yati supaya membawa adiknya keluar menemui saya berhampiran dengan rumah itu.

Kedatangan saya pada hari itu telah diminta oleh Yusof Majid. Suasana jadi tegang Yusof telah memerintah supaya saya keluar meninggalkan rumahnya, "Get out of my house".

Dia bangun daripada kerusinya yang mengadap saya, sambil berjalan menuju ke kerusi saya. Saya bangun dan pada masa dia menolak dada saya itulah saya telah melepaskan tumbukan sulung saya yang tepat mengenai pipi kirinya, saya ikuti dengan tumbukan kanan dan seterusnya saya telah hilang perhitungan. Saya menumbuk Yusof Majid seberapa kuat dan seberapa banyak yang boleh. Mungkin ia begitu terperanjat kerana tidak menduga bahawa saya sanggup menumbuknya sebegitu rupa. Dari segi bangunan tubuhnya lebih besar daripada saya. Ia lalu berteriak kepada pengawal-pengawalnya. Pengawal-pengawalnya itu ada dua ketika itu seperti orang dalam cerita dalam pulau Liliput. Mereka mempunyai otot-otot dayak pendek dalam cerita **Tarzan and the Ape Man**. Kedua-dua mereka itu tingginya lebih kurang 4 kaki 8 inci dan 4 kaki 9 inci, tetapi badannya tegap-tegap. Mereka sengaja dipelihara oleh Yusof Majid untuk mengawal rumahnya. Ia berteriak kepada mereka itu supaya memukul saya, tetapi mungkin Tuhan beserta dengan saya hari itu, mereka tidak pun memegang atau cuba memukul saya dari jarak dekat. Mereka cuma mencapai bekas abu rokok, kasut, payung dan apa sahaja yang dapat dipegang untuk dilemparkan kepada saya, tetapi satu pun tidak kena. Kaca tingkap-tingkap yang ada di dalam rumah itu saja yang pecah. Saya telah mengambil kerusi makan di tengah rumah itu dan menghayunnya sekuat-kuat hati kepada Yusof Majid. Saya sudah tidak kira apa yang berlaku pada hari itu. Jamil menangis tersedusedu. Tiba-tiba Sarimah yang sebelum itu telah naik ke atas

meluru ke bawah seolah-olah ia sedang berlakon dalam satu babak tegang, babak yang serius dalam sebuah filem, sambil sujud ke atas lantai berteriak, "Sudahlah, sudahlah, sudahlah, tolonglah, berhentikanlah".

Saya seperti kehilangan akal terus menghujani Yusof Majid di mana sempat, di mana boleh dan begitu juga dua orang pengawal tersebut mencari sesuatu di dalam rumah itu untuk melempar kepada saya. Anak saya Jamil berlari keluar rumah terus menangis. Di luar rumah ramai jiran-jiran yang sedang melihat babak perkelahian yang benar-benar berlaku di hadapan mata mereka. Kerana melihat Sarimah bagaikan nak gila itu, saya pun berkata, "Ok berhenti sekarang Yusof Majid, berhenti sekarang!"

Yusof Majid tidak berkata apa-apa. Saya turun daripada seti yang panjang itu kerana dalam masa bergaduh itu saya terdesak dan naik ke atas seti itu. Saya melangkah keluar sambil menarik tangan Mohd. Jamil menuju ke kereta di luar rumah, saya telah mencerca Yusof Majid sebagai seorang manusia yang tidak berperikemanusiaan, yang telah mengambil kesempatan pada masa saya di dalam tahanan. Kedua-dua Yusof Majid dan Sarimah tidak keluar dari rumah itu, saya melemparkan geram dengan mengatakan bahawa pada satu masa esok Tuhan akan membalas budi baik mereka itu.

Yusof Majid berteriak kepada salah seorang pengawalnya tadi supaya menelefon polis, kerana kerosakan yang berlaku dalam rumahnya.

Saya sedar saya telah melakukan kesalahan mencero boh ke rumah orang tetapi kejadian itu tidak dapat dielakkan memandangkan latar-belakang yang mencetuskan kejadian itu. Dari situ saya terus pergi ke rumah Datin Zainab, isteri kepada Tengku Indera Putera yang pada masa itu menjadi Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Sri Lanka. Waktu saya sampai ke rumahnya hari sudah malam. Setelah menceritakan apa yang telah berlaku, Datin Zainab telah membawa saya ke rumah seorang sahabatnya di Petaling Jaya yang saya panggil Abang Kassim. Saya ditinggalkan di rumah itu.

Bersama-sama Abang Kassim, Datin Zainab telah pergi ke rumah OCPD Petaling Jaya Encik Zulkifli. Datin Zainab memberitahu Encik Zulkifli latar-belakang kejadian yang tersebut. Beberapa hari kemudian saya telah diberitahu tentang seorang Pegawai Polis yang telah pergi ke rumah Yusof Majid untuk mengambil keterangan, tetapi hal itu habis begitu sahaja. Seminggu kemudian Datin Zainab memberitahu saya bahawa Yusof Majid meminta saya meminta maaf atas perbuatan saya itu, jikalau tidak ia akan mengambil tindakan Mahkamah. Saya tidak sekali-kali ingin meminta maaf dan dia bebas untuk membawa perkara itu ke Mahkamah.

MASUK UNIVERSITI

Satu masalah lain yang saya hadapi ialah permohonan masuk ke universiti. Waktu itu saya telah terlalu kesempitan wang, saya diminta untuk menghantar wang pertaruhan sebanyak \$50.00. Wang sebanyak itu pun tidak ada. Saya lalu mengadu kepada Tan Sri Ghazali Shafie yang saya kenali pada masa saya bertugas dengan Studio Jalan Ampas dahulu. Saya telah menunjukkan borang tawaran masuk ke universiti. Tan Sri Ghazali telah meminjamkan \$100.00 dan belum pun saya bayar kembali. Tidak lama sesudah itu saya pun ditawarkan untuk mendaftarkan diri dalam jurusan sastera. Berita saya masuk ke universiti itu telah disiarkan oleh akhbar-akhbar berbahasa Malaysia. Saya telah ditemuduga untuk mendapatkan biasiswa. Saudara Hassan Ibrahim yang pada waktu itu menjadi Pengerusi Lembaga Biasiswa telah menawarkan biasiswa yang maksima, \$1,890.00 penuh setahun. Dengan jasa baik Utusan Melayu pula saya diangkat sebagai penulisnya di kampus dengan elaun tetap tiap-tiap bulan. Saya telah mendapat pinjaman sebanyak \$1,500.00 dari pihak MARA setahun untuk belanja anak-anak saya. Hubungan saya dengan anak-anak berjalan seperti biasa. Setiap minggu saya pergi berjumpa dengan Yati di sekolahnya. Bekas isteri saya itu telah merasa malu atas kejadian yang telah berlaku, lalu berpindah ke rumah lain berhampiran dengan Sekolah Assunta di Petaling Jaya. Saya tidak berniat untuk mendapatkan Sarimah kembali atau dia kembali kepada saya. Tetapi soal anak saya itu tidak dapat bertolak ansur. Pada satu ketika saya telah pergi ke rumahnya untuk mengambil anak saya yang kecil, Sarimah telah mengurung Mohd. Jamil yang berada dalam rumah itu kerana melawat ibunya. Ia telah melaporkan kepada polis tentang kedatangan saya tetapi kedatangan

saya ke rumah itu adalah untuk berjumpa dengan anak saya sahaja.

Semasa di universiti saya ada juga menelefon Sarimah mengenai anak-anak dan pernah juga ia bertanyakan khabarnya. Pernah juga dia mengucapkan tahniah di atas kejayaan saya masuk ke universiti itu. Saya pernah mengatakan kepadanya bahawa saya tidak menyesal berpisah dengannya tetapi saya ragu bahawa suaminya yang ada itu dapat memberi kebahagiaan kepadanya, kebahagiaan yang lebih daripada apa yang mampu saya berikan. Tetapi setiap kali Sarimah hanya mengatakan bahawa itu adalah takdir yang tidak dapat dielakkan. Saya berpendapat perceraian saya dengan Sarimah itu bukan takdir tetapi satu situasi yang dipaksa ke atas Sarimah.

Perceraian yang berlaku antara saya dan Sarimah timbul daripada satu situasi yang kompleks berpunca dari penahanan saya. Tindakan yang dilakukan oleh Sarimah itu adalah hasil dari tekanan zahir dan batin yang dihadapinya. Dari sebab yang lain. Dari segi zahir Sarimah tidak pernah menerima apa-apa nasihat perlindungan daripada sesiapa pun, terutama dari pihak keluarga saya sendiri yang nampaknya telah berlepas tangan. Mereka membiarkan Sarimah dengan anak-anak dalam masa ketiadaan saya itu begitu sahaja. Sarimah sendiri, keculai ibunya yang sentiasa ada bersama-samanya, tidak pula mendapat sebarang bantuan daripada saudara-maranya. Sebagai bintang filem yang terkenal yang mempunyai banyak peminat dan penggemar godaan yang diterimanya itu amat hebat. Dalam keadaan terumbang-ambing serupa itu saya percaya beberapa orang tertentu telah cuba menarik perhatiannya. Apakah percubaan mereka itu dengan niat yang ikhlas atau sebaliknya, mereka sahajalah yang tahu. Dalam keadaan tertekan seperti itulah Yusof Majid muncul sebagai seorang penyelamat yang tidak diundang. Menurut keterangan, Yusof Majid telah menemui Sarimah dengan pengakuan bahawa dia adalah sahabat saya yang baik, yang bersimpati dengan penang-

gungan Sarimah. Yusof Majid telah menolong memberi kemudahan kepada Sarimah berulang-alik ke studio setelah kereta yang saya beli itu dijual. Dia telah membeli kereta besar setelah menjualkan Volkswagonnya yang dipakai waktu ia menjadi pegawai MARA dahulu. Ia menyediakan pula drivernya. Kemudian dari wang yang disimpan oleh Sarimah dari harga kereta saya, serta dari sumbangan beberapa orang tertentu ia menubuhkan sebuah syarikat menjual batik yang akhirnya ditutup.

Melalui perniagaan ini telah merapatkan hubungan Yusof Majid dengan Sarimah. Memang tujuan asas membuka perniagaan itu pun ialah untuk merapatkan dirinya dengan Sarimah. Apabila bisnisnya itu telah ditutup pertemuan emosi itu pun berhasillah, sehingga akhirnya ia berjaya kahwin dengan Sarimah. Pada zahirnya projek-projek yang dibuatnya itu berbentuk perniagaan tetapi pada batinnya ia ialah jambatan untuk mendampingi Sarimah.

Perhubungan saya dengan Sarimah masih dikekalkan oleh anak-anak. Saya masih menganggap dia ibu mereka dan saya ini adalah ayahnya. Hubungan ini tidak dapat dielakkan selagi anak-anak saya itu ada di samping Sarimah dan selagi saya masih hidup. Tidak ada kuasa yang dapat menahan saya daripada menemui anak-anak saya itu walaupun undang-undang ISA, undang-undang yang boleh digunakan oleh Kerajaan yang menghalalkan penangkapan tanpa bicara. Walaupun saya begitu sibuk dengan pelajaran dan sibuk dengan tanggungjawab sebagai seorang ayah, saya masih dapat membawa Mohd. Jamil duduk dengan saya di kampus beberapa waktu lamanya. Tahun pertama saya di universiti, saya telah dilantik menjadi Presiden Persatuan Mahasiswa Johor, tahun kedua menjadi Presiden Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya PBMUM dan tahun ketiga menjadi Pengerusi UMNO Kampung Kurinci. Namun saya sentiasa mencari waktu untuk menziarahi anak-anak saya yang tinggal dengan Sarimah. Masa kelepasan sekolah saya memberi kesempatan kepada Farawahida dan Mohd. Jamil

pergi ke rumah ibunya untuk menghabiskan masa cuti mereka. Saya rasa ini adalah satu peraturan yang baik walaupun di antara saya dengan Sarimah sudah bukan suami isteri lagi. Anak-anak kami tidak harus menderita kerana penceraian itu. Mereka patut diberikan kebebasan seberapa yang boleh untuk menemui kedua-dua belah pihak. Perkara yang merunsingkan saya ialah berita-berita tentang pergeseran yang berlaku di antara Sarimah dan Yusof Majid. Kerana pergeseran itu Norhayati, anak saya yang tua telah meninggalkan rumah ibunya dengan sehelai sepinggang dan mengikut saya ke Pekan (1971). Saya terpaksa membelikan buku, pakaian baru dan sebagainya kerana tidak dibenarkan oleh Sarimah mengambilnya. Norhayati telah tinggal dengan saya daripada masa dia meninggalkan rumah ibunya itu iaitu di tingkatan dua sehinggalah lulus tingkatan IV. Pada masa bersama-sama dengan ibunya dulu hasil pelajarannya amat merosot, tetapi apabila ia telah tinggal dengan saya kemajuannya di dalam pelajaran sungguh memuaskan, hingga dia berjaya mendapat biasiswa daripada Kerajaan. Kegiatan saya di dalam bidang politik telah menimbulkan kerumitan. Politik merupakan sesuatu yang tidak dapat diceraikan dari hidup saya, kerana sepanjang yang saya ingat saya telah cenderung berpolitik sejak awal enam puluhan lagi pada masa saya menjadi Jawatankuasa Pergerakan UMNO di Singapura. Penglibatan saya dalam politik bertambah besar apabila saya dilantik sebagai Presiden Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya yang selalu keluar dengan issue-issue yang berbentuk nasional.

CURI ANAK

Peristiwa yang menyebabkan saya mengamui Mohd. Shahrir anak yang kecil itu dari jagaan ibunya ialah dari laporan beberapa orang yang kenal rapat dengan kedua-belah pihak, saya dan Sarimah, mengatakan bahawa Shahrir itu tidak dapat pemeliharaan yang sewajar dari ibunya dan mungkin mentalnya akan rosak jika tidak lekas saya

selamatkan, Mohd. Shahrir telah dilahirkan pada 24 Mei seminggu selepas kejadian 13 Mei 1969. Waktu kejadian mencolek ini berlaku saya sudah tahun tiga di Universiti, dalam penggal akhir sesudah peperiksaan. Berita Shahrir tidak terpelihara dengan baik ini telah disampaikan kepada saya berkali-kali. Saya tidak dapat mengambilnya lebih awal lagi kerana kedudukan saya yang belum lagi tetap. Tetapi apabila saya mendengar bahawa anak saya itu kurang sihat dan ketika setiap kali mendengar kereta bapa tirinya pulang ia lari menyorokkan diri di dalam dapur dan tidak akan keluar sehingga bapa tirinya pergi bekerja, maka tahulah saya bahawa ia tidak mendapat layanan yang wajar dari bapa tirinya. Kabarnya kalau anak saya itu terpegang wire maka tangannya akan dijentik, kalau dia menangis akan diselubungi dengan kain oleh bapa tirinya. Saya tidak dapat mengharapkan Sarimah dapat memberikan keutamaan kepada anak itu. Dia nampaknya terlalu taat pada suaminya pada waktu itu. Waktu saya merancang untuk mengambil anak itu, saya telah pergi ke rumah Dasimah adik Sarimah yang telah berkahwin dengan sahabat saya Mohd. Nor. Perhubungannya dengan saya masih mesra dan rapat walaupun Sarimah telah bercerai dengan saya. Saya telah pergi ke rumahnya di Jalan Segambut Dalam pada suatu petang. Kebetulan pada waktu itu ayah Sarimah ada di sana, jadi rancangan hendak membawa Mohd. Nor menolong saya mengambil Mohd. Shahrir telah tidak dapat dilakukan. Hari itu saya telah diberitahu bahawa Sarimah dan Yusof Majid sedang berada di Jakarta dan akan kembali pada besok paginya. Oleh sebab itu rancangan mau mengambil anak saya itu mesti dilakukan malam itu juga sebelum mereka balik. Sesudah gagal untuk mendapatkan pertolongan daripada Mohd. Nor, maka saya pun pergi ke rumah Norizan, janda seniman P. Ramlee dan menceritakan hajat saya. Norizan tidak sanggup melakukan kerja itu tetapi suaminya Encik Borhan menyatakan kesanggupannya dan mengatakan bahawa rancangan itu akan berhasil. Maka pergilah saya dengan saudara Borhan menaiki kereta Opel

buruk saya ke rumah Sarimah di Petaling Jaya. Waktu itu jam hampir 10.00 malam dan rumah itu gelap-gelita saja. Sejak lama Sarimah telah mengetahui bahawa saya akan mengambil Mohd. Shahrir itu dari jagaannya maka ia telah membuat persediaan apabila ia tidak ada di Kuala Lumpur rumahnya itu akan dikawal dengan rapi. Pada masa saya dan Borhan sampai, saya tahu di dalam rumah itu ada beberapa orang yang sedang mengawal anak saya itu. Kami tidak masuk ke dalam perkarangan rumahnya. Tetapi ketika memusingkan kereta itu Borhan telah melanggar satu tong sampah. Bunyinya begitu kuat sehingga keluarga India yang tinggal di sebelah rumah Sarimah itu menerkam ke hadapan rumah kerana menyangka ada pelanggaran yang telah berlaku. Borhan memusingkan kereta itu supaya senang menuju ke jalan besar. Injin kereta terus dihidupkan. Dan Borhan memanjat pagar masuk ke pekarangan rumah memberi salam. Lama kemudian baru terdengar jawapan salam dari orang di dalam dan bertanya "Siapa?"

"Orang dari Pahang", jawab Borhan.

Pintu dibuka kelihatan ayah Sarimah keluar dengan memakai baju singlet sahaja. Borhan berteriak, "Encik Zulkifli datang hendak berjumpa dengan anaknya. Dia hendak balik ke Pahang malam ini juga, Pak Cik".

"Budak itu sedang tidur", sahut ayah Sarimah dari dalam rumah.

"Tak apalah Pakcik, bawa dia sekejap, ayah dia hendak jumpa", sahut Borhan lagi.

Saya masih berada dalam kereta dengan injin kereta itu terus dihidupkan. Pintu gate rumah Sarimah dibuka. Kelihatan ayah Sarimah mendukung anak saya yang masih tidak tidur lagi itu. Pada waktu itu mereka sedang menonton TV. Selain daripada ayah Sarimah ada dua orang belia yang saya kenal sebagai anak saudara Sarimah, yang sedang menunggu keputusan peperiksaan LCEnya. Mereka turut serta keluar mengiringi ayah Sarimah. Borhan tidak berkata apa-apa. Saya menyambut anak saya itu dan mendukungnya. Saya selalu melawatnya, jadi ia masih kenalkan

saya, Shahrir tidak berkata apa-apa, diam sahaja. Direnungnya muka saya, saya dakap dan cium, dia tidak menangis. Pada waktu itu saya belum ada apa-apa idea bagaimana mau membawa lari Shahrir. Borhan sudah pun duduk dalam kereta dan memegang steering tetapi dia juga tidak tahu apa yang harus dilakukan. Ayah Sarimah dengan dua orang anak muda itu ada di situ. Injin kereta itu masih terus dihidupkan. Pintu-pintu kereta ditutup tetapi tidak rapat.

Borhan turun dari kereta dan berkata, "Zul, bawalah budak ini pergi makan-makan sedikit".

Tujuan Borhan ialah supaya saya dibenarkan membawa budak itu seorang sahaja dengan kereta pergi ke kedai. Ayah Sarimah dengan segera berkata, "Tak apalah wok, budak itu baru makan".

Saya terus mendukung Shahrir. Saya bertanya "Sudah makan belum?". Ia cuma mengangguk-anggukkan kepalanya saja. Saya berjalan pergi mari mundar-mandir tidak tau apa yang hendak dibuat. Entah macam mana satu idea tiba-tiba melintas di fikiran saya, "Ayah Ngah!". (Saya panggil ayah Sarimah itu Ayah Ngah). "Saya tadi berniat hendak pergi makan satay di Medan Selera". "Biar saya bawa Shahrir pergi sama, kempunan nanti".

"Tak apalah wok, budak itu mau tidur, lain kali ajalah".

Saya jawab, "Tak apalah, Ayah Ngah boleh ikut sama, kita pergi sekejap sahaja, lepas itu saya hantar Ayah Ngah balik".

Mungkin dia merasakan cadangan saya itu tidak mengandungi sesuatu maksud maka ia pun berkata, "lalah, kalau awak hendak ajak juga".

Ia lalu menyuruh salah seorang anak saudara Sarimah pergi mengambil baju batiknya. Anak saya itu masih lagi saya dukung. Baju batik itu diberikan kepada ayah Sarimah lantas dipakainya. Saya sudah mengedipkan mata kepada Borhan yang sedang memegang steering, tetapi Borhan agak lambat mengerti. Saya pergi arah ke belakang kerana pintu kereta itu tidak berkunci maka ia memberi kemudahan

kepada saya untuk masuk ke dalamnya. Saya bawa anak saya duduk di tempat duduk di belakang Borhan. Ayah Sarimah mengikut di belakang saya. Pemuda dua orang tadi entah macam mana tidak mahu ikut. Mereka duduk di tepi pagar. Waktu ayah Sarimah hendak masuk, saya katakan; "Tak baik Encik Borhan jadi driver kita, Ayah Ngah pergilah duduk di sebelahnya".

Orang tua itu lurus orangnya, tak banyak bicara. Dia lalu ke belakang untuk pergi ke sebelah kiri Borhan di hadapan. Waktu dia melangkah mau berpusing itu, saya yang sudah ada di dalam kereta berkata kepada Borhan "Shoot! shoot!" Borhan pun memasukkan gearnya, malangnya dia termasuk gear dua jadi kereta itu terlambat bergerak sedikit. Saya mendakap anak saya Mohd. Shahrir dengan kuat. Kereta itu meluncur mengeluarkan asap hitam berkeput-keput, meninggalkan tempat itu. Saya menoleh ke belakang kelihatan ayah Sarimah terlompat-lompat di tengah jalan itu sambil berteriak, "Ooi! Ooi! nanti dulu! jangan bawa lari budak tu". Saya melihat tangannya terkira-kirai seperti beruk chinpenze yang ditunjukkan melalui TV. Borhan terus memecutkan kereta itu dan waktu membelok ke Federal Highway, lampu merah pun tidak dapat menahan kelajuan keretanya, terus ke rumahnya di flat Jalan Pekeliling.

Waktu sampai di rumahnya saya suruh ia menalipon ke rumah Sarimah, nombor taliponnya ada pada saya, memberitahu mereka supaya jangan risau anak itu sekarang sedang di dalam perjalanan menuju ke Pahang. Lima belas minit kemudian Borhan pun pulang dan mengatakan telinganya hampir pecah, kerana belum sempat dia berkata apa-apa, si penjawabnya telah memaki hamunnya dengan mengatakan "nama sahaja pergi ke universiti tetapi pencuri penyamun! Borhan berkata dia sempat menjawab "Yang dicuri, disamunnya itu anaknya sendiri, "Mak Cik"! Mungkin yang berkata-kata dengan Borhan itu ibu Sarimah.


Dari rumah Norizan di Jalan Pekeliling, saya membawa Shahrir balik ke rumah anak saudara saya di Petaling Jaya.

Saya kunci biliknya dan pada malam itu juga saya pergi mencari seorang teman untuk menemani saya balik ke Pahang. Saya dapat seorang teman dan kami pun bertolak ke Pekan malam itu juga. Kami tiba di Pekan jam 9.00 pagi esoknya. Jamil tidak menduga adiknya akan datang dan tinggal bersama-sama. Dia telah menangis kegembiraan. Shahrir pun tinggal bersama-sama saya. Seperti yang telah saya katakan waktu saya dibebaskan dulu anak saya Yati tidak mahu tinggal dengan saya, ia mahu tinggal dengan ibunya. Kebetulan pada masa itu saya sedang dikenakan enam syarat, di antaranya tidak dibenarkan meninggalkan Pekan kecuali dengan kebenaran Polis. Dengan demikian hubungan saya dengan Yati pun agak terputus. Dia pada waktu itu berada di dalam Tingkatan 5 di Sekolah Konven Bukit Nanas. Saya pernah membuat panggilan telefon untuk bercakap dengannya tetapi guru besar sekolah itu memberitahu bahawa dia mendapat surat daripada bapa tiri Yati, Yusof Majid tidak membenarkan saya berhubung dengan anak saya itu sama ada dengan surat ataupun dengan telefon. Beberapa bulan sesudah itu setelah saya membuat beberapa kali rayuan syarat-syarat itu pun ditarik kembali oleh Tan Sri Ghazali Menteri Dalam Negeri. Saya pun bebaslah pergi balik Kuala Lumpur. Saya bebas untuk berpolitik dan bergerak cergas dalam apa juga bidang kegiatan menurut undang-undang negara. Saya terus bergiat untuk mengembangkan Persatuan BAPAK yang telah ditubuhkan pada tahun 1973 di Pahang dahulu dan pada bulan Julai yang lepas, satu majlis yang meraikan ulang-tahunnya telah diadakan di Universiti Malaya. Turut hadir dalam majlis itu ialah DYMM Sultan Kedah dan Sultanah Kedah.





Mewakili mahasiswa dalam satu Seminar antara bangsa di Universiti Malaya (1973) Kenangan bergambar dengan Allahyarham Tun Razak, Dato Hussein Onn, Engku Aziz dan Presiden Kesatuan Universiti Antarabangsa. Kelihatan Tun Sufian, Ketua Hakim Negara.




Sewaktu bertugas sebagai penolong pengarah filem diJalan Ampas Singapura (1964). Bergambar dengan pengarah Jamil Sulong.



Mewakili PBMUM Universiti Malaya untuk berdialog dengan bekas DYMM Yang DiPertuan Agong & Raja Permaisuri Agong di Istana Kedah di Kuala Lumpur.



Bergambar dengan anak-anak di Pekan selepas menerima Ijazah (1973).



Bergambar dikutubkhanah International Institute of Journalism Berlin Barat 1969.



Dikebun Jaya Gading, Kuantan Pahang 1963. Kanan sekali ayah Sarimah Haji Ahmad.

MENJADI CALON

Keyakinan saya kepada Perlembagaan UMNO sebagai sebuah parti orang Melayu amat besar waktu itu. Dasar-dasarnya itu memberi jaminan yang baik walaupun pelaksanaannya tidak begitu tepat, tetapi ada sesuatu yang menjadi pegangan orang Melayu. Ini tidak dapat dinafikan. Tahun ketiga di universiti saya telah dilantik menjadi Pengerusi UMNO Kampung Kerinci dan juga Jawatankuasa Bahagian Jangsar. Saya keluar dari universiti dengan mendapat ijazah BA (Hon). Saya telah memohon kepada Kerajaan supaya saya dapat bekerja di Kementerian Kebudayaan, Belia & Sukan. Melalui berbagai-bagai saluran UMNO saya telah merayu kepada Menteri yang berkenaan supaya saya diberi peluang pergi ke kementerian itu kerana saya ingin melanjutkan pengajian saya sampai ijazah MA, dalam bidang kebudayaan. Malangnya permohonan saya itu tidak dapat dipertimbangkan oleh sebab timbul **prejudice** politik terhadap saya. Mungkin kerana penahanan ke atas saya yang lalu. Saya telah dihantar berkhidmat dengan Jabatan Cukai Pendapatan di Kuantan, satu tugas yang amat bertentangan dengan diri dan jiwa saya. Setelah dua atau tiga bulan sebagai Pegawai Attachment di Income Tax itu saya pun meletakkan jawatan tersebut. Pada masa itu pilihanraya umum 1974 sedang hendak diadakan di seluruh negara. Maka atas desakan beberapa ahli UMNO di Pekan yang tidak bersetuju dengan perlantikan calon yang dikemukakan oleh parti, maka saya telah mencalonkan nama saya untuk Pilihanraya bagi kawasan Federal dan State. Pada masa itu saya telah menjadi Pengerusi Badan Pengembang Kebudayaan Kebajikan Pelajaran Kebangsaan (BAPAK) yang ditubuhkan di Pekan, pada tahun 1973. Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang menjadi penaungnya. Satu pertunjukan kebudayaan

telah diadakan, keuntungan dari pertunjukan tersebut telah didermakan kepada sekolah-sekolah yang ada di Pekan dan juga untuk berbagai-bagai projek yang lain.

Selain dari itu keinginan saya untuk pergi ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan itu selain daripada untuk meneruskan cita-cita saya mengambil ijazah MA dalam jurusan kebudayaan, juga untuk memberi kemudahan kepada BAPAK mengembangkan projek-projek kebudayaannya bagi memberi tenaga sukarela kepada masyarakat. Tetapi semua tujuan ini gagal. Sebagai melepaskan rasa tidak puas hati yang meluap-luap terhadap orang-orang yang berkenaan, maka saya telah mengambil keputusan untuk bertanding di Pekan itu. Rasa tak puas hati itu timbul dari sikap acuh tak acuh, yang mementingkan kumpulan sendiri, keluarga sendiri seperti yang berlaku dengan leluasanya di Pahang. Banyak keterangan-keterangan yang disampaikan kepada saya itu untuk digunakan di dalam kempen pilihanraya itu. Perlembagaan UMNO cukup baik tetapi salahnya ialah perlaksanaan dasarnya itu dan penyelewengan pemimpin-pemimpinnya. Bahan-bahan inilah yang saya gunakan dalam kempen pilihanraya 1974.

Dahulu saya yakin kepada konsep perjuangan UMNO untuk bangsa, agama dan negara. Dan penentangan saya ialah terhadap beberapa individu yang melakukan penyelewengan dan menyalahgunakan kuasa. Keinginan saya bertanding di kawasan Parlimen menentang Tun Perdana Menteri waktu itu telah menimbulkan satu keributan yang besar, apabila *The Straits Times* dan surat khabar Bahasa Malaysia menyiarkan beritanya secara besar-besaran. Akibat daripada berita tersebut saya telah dipanggil oleh Yang Teramat Mulia Tengku Bendahara Pahang, yang tidak pernah bertegur sapa dengan saya sudah beberapa tahun lamanya. Beberapa hari sebelum hari penamaan calon saya telah didatangi oleh seorang kawan kepada Tengku Arif Bendahara. Ia menjemput saya ke Istana Tengku Bendahara yang letaknya di Peramu, Pekan Pahang. Di sana saya telah

dibawa berkeliling melihat istananya dan akhirnya di bawa ke sebuah bilik. Dia mengatakan bahawa saya harus menarik diri daripada bertanding dengan Tun kerana Tun adalah harapan negara, harapan Negeri Pahang sukar diganti oleh orang lain. Kemudian dia bertanya apakah yang saya kehendaki? Adakah saya mahu pekerjaan \$1,400.00 sebulan ataupun saya mahu sesuatu yang lain daripada itu? Saya tidak dapat menerima apa juga tawaran dari Tengku Arif Bendahara itu, kerana cita-cita untuk bertanding itu telah mendapat sokongan daripada kawan-kawan saya di universiti dulu dan juga daripada penduduk-penduduk di Pekan. Selepas itu saya mendapat perintah mengadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang di Istananya di Kuantan dan pada malam itulah saya telah mengadap Baginda dan berhadapan dengan Baginda seorang sama seorang. Baginda telah menasihatkan saya supaya tidak bertanding dengan Tun. Beberapa nasihatnya yang tidak dapat saya sampaikan di sini, memadamkan kalau saya katakan saya terpaksa mengundurkan diri untuk kebaikan saya dan keluarga saya sendiri. Baginda sebenarnya tidak memaksa saya menarik diri tetapi nasihat itu tidak dapat saya anggap kecil. Walaupun undang-undang membenarkan sesiapa sahaja yang berkelayakan masuk pilihanraya tetapi nasihat daripada Sultan berdaulat tidak dapat diperkecilkan, sekalipun bertentangan dengan konsep demokrasi berparlimen.

Setelah berjanji bahawa saya akan menarik diri daripada bertanding dengan Allahyarham Tun itu, saya pun pulang ke Pekan. Saya telah menyiapkan diri untuk mengambil bahagian dalam pilihanraya negeri, iaitu kawasan Pekan, bagi menentang calon Barisan yang kebetulan menjadi sepupu saya iaitu Cik Shamsiah binti Dato' Abdul Hamid. Beliau telah datang mencari saya di rumah beberapa kali untuk meminta saya menarik diri. Saya tidak dapat menarik diri kali ini, kerana saya masuk bertanding itu sudah menjadi suatu azam yang pasti. Walaupun saya terpaksa menarik diri dari menjadi calon kawasan Parlimen, tetapi

saya bercadang untuk menjadi calon bagi Dewan Negeri kerana saya ingin membawakan suara rakyat, satu issue yang mustahak telah pun saya katakan kepada rakyat. Saya mendapat sokongan daripada beberapa golongan di Pekan kebanyakan mereka itu daripada orang-orang UMNO sendiri. Pada hari penamaan calon itu saya telah mencalonkan nama saya untuk kawasan negeri. Kemudian saya telah dibawa berjumpa dengan Allahyarham Tun di rumah persinggahannya di Peramu. Di antara yang hadir pada waktu itu ialah Tengku Shariman, Aziz Yassin, Dato Mansor Mohd. Nor, Tengku Arif Bendahara Tengku Abdul Aziz pun ada juga. Tun telah menyatakan terimakasihnya kepada saya kerana menarik diri daripada bertanding melawannya dan berharap saya akan menyokong calon Barisan, Cik Shamsiah. Saya lalu menyatakan kepada Tun bahawa saya tidak menarik diri daripada bertanding untuk kawasan negeri. Saya tidak mau mengkhianati janji saya kepada orang-orang yang telah memberi sokongan kepada saya. Tun bertanya tentang pekerjaan saya. Saya katakan kepadanya bahawa saya telah dihantar ke Jabatan Income Tax, satu jabatan yang bertentangan dengan pengajian saya dan kerana itu saya terpaksa meletakkan jawatan itu. Tun berjanji bahawa sesudah pilihanraya nanti perkara itu akan dipertimbangkan. Sesudah saya menarik diri, maka timbullah fitnah bahawa saya telah menerima wang sebanyak \$50,000.00 daripada Tun. Saya telah menyangkal fitnah tersebut dalam setiap rapat umum yang saya adakan di Pekan dengan membawa sebuah Quran sebagai saksi.

Issue-issue yang saya timbulkan dalam kempen pilihanraya itu ialah tentang mementingkan keluarga sendiri yang dilakukan oleh beberapa orang yang tertentu yang sedang memegang kuasa dan juga tentang penyelewengan kuasa sehingga hasil bumi di negeri Pahang tidak dapat dinikmati oleh rakyat Pahang sendiri. Kerumitan-kerumitan yang ditanggung oleh beberapa Badan-badan Kerajaan seperti Syarikat Ibam, Lembaga Kemajuan Negeri Pahang

dan lain-lain lagi juga saya timbulkan kerana pentadbiran yang kacau-bilau dari perbuatan-perbuatan nepotism.

Dalam masa kempen pilihanraya itu banyaklah berlaku perkara-perkara yang tidak wajar. Tekanan-tekanan, ugutan-ugutan yang dijalankan, taktik kotor yang bertentangan dengan konsep demokrasi digunakan sepenuhnya. Ugutan-ugutannya kepada yang hendak mengundi saya juga dijalankan, seperti mereka akan menarik balik biasiswa anak-anak yang ibu bapanya mengundi calon bebas, pembekalan air akan dipotong, tanah dan sebagainya yang diberi akan diambil balik dan berbagai-bagai lagi. Poster-poster yang ditampal oleh calon bebas atau calon pembangkang habis dikoyak-koyakan oleh orang-orang dari parti yang berkuasa. Pada hari penghabisan kempen, ketika tidak seorang calon pun dibenar berkempen lagi oleh Suruhanjaya Pilihanraya, orang-orang dari parti yang berkuasa masih lagi bebas berkempen, satu perbuatan yang bertentangan dengan undang-undang pilihanraya. Surat-surat terbang disebarkan dengan meluasnya oleh calon-calon parti.

Keputusan pilihanraya itu menunjukkan bahawa rakyat telah memberi sokonganyang kuat kepada saya, kerana saya hanya kalah dengan beberapa ratus undi sahaja. Setiap ucapan yang saya buat dalam rapat-rapat umum telah direkodkan, setengah daripada ucapan-ucapan itu terlalu pedas dirasa oleh pihak yang berkenaan.






*Sebagai Pegawai Perhubungan Awam FAMA dalam pameran
kempen 'Makanlah lebih banyak buah-buahan tempatan' di
K.L. (1969) Kelihatan bekas Raja Permaisuri Agong dan Encik
Aziz Yassin Timbalan Pengerusi FAWA waktu itu.*



Bergambar dengan DYMM Sultan Pahang (Yang DiPertuan Agong sekarang) dalam masa perkabungan kemangkatan Almarhum Sultan Abu Bakar ibni Almarhum Sultan Abdullah.



Berbincang sesuatu dengan YB Dato Haji Mohd. Nasir bekas Menteri Besar Kelantan (1975)

DITAHAN LAGI

PADA bulan Disember 1974 apabila satu demonstrasi besar-besaran yang dianjurkan oleh beberapa Persatuan Mahasiswa bersabit dengan masalah Baling telah berlaku di Kuala Lumpur, maka satu kecelakaan telah menimpa diri saya. Pada suatu petang apabila keadaan telah menjadi reda dan tenang, saya pergi ke Kuala Lumpur dan memasuki kampus untuk mencari adik saya yang bermama Ahmad Mokhtar. Saya mau menasihatinya supaya tidak terlibat dengan demonstrasi tersebut. Dia mempunyai tanggungan anak isteri, lebih-lebih lagi isterinya akan melahirkan anak pula. Tetapi saya tidak dapat bertemu dengannya, saya hanya bertemu dengan sahabatnya yang ada di sana dan kami pun berbual-bual. Saya meninggalkan pesan kepada kawan-kawannya itu supaya adik saya Mokhtar jangan melibatkan diri dalam demonstrasi tersebut. Saya bertemu dengan adik saya itu di Bangunan MARA, Yayasan Pendidikan MARA. Saya pun menasihatinya supaya menjauhkan diri daripada demonstrasi itu, biarkan saja mahasiswa-mahasiswa yang sanggup meneruskan dan yang tidak mempunyai tanggungjawab peribadi. Pada keesokan harinya sesudah saya pulang ke Pekan, Inspektor Shamsuddin, pegawai Internal Security Act Negeri, telah datang dan menunjukkan satu waran untuk menahan saya **on sight**. Saya mengatakan kepadanya besok sahajalah saya pergi ke Kuala Lumpur. Keesokan harinya saya pun dibawa lagi sekali ke Kuala Lumpur dilepas dengan tangisan dari ibu, yang sedang sakit tepok. Adik-beradik saya bersalaman dengan perasaan sedih dan mengharapkan saya akan dilepaskan kembali segera.

Saya telah ditahan di High Street selama dua bulan. Saya merasa yakin bahawa penahanan ke atas saya itu bukanlah disebabkan oleh penglibatan saya dalam demonstrasi pelajar-pelajar yang sama sekali tidak ada kena-mengena dengan saya dan memang diketahui oleh pihak Polis, tetapi disebabkan oleh ucapan-ucapan saya dalam kempen pilihan-raja dulu. Dalam tahanan inilah saya bertemu rapat dengan Anuar Ibrahim, Ibrahim Ali, Profesor Syed Hussein Ali, Gurdial Singh (peguam) dan Ketua-ketua Persatuan Mahasiswa yang lain.

ANAK-ANAK DALAM MASA TAHANAN

Setiap kali sekolah cuti saya menghantarkan keempat-empat anak saya itu menghabiskan cuti mereka bersama-sama ibunya. Waktu saya ditahan itu cuti sekolah sedang berjalan lebih kurang baru dua minggu. Apabila sekolah dibuka untuk penggal 1 tahun 1975 saya masih lagi terbenam di dalam tahanan. Dalam keadaan saya serupa itu Sarimah telah mengambil kesempatan menukarkan sekolah anak-anak saya ke Kuala Lumpur. Tidak lama kemudian saya pun dibebaskan, iaitu dalam pertengahan bulan Februari. Saya telah membawa kembali tiga orang anak-anak saya Farawahida, Jamil dan Mohd. Shahrir kembali ke Pekan. Tetapi Norhayati, anak saya yang pertama sudah tidak mahu ikut saya lagi kerana telah dipujuk rayu oleh ibunya, maka itulah sebabnya Norhayati masih dengan ibunya hingga sekarang ini. Anak yang tiga orang itu telah tinggal dengan saya. Farawahida telah mendapat biasiswa untuk melanjutkan pelajarannya di Sekolah Menengah Sains Batu 8, Kuantan.

ANAK-ANAK SAYA

HUBUNGAN saya dengan Yati telah pulih. Saya selalu sahaja berjumpa dengannya. Setiap bulan saya memberinya wang. Hubungan yang diatur seperti dahulu itu berjalan seperti biasa. Sebagai anak sulung Yati sangat diperlukan oleh ibunya. Sarimah mulai sedar bahawa dia menghadapi masa tua dan mengharapkan anak-anaknya itu tidak meninggalkannya, tidak melupakannya. Sayangnya pemikiran seumpama itu tidak timbul waktu dia meminta fasaah dari saya dulu. Tidak mungkin ia memperoleh segala-gala yang dikehendakinya seperti juga saya. Saya tidak mungkin dapat pergi ke universiti kalau Sarimah masih lagi sebagai isteri. Sebab saya harus memilih antara pergi ke universiti, berpisah dengannya atau bersama-sama dengannya. Sarimah mengambil keputusan untuk mengahwini Yusof Majid maka dia terpaksa berpisah dengan anak-anaknya. Anak-anak itu memilih saya kerana saya melebihi utamakan mereka dari yang lain-lain. Saya memberikan layanan istimewa kepada mereka dalam soal pelajaran, kesihatan, makan-minum dan kasih sayang. Saya berjumpa Yati untuk memberi perbelanjaan yang diperlukan. Yusof Majid tidak dapat menahannya. Perkahwinan Sarimah dengan Yusof Majid bukanlah kerana cinta tetapi kahwin untuk **marriage for convenience sake**, seperti kata orang Putih. Yusof Majid kahwin dengan Sarimah terpaksa dengan mengorbankan isterinya, Sarimah kahwin dengan Yusof Majid terpaksa mengorbankan rumahtangganya, kasih sayang anak-anaknya yang empat itu. Saya sebaliknya tidak menyesal apa-apa di atas perceraian itu kerana perceraian berlaku di mana-mana sahaja dari zaman-bezaman, dalam masyarakat

apa sahaja. Cuma perceraian ini semacam dipaksakan. Itu yang saya kesalnya.

Dalam masa 12 tahun saya bersama-sama Sarimah, sedikit sebanyak, saya dapat menyebut cerita-cerita yang baik dan cerita-cerita yang tidak baik — sifat-sifat negatif dan positif Sarimah. Tidaklah akan ketara perbezaannya seandainya Sarimah tidak melangkah ke dunia perfileman, mungkin kami tidak akan bercerai. Tetapi jodoh, pertemuan, rezeki, ajal maut itu ada di tangan Tuhan; Tuhan memberikan kita jalan untuk berikhtiar dalam semua perkara yang disebutkan sebagai takdir. Mungkin perceraian kami itu berlaku disebabkan oleh Sarimah masuk ke dunia filem, menjadi masyhur. Sarimah masuk dunia filem kerana kami meninggalkan Pahang untuk mencari kehidupan yang baru di Singapura. Kami ke Singapura disebabkan Sarimah mengidap sakit yang sukar diubati. Seandainya Sarimah tetap sebagai kerani dia tidak akan masuk filem tetapi takdir menentukan bahawa dia telah diberhentikan dari pekerjaannya di Singapore Improvement Trust dan saya pula sudah berhenti dari jawatan yang lama. Kami tidak mungkin mendapat pekerjaan lain dengan kelulusan yang ada pada kami. Satu-satunya jalan yang terbaik ialah mengadu nasib dalam dunia yang asing sama sekali kepada kami. Ada kemungkinan besar kami tidak akan bercerai seandainya saya tidak ditahan, kerana tuduhan kononnya saya mengancam Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman hingga perlu ditahan begitu lama untuk menghasilkan perceraian tadi. Bagi pihak Sarimah pula situasi telah menjadi begitu rupa hingga ia tidak ada pilihan lain kecuali meminta fasah daripada saya dengan apa cara sekalipun dan untuk mengisi kekosongan itu maka Yusof Majid telah dijadikan *scape goat*. Peristiwa itu telah memutuskan ikatan perkahwinan Yusof Majid dengan isterinya. Orang yang menuduh saya yang bersalah kerana perceraian itu maka saya terima akan hakikatnya kerana tiap-tiap orang berhak mengeluarkan pendapatnya. Serupa juga dengan saya bebas mengeluarkan penda-

pat saya sendiri. Tetapi pendapat itu mestilah dengan bukti yang sah, halal, benar dan nyata, bukan emosi atau sedap mulut. Yang lebih-lebih lagi berhak ialah saya kerana saya sendiri yang mengalaminya. Tentulah sukar diterima lojiknya bahawa saya yang menyebabkan peristiwa itu berlaku kerana meninggalkan Sarimah dan Sarimah pula akan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang memberatkan tuduhan terhadap saya. Saya cuma ingin berkata mengapakah waktu saya ditahan sahaja baru timbul berbagai-bagai tuduhan terhadap saya yang mengharuskan Sarimah meminta fasah itu? Mengapakah dia tidak meminta cerai terlebih awal lagi daripada itu atau meninggalkan saya pada masa saya tidak ada di Kuala Lumpur atau waktu saya di Berlin misalnya? Lebih jujur dan lebih natural kalau sekiranya Sarimah meminta cerai pada masa saya tidak di dalam tahanan.

Saya tidak menafikan sifat-sifat positif yang ada pada Sarimah. Dia seorang isteri, seorang ibu yang bertimbang rasa yang telah diperlihatkan olehnya pada peringkat permulaan perkahwinan kami. Sifat-sifatnya pada waktu itu amat terpuji. Bagi saya seorang perempuan seperti Sarimah pada permulaan perkahwinan kami dapat memberi kebahagiaan hidup kepada suaminya dalam semua aspek berumah-tangga. Dia seorang isteri yang penyayang, pandai memasak, pandai melayan suami dan setia. Cuma satu saja kelemahannya iaitu tidak dapat menahan dugaan. Sebagai seorang berbintang Taurus, Sarimah sangat memandang berat kepada keselamatan (security) dan kepada kebendaan, tanpa perkara-perkara ini fikirannya tidak akan tenang dan tenteram. Sarimah boleh memberikan kebahagiaan hidup kepada suaminya tetapi ia memerlukan seorang watak yang lebih kuat untuk mengawal dia. Satu lagi kelemahan Sarimah ialah dia mahukan suaminya sentiasa berada di sisinya. Dia tidak sanggup keseorangan dalam jangka masa yang lama. Dia perlukan kepuasan zahir dan batin, kasih sayang yang abadi.

Waktu kami suami isteri, kepada anak-anaknya dia sungguh mengambil berat. Saya sendiri banyak berhutang budi kepadanya, dia banyak memberikan galakkan kepada saya untuk berusaha terutamanya pada waktu saya mengambil peperiksaan Senior Cambridge di Singapura dahulu. Saban malam dia akan menyediakan minuman kopi pekat untuk saya berjaga atau menolong memicit-micitkan bahu saya kerana lenguh duduk. Sebagai isteri dia menjaga makan minum saya dengan baik dan mengurus rumahtangga dengan rapi. Saya berani mengatakan bahawa Sarimah adalah seorang isteri yang boleh menjadi model dalam kebahagiaan hidup suami dalam semua aspek berumahtangga. Malangnya suaminya sekarang ini menjadi beban kepadanya, benar atau tidak dapat dilihat daripada peristiwa-peristiwa yang berlaku. Yusof dan Sarimah tidak mempunyai kebahagiaan nyata walaupun mereka dimandikan dengan material yang hanya, diberi melalui bantuan oleh orang-orang kenamaan. Beberapa orang kenamaan sentiasa bersimpati dengan kedudukannya dan senantiasa memberi pertolongan. Yusof Majid telah banyak kali mendapat peluang untuk menimbus imejnya. Yusof Majid suaminya itu telah memegang berbagai-bagai jawatan. Dengan kelulusannya yang basic SPM grade III Yusof Majid tidak dapat menjadi seorang yang profesional, dia memerlukan kedudukan untuk memelihara imejnya sebagai seorang suami kepada bintang filem yang terkenal.

Mereka telah menjalankan berbagai perniagaan seperti menjalankan Concord de Malase, Sarinah Boutique, Sari Artis, New Sari Artist yang begitu terkenal dengan kemewahannya, kerana pinjaman-pinjaman yang mereka perolehi. Tetapi kesemuanya tidak dapat bertahan lama, indah khabar dari rupa.

Saya tidak mau menyentuh perkara orang yang tidak ada kaitannya dengan buku ini. Cukuplah dengan skandal-skandal yang kita dengar di antara mereka berdua pada masa kebelakangan. Bukan menjadi rahsia lagi bagaimana skandal kononnya Sarimah ada mengambil

bagian dalam sebuah blue film telah diperkatakan orang di seluruh pelusuk Malaysia. Mungkin perkara ini tidak betul. Saya sendiri yakin cakap-cakap seperti ini palsu semata-mata. Hanya Allah yang mengetahuinya. Mustahil Sarimah sanggup melakukan perbuatan yang paling kotor, hina dan dilaknat oleh Allah dunia akhirat. Tetapi bagaimanakah maka hampir setiap peminat tahu akan rumours skandal yang paling keji itu? Hal ini tentu akan menjadikan Sarimah penuh kerisauan dan dia saya tahu, tidak boleh risau. Berita skandal blue film ini telah berkali-kali dinafikan melalui surat-surat khabar dan baru-baru ini Utusan Filem & Fesyen keluaran Disember 1976 telah memberikan ruangan yang sangat prominen mengenai perkara rumours 'blue film' itu dan juga tentang penafian-nya tentang tuduhan-tuduhan yang mengatakan Sarimah mempunyai hubungan-hubungan dengan orang-orang besar. Mungkin hubungan biasa terpaksa dilakukan oleh Sarimah kerana tujuan-tujuan perniagaan sahaja sama seperti ahli-ahli perniagaan bumiputera yang lain. Tetapi telah di-salah-ertikan oleh orang-orang yang melihatnya, mungkin blue film itu dilakukan oleh pelakon-pelakon yang wajahnya mirip Sarimah. Mungkin juga filem itu dibuat secara **camera-trick**. Berbagai-bagai kemungkinan boleh terjadi, tetapi gosipnya seperti api membakar itu marak dengan panasnya ke seluruh negeri hingga mendatangkan kesan yang buruk kepada jiwa Sarimah. Bagi saya hal ini satu perkara yang sangat mendukacitakan kerana sekurang-kurangnya saya mengenangkan dia adalah ibu kepada empat orang anak saya dan kalau boleh biarlah anak-anak saya itu mengasihi ibunya dengan perasaan yang suci dan murni, bukan di bawah awan hitam berbagai-bagai skandal. Bagi saya mustahil Sarimah sanggup melakukan lakonan blue film itu.

Suaminya pernah mengatakan bahawa saya ini adalah sahabatnya yang baik. Saya menafikan hal ini bukan kerana dia telah merampas Sarimah dari saya bukan secara gentleman, tetapi biarlah dengan jujur saya katakan **Yusof Majid**

Itu tidak pernah menjadi sahabat saya, jauh sekali ada kenamengena dengan saya. Demi Allah. Saya kenal dengannya hanya sepintas lalu saja ketika dia bertugas di Pejabat MARA sebagai pegawai yang menguruskan batik MARA. Saya banyak mendengar cerita tentang dirinya pada masa ia menjadi guru lulusan DTC, tetapi cerita-cerita itu tidak mau saya turunkan di sini kerana tidak ada sangkutan apa-apa dengan cerita buku ini. Seperti saya katakan dia juga tidak mempunyai apa-apa pertalian darah dengan saya, kerana dia berasal dari Kerbau sebelah Temerloh, sedangkan saya dari Pekan. Baik sebelah datuknya ataupun sebelah ibu dan ayah saya tidak mempunyai pertalian apa-apa dengannya. Antara ia dengan Sarimah wallahua'lam. Dengan jujur saya katakan, saya lebih bersyukur dan gembira jika Sarimah setelah kahwin dengan Yusof tidak lagi menjadi pelakon filem, tidak patut bertungkus-lumus di dalam dunia itu semata-mata mau mengasah bakat atau mencari rezeki yang halal. Saya telah menaruh harapan yang tinggi bahawa apa bila dia meninggalkan saya ia akan mendapat suami yang boleh memberikannya sedikit kelegaan hidup. Ia tidak perlu lagi bersusah-payah bekerja, tetapi duduk di rumah menjaga kehormatan diri dan kehormatan suami dan menjaga anak-anak. Bagi saya kerana merasakan kekurangan itulah maka telah bertungkus-lumus untuk belajar hingga ke universiti dengan harapan pada satu masa nanti kedudukan ekonomi saya akan menjadi baik sehingga saya dapat memulakan penghidupan baru dengan isteri yang lain. Tetapi malangnya harapan saya terhadap bekas isteri saya itu menjadi hampa, malah dipenuhi dengan rumours dan gossip yang amat memalukan.

Sekarang ini yang mendukacitakan hati saya ialah, anak-anak saya yang biasa tinggal bersama-sama Sarimah dalam masa cuti sekolah selalu berubah sikap apabila mereka pulang kepada saya. Saya tidak tahu, benar atau tidak bahawa anak-anak itu telah cuba dipengaruhi supaya lebih memberati ibunya mereka. Hal ini adalah satu perkara yang tidak wajar ia lakukan kerana saya dengan murah hati

menghantar anak-anak itu tanpa menyusahkannya untuk datang ke Pekan. Perbuatan mempengaruhi anak-anak yang masih suci itu supaya tidak memberatkan saya adalah amat malang sekali. Terlalu banyak pengorbanan yang telah saya berikan kepada mereka, supaya mereka itu menjadi manusia yang kasihkan ibu bapanya dan mempunyai nilai hidup yang lebih tinggi.

Sebelum ini beberapa kali telah saya tekankan bahawa sekiranya Sarimah ingin mengambil keempat-empat anaknya itu tidaktah saya halangi jika anak-anak itu diberi peluang berjumpa dengan saya pula dan dengan syarat Sarimah mendapat suami yang benar-benar bertanggungjawab, mempunyai hemah yang tinggi dan seorang gentleman yang berperikemanusiaan. Terus terang saya katakan bahawa sifat dan sikap yang ditunjukkan oleh suaminya yang ada sekarang terhadap saya, tidak memungkinkan saya bersetuju anak-anak saya itu tinggal bersamanya. Sekarang ini saya sedang berikhtiar untuk membawa Yati pindah tinggal bersama saya atau tinggal di Hostel. Saya mahu keempat-empat anak saya itu di dalam pemeliharaan saya dan mereka bebas untuk melawat ibunya apabila keadaan mengizinkan. Saya tidak dapat membiarkan seorang pun daripada anak-anak saya itu tinggal dengan Sarimah dalam keadaan yang sedang berlaku, yang sedang menghadapi skandal demi skandal, lepas satu, satu. Satu tanda tanya yang besar ialah mengapa hanya Sarimah seorang sahaja yang diserang oleh skandal-skandal yang begitu banyak? Dengan penjaminan \$500.00 ke atas Yusof Majid yang dituduh masuk secara haram di dalam kampus Universiti Malaya baru-baru ini bertambah pula satu tanda tanya lagi. Mengikut laporan universiti itu dia telah selalu benar melakukan perbuatan seperti itu. Apakah watak manusia serupa itu dapat menjamin kehormatan dan nama baik anak saya yang sudah semakin besar? Malangnya bekas isteri saya itu telah mencurahkan berbagai material untuk menahan Yati daripada kembali kepada saya. Saya akan berusaha untuk mengambilnya kerana selagi Yati belum sampai umur

21 tahun maka adalah tidak selamat dia tinggal bersama-sama dengan bapa tirinya yang berperangai serupa itu. Pada Sarimah pernah saya katakan bahawa saya tidak akan mengganggu dia dengan Yusof, seandainya keempat-empat anak saya itu ada pada saya, tetapi selagi anak-anak itu ada di sana maka saya sentiasa berusaha mau mengambil mereka dengan apa cara sekalipun walaupun akan mendatangkan gangguan kepada ketenteraman Sarimah dan Yusof. Saya berkewajipan mengawasi anak saya supaya mereka tidak terceburlah dalam gossip, ia tidak terceburlah di dalam penghidupan yang telah dialami oleh Sarimah. Apa yang saya lakukan ini adalah untuk kepentingan anak-anak saya itu. Kehancuran rumahtangga saya dengan Sarimah itu tidak mau saya timpakan akibatnya ke atas anak-anak saya. Saya bercita-cita mau memberi pelajaran yang **sebaik-baiknya** kepada mereka, melalui nasihat dan asuhan, dengan kemudahan mendapat ilmu pengetahuan kerana pengetahuan sahaja yang dapat menjamin hari depan mereka. Dengan pengetahuan mereka mendapat pedoman menjaga dirinya, memandukan dirinya ke jalan yang benar. Atas dasar inilah saya memerlukan keempat-empat anak saya itu. Setelah bercerai dengan Sarimah saya telah kahwin. Perkahwinan itu telah gagal kerana menghadapi jalan buntu apabila sampai kepada masalah kepentingan anak-anak saya. Setiap perempuan yang saya kahwini telah saya beritahu bahawa perkahwinan kami itu bergantung kepada keselamatan anak saya dan kerelaannya menerima anak-anak saya. Apabila saya mempunyai bukti yang sah bahawa anak-anak saya tidak diberi layanan yang sewajarnya, tentang pakai patut mereka, makan-minum mereka maka saya tidak peduli walaupun dia itu bidadari. Kerana sebab-sebab inilah maka saya terpaksa berpisah dengan perempuan yang telah saya kahwini setelah bercerai dengan Sarimah. Seluruh kehidupan saya bergantung kepada kebahagiaan dan kasih sayang anak-anak saya kepada saya, kerana hari tua saya memerlukan anak-anak yang dapat melihat saya, yang dapat kasih kepada

saya. Saya tidak mengharapkan balasan apa-apa daripada mereka. Saya tidak mengharapkan mereka memberi saya kemewahan tetapi saya mengharap anak-anak saya itu tahu bahawa saya sentiasa mencintai dan mengasihi mereka dan mengambil berat dalam seluruh kehidupan mereka. Itu sahaja harapan saya kepada anak-anak itu. Perasaan saya terhadap Sarimah bolehlah saya katakan begini: tidak dapat saya sebutkan tentang perasaan kasih saya yang telah terbentuk selama 12 tahun kami berumahtangga, sebagai suami isteri, sebagai dua jiwa yang hidup paling hampir sekali. Dua jasad, dua jiwa yang tidak dapat dipisahkan maka ingatan kepada bekas isteri saya itu tetap ada dan tidak mungkin dikikis dengan begitu sahaja. Tetapi perasaan-perasaan emosi seperti itu dapat saya **neutralise** dengan perbuatan-perbuatannya yang tidak adil terhadap saya dalam masa saya mengalami kesengsaraan. Saya yakin perasaan Sarimah juga begitu, kalau dia ingatkan kasih sayangnya kepada saya tentulah dia dapat **neutralise** ingatan itu kepada perbuatan-perbuatan saya yang tidak adil atau perbuatan yang sengaja dicari-cari terhadap diri saya. Saya percaya seperti juga Sarimah yang pernah menyatakan pada masa lawatannya yang terakhir waktu saya dalam tahanan dahulu, **"I will never love another man as much as I loved you"**. Itulah kata-kata yang terakhir yang diucapkannya waktu kami terpaksa berpisah dan pada waktu itulah kucupan yang terakhir yang saya berikan kepadanya di dalam tangisan air mata perpisahan.

Kini segala galanya itu sudah berlalu. Banyak orang yang mengatakan bahawa jikalau Sarimah berpisah mati atau berpisah hidup dengan suaminya maka saya akan mengambilnya kembali. Jawabnya saya tegas: **TIDAK MUNGKIN, TIDAK MUNGKIN** kami akan kembali sebagai suami isteri. Cuma mungkin kami akan menjadi sebagai sahabat, atau saudara kalaulah Sarimah berkahwin dengan seprang lain yang lebih sempurna dalam kedudukan dan karektorinya. Saya akan menjadi orang pertama yang bersyukur jika itu ditakdirkan Tuhan terjadi. Biarlah kenangan-

kenangan manis selama 12 tahun saya bersama-samanya itu menjadi filem yang sentiasa diputarkan dalam ingatan. Biarlah dia menjadi keluhan yang tidak dapat didengar oleh manusia lain kecuali hanya dengan tekaan semata-mata. Tekaan peminat-peminat kami itu mungkin tepat dan mungkin tidak tepat. Sebagai manusia yang mempunyai hati dan perut tentulah segala peristiwa itu sentiasa terus tinggal di dalam fikiran kita masing-masing. Hal yang serupa ini bukanlah berlaku kepada saya dan Sarimah saja tetapi juga kepada setiap insan di muka bumi ini. Saya tidak dendam kepada Sarimah atau kepada Yusof Majid walaupun sikap mereka itu menyakitkan hati, walaupun Yusof Majid telah menunjukkan sikap yang tidak adil terhadap saya kerana perwatakannya itu. Selagi dia bersuamikan Yusof Majid selagi Yusof Majid tidak menunjukkan perubahan sikap sebagai suami yang bertanggungjawab, selama itulah hubungan sebagai saudara seajama antara saya dengan mereka tidak mungkin wujud. Tetapi sampai buku ini ditulis saya tidak nampak perubahan itu wujud dalam rumahtangga mereka, bahkan menjadi sebaliknya. Biarlah melalui buku ini saya sampaikan kepada Sarimah bahawa saya sentiasa mengingatkannya sebagai seorang isteri yang baik, isteri yang dapat memberi kebahagiaan dan ketenangan kepada jiwa saya sekian lama. Budinya, pengorbanannya, layanannya itu akan saya bawa sampai ke liang lahat. Mungkin dalam alam akhirat di tempat yang dikatakan neraka atau syurga kita akan dapat bertemu kembali sebagai sahabat. Saya sentiasa mendoakan kepada Tuhan supaya kepadanya diberikan kelapangan. Tuhan akan memberi petunjuk bukan sahaja kepada Sarimah tetapi kepada suaminya, kerana hidup kita seperti orang dalam perjalanan menuju ajal, kematian yang tidak dapat dielakkan. Datangnya pada bila-bila masa juga. Saya cuma tidak dapat mengizinkan anak saya, (yang mana juga tinggal bersama-sama Sarimah pada waktu ini,) mereka boleh melawat sahaja. Sekarang Sarimah telah mempunyai anak dengan Yusof dan saya patutlah menjaga anak-anak saya dengan penuh perhatian.

dengan jaminan bahawa mereka dalam tangan yang selamat. Alhamdulillah sehingga hari ini saya telah berjaya membeli sebuah rumah untuk anak-anak saya itu. Rumah yang cukup untuk mereka berempat tinggal. Dengan keadaan yang ada pada saya sekarang ini, saya masih mampu untuk memberi mereka makan-minum, pakai patut, masa dan tenaga untuk memberi mereka kemudahan menuju hidup yang lebih baik apabila mereka dewasa kelak.

Sebagai tambahan sebelum buku ini saya akhiri, saya ingin menurunkan satu peristiwa yang amat menyakitkan hati saya. Pada satu masa Sarimah telah menelefon meminta saya berikan kepada Yati anak saya itu wang sebanyak \$1,000.00 untuk perbelanjaannya. Saya telah menghantar \$600.00 wang tunai kepada Yati di sekolahnya dan \$100.00 lagi pada masa saya melawatnya di luar kawasan rumah Sarimah. Beberapa hari sesudah itu saya terbaca berita dalam majalah, URTV 1hb, September 1976 bahawa Yati telah mengadakan satu pesta harijadinya di sebuah hotel yang terkemuka di ibu kota. Ikut hadir kawan-kawannya anak-anak bintang filem. Saya merasa amat kesal kerana wang yang saya berikan kepada Yati itu untuk perbelanjaannya bukan untuk digunakan mencari publisiti seperti mengadakan pesta harijadi. Kalaupun pesta itu perlu juga diadakan, maka adakanlah di rumah sendiri dengan doa selamat kepada Yati. Sampai sekarang saya masih tetap memberikan perbelanjaan Yati pada tiap-tiap bulan. Yati sekarang sedang menunggu keputusan peperiksaan MCE. Saya sudah berkata kepadanya jika ia mendapat kelulusan yang baik, saya akan berusaha supaya ia dapat melanjutkan pelajarannya di institusi pelajaran tinggi di Malaysia ini ataupun di luar negeri. Wahida telah mendapat biasiswa Kerajaan Persekutuan untuk mengambil matapelajaran sains di Sekolah Menengah Sains Batu 8 Kuantan, Mohd. Jamil berada di Tingkatan Satu dan Mohd. Shahrir berada dalam darjah II. Yati kini sudah pandai membawa kereta dan saya amat ingin supaya dia dapat tinggal bersama-sama dengan adik-adiknya. Gejala-gejala yang sedang berlaku di hadapan

mata saya sekarang menjadikan saya lebih gelisah sekiranya ia tinggal bersama-sama lagi dengan ibunya. Saya berharap ibunya akan menyedari hakikat kerisauan saya itu. Jaminan yang dapat diberikan oleh Sarimah hanyalah di bibir saja kerana ia takut, taat dan terlalu mengikut perintah suaminya. Dia akan mempertahankan segala apa perbuatan suaminya itu walaupun suaminya dalam jaminan sementara menunggu perbicaraan atas tuduhan mengganggu mahasiswi perempuan. Sama ada dia didapati salah atau tidak oleh mahkamah, tetapi perbuatan yang dilakukan itu menunjukkan yang ia tidak layak menjadi seorang bapa tiri bagi seorang anak gadis yang sedang tumbuh. Jika benar pada kesalahannya, maka ia tidak dapat dimaafkan oleh orang-orang yang menghargakan nilai kesopanan dan kesusilaan.



Gambar atas: Bersekolah Arab di Johor Bahru (1949) Penulis No. 4 dari kiri barisan depan.



Semasa bersekolah agama Air Molek Johor Bahru (1950). Di tengah: Guru darjah Cikgu Awab. Penulis: No. 6 dari kiri berisan tengah.



Gambar ramai Persatuan Bahasa Melayu Sekolah Abdullah Kuantan Pahang. Penulis menjadi setiausahanya. (No. 7 dari kanan barisan depan 1956).



Gambar Sarimah bersama YTM Tunku Abdul Rahman bekas Perdana Menteri Malaysia di upacara pembukaan rumah UMNO Singapura tahun 1965.

PENUTUP

Buku ini telah disiapkan sebelum Sarimah membawa tuntutan nafkah edah dan hak memelihara 4 orang anak pada awal bulan Jun, 1977.

Oleh kerana saya akan memuatkan segala keterangan mengenai tuntutan tersebut dalam '**Hukum Quran Atau Hukum Syaitan?** Saya tidak mencatatkan hal yang tersebut secara perincian dalam bab penutup ini.

Namun perlu saya nyatakan betapa sedihnya saya 3 orang daripada 4 orang anak saya yang sedang bersekolah telah dipujuk oleh ibunya supaya meninggalkan sekolah masing-masing di Pekan dan Kuantan. Sehingga hari ini mereka tidak dapat bersekolah di Kuala Lumpur. Walaupun saya telah memberi kebenaran bertulis kepada Kementerian Pelajaran supaya anak-anak saya itu bersekolah di mana sahaja mereka suka, Sarimah yang pada mulanya telah bersetuju telah mengubah fikirannya atas desakan suaminya.

Dalam masa perbincangan ini saya pernah menelefon Yusof Majid supaya anak-anak saya itu dinasihatkan bersekolah di Kuala Lumpur sementara menunggu tarikh perbincangan. Dia bersetuju dan mencadangkan saya berhubung dengan dia di Pejabat Yusari Film. Kerana percaya dia manusia siuman saya membawa anak saya yang bungsu Mohd. Shahrir yang rindukan abang dan kakaknya. Saya bermaksud membawa Shahrir balik ke Pekan 3 hari kemudian iaitu pada hari Ahad bulan Julai talu (1977). Malangnya, anak saya itu telah ditahan dari balik dan Yusof tidak mau berunding fasal persekolahan anak-anak saya. Dia pernah berkata kepada beberapa orang, "Jika budak-budak itu (anak-anak saya) tidak bersekolah, mereka bukan anak I". Nyatalah, Yusof mengambil kesempatan dari sayang atau takut Sarimah kepadanya dengan menjadikan anak

saya mangsa yang tidak berdosa. Anak-anak saya sudah tentu percaya desakan ibu mereka supaya mereka lari meninggalkan sekolah timbul dari kasih sayang ibu kepada anak. Padahal, desakan dan pujukan itu datang dari Yusof sendiri yang ingin membalas dendam terhadap tindakan saya membawa 50 buah naskah 'Watan' yang menyiarkan berita penahanannya dan jaminan \$500.00 yang dikenakan oleh Mahkamah ke atasnya kerana mencerooboh masuk ke dalam kampus Universiti Malaya (lihat Watan Bil. 1 Sabtu 29hb, Januari 1977).

Langkah saya membeli Watan dan membahagikan kepada beberapa orang di Pekan (termasuk keluarga Sarimah) ialah dengan niat meyakinkan mereka akan kebimbangan saya terhadap keselamatan moral anak saya Norhayati yang sedang meningkat umur 18 tahun itu.

Dan saya perlukan simpati mereka mendesak Sarimah sekurang-kurangnya menghantar Yati tinggal di asrama.

Anak-anak saya Farawaheeda, Mohd. Jamil dan Mohd. Shahrir telah tidak bersekolah semenjak bulan Julai, 1977 dan sekarang duduk membuang masa di rumah Sarimah di Petaling Jaya. Inikah cara kasih sayang Sarimah kepada anak-anaknya dengan memujuk mereka meninggalkan sekolah berasrama di Kuantan? Adakah terfikir anak-anak saya yang rajin dan taat kepada saya sanggup meninggalkan sekolah?

ngenangkan nasib anak-anak saya ini saya masih bersabar. Kerana andaikata anak-anak saya itu kecewa nanti, tidak ada siapa pun akan dapat menyalahkan saya. Sarimah telah membawa kes tuntutan nafkah edah dan hak memelihara anak setelah 7 tahun kami berpisah, 7 tahun anak-anak itu dalam pemeliharaan saya. Mula-mula Yusof berjaya mengahwini Sarimah melalui fasah yang meragukan. Kemudian anak-anak saya pula dipisahkan dari saya. Namun saya telah menyeru dan menasihatkan Sarimah melalui iparnya Cikgu Osman Ahmad supaya dia menggugurkan tuntutan itu dan tidak akan timbul kembali segala yang

menjadi rahsia, kami selama ini. Kemudian Norhayati telah saya nasihatkan supaya meminta ibunya menarik balik kes tersebut. Sarimah secara kasar menjawab 'fight to the last'.

Kesengsaraan jiwa yang saya tanggung selama perpisahan ini masih belum betah masih berdarah dan darah itu masih mengalir lagi. Mengalir ia seperti arus dilanda hujan ribut dan petir. Sarimah menghidupkan lakonan hidup kami apabila dia berhikayat di Mahkamah Syariah di hari pertama mengesahkan ketiadaan bahagia di samping saya selama 12 tahun itu. Dia tidak merasa bahagia hinggalah melahirkan 4 orang anak yang sihat dan cerdik. Mungkin dia lebih berbahagia sekarang agaknya. Sampai begitu bahagia dia perlu menuntut dari saya di mahkamah wang sewa rumah, wang edah, wang belanja mahkamah dan lainnya. Dia perlu berbohong apa sahaja walaupun telah mengangkat sumpah dalam mahkamah.

Dan yang paling menyeksa saya, apabila Sarimah berpura-pura menuduh saya tidak bertanggungjawab kerana anak-anak saya bertiga tidak bersekolah di Kuala Lumpur. Dia menutup dosanya dengan kain jarang yang dipakainya. Dia telah memujuk anak-anak itu datang ke Kuala Lumpur sedang mereka itu berada dalam penggal akhir. Mereka bukan tinggal dengan saya kenapa perlu mereka dipujuk.

Dan anak-anak saya dikorbankan sambil dia menggunakan peranan sebagai ibu anak-anak yang sejati. Anak dengan mak. Tetapi malangnya, anak-anak saya terlalu hijau untuk mengetahui dan mengerti. Bagi mereka ibu itu ibu sejati. Semenjak mereka pergi ke Kuala Lumpur hujung Julai hingga saat ini, saya tidak dibenarkan berhubung dengan anak-anak saya. Pagi Hari Raya Aidilfitri yang lalu pun saya tidak dapat mengucapkan 'Selamat Hari Raya' Kepada anak-anak saya itu. Larangan dari Sarimah dan Yusof.

Saya tidak tau apa yang hendak saya katakan lagi. Anak-anak saya sedang diorientasi setiap hari supaya membenci

dan melupakan saya. Mereka mau monopoli anak-anak saya itu dan mungkin mengharapkan pembelaan di hari gelap

HARI INI

Hari ini, pada zahirnya, Sarimah sudah sampai ke tahap kegemilangan dalam kariernya. Dia sudah 20 tahun berkecimpung dalam dunia perfileman. Dari seorang gadis kampung yang mengembara ke Singapura kerana berubat penyakit menjadi bintang filem terkemuka dan saat ini, seorang pengeluar filem yang dapat dibanggakan juga. Sekarang dia bintang filem yang paling 'busy' dan producer yang kerap berulang alik antara Malaysia ~ Indonesia atas urusan perfileman. Justeru mengenangkan jasanya dan anak watan, DYMM Sultan Pahang telah pun mengurniakan 'bintang' baru-baru ini. Syabas!

Sudah saya katakan, saya tidak sekali-kali menulis biografi ini berdasarkan sentimen, tidak! Oleh itu, saya turut merasa bangga dan berbesar hati juga di atas pencapaian Sarimah dalam kariernya. 12 tahun bersamanya boleh diakui, sedikit sebanyak saya turut memberikan galakan kepadanya. Selepas perpisahan 'struggle'nya begitu ketara sekali. Jatuh bangunnya sudah agak diketahui umum dan dia tidak pernah putus asa. Tidaklah boleh dinafikan, bantuan secara langsung dan tidak langsung dari pihak atas membolehkan Sarimah bangun dan terus bangun. Dia banyak kawan yang berpengaruh dalam akhbar-akhbar tempatan dan dengan pihak yang mempunyai kuasa dan pengaruh untuk menegakkan dia.

Sarimah bolehlah menganggap, perpisahan dan peristiwa yang menyebabkan kami dipisahkan sebagai 'blessing-in-disguise' biar pun method dan cara perpisahan itu kejam, tidak adil tidak saksama. Kerana kesannya membawa purakperanda dan memutuskan ikatan kasih antara kami terutamanya di antara saya dengan 4 orang anak-anak hingga ke saat ini.

Demikian juga, kerana perpisahan itu, sekurang-kurangnya memberi insentif untuk saya memperbaiki diri. Sebab saya ditahan maka timbul azam untuk belajar dan seterusnya berjaya ke tangga Universiti Malaya yang selalu menjadi

idaman dan cita-cita saya. Tetapi terdapat juga beberapa tindakan saya yang kurang matang yang mesti diakui. Kerana itu, hingga hari ini keadaan saya masih belum stabil dan kabur bersabit dengan beberapa kes saya dengan Sarimah yang sengaja melibatkan Yusof Majid 'suami dia'. Dan untuk kes-kes ini saya muatkan secara mendalam dalam buku saya 'Hukum Quran Atau Hukum Syaitan'.

Sebaliknya, hari ini saya sangat bersyukur kepada Allah. Saya sangat berbahagia di samping isteri saya Fawzia. Fawzia bernikah dengan saya pada 4/2/79 dan kini kami telah pun dikurniakan seorang cahaya mata perempuan Farah Ashikin berumur 5 bulan. Fawzia telah memberi saya pancaran sinar yang baharu yang sungguh mengatasi segala cahaya yang pernah menerangi seluruh hidup saya terdahulu. Dia masih menunjukkan sikap sedia berkorban untuk saya. Saya tidak terniat membenarkan Fawzia bekerja jauh sekali untuk menjadi seniwati filem. Dia suri rumahtangga saya yang saya cintai sepenuh hati.

Tetapi, sebelum saya berkahwin dengan Fawzia, satu percubaan telah dilakukan untuk menggagalkan perkahwinan itu. Yang jadi dalang yang durjana itu bukan orang lain tetapi Yusof Majid, suami Sarimah. . .

Sehingga saat ini, tidak dapat saya mengertikan mengapa dia mesti melakukan perbuatan itu dan kenapa dia tidak senang dengan perkahwinan saya dengan Fawzia. Apalagi yang dia mau?. Adakah kerana dengki, sakit hati, iri hati kerana Fawzia sememang jelita, (bapanya bekas CPD Negeri Sembilan waktu darurat, dan Fawzia berumur 18 tahun). Kejadian itu begini. Pada 30/1/79, jam lebih kurang 4.30 petang, Yusof Majid datang ke Seremban mencari bapa tiri Fawzia (ayahnya sudah meninggal) yang bertugas sebagai Warden di Sekolah Menengah Tun Abdul Razak. Waktu itu bapa tiri Fawzia (Abdul Rahman) sedang cuti sakit. Sampai di sekolah Tun Abdul Razak, Yusof Majid yang berlagak seperti 'big-shot' menghantar seorang pergi

menjemput Abdul Rahman datang ke sekolah 'kerana urusan sangat mustahak' pesannya.

Abdul Rahman yang sedang cuti sakit itu datang juga Yusof Majid memperkenalkan dirinya tetapi meminta supaya jangan sekali-kali diberitahu kepada sesiapapun atas kedatangannya.

Dengan sungguh-sungguh Yusof Majid meminta supaya Abdul Rahman mendesak keluarga Fawzia menolak pinangan saya kerana saya seorang 'bekas tahanan politik', dimurka oleh Sultan Pahang dan sedang menghadapi beberapa kes-kes di mahkamah. Banyak lagi keburukan saya yang diada-adakan oleh Yusof Majid untuk menyakinkan keluarga Fawzia supaya perkahwinan itu dibatalkan.

Kenapa tidak dia ceritakan tentang kes 'peeping Tom' nya di Kampos? Kes bengkerapsinya?

Seminggu sebelum kedatangan Yusof Majid, satu rombongan meminang yang diketua oleh Encik Hamzah seorang pengedar daging yang terkenal di Kuala Lumpur telah pun pergi ke rumah Fawzia di Sikamat Kem Seremban. Turut serta dalam rombongan itu ialah, seniwati Dayang Sulu, suaminya Yusof Lin, sahabat saya (Shariff Sabari pegawai Bank) Encik Gu Yusoff dan isteri, sahabat masa di kampus. Setelah pinangan itu diterima, rombongan rasmi dijadualkan datang lagi pada 21/2/79. Tetapi kerana angkara dan perbuatan dalang Yusof Majid yang tidak ada kena mengena langsung itu, rombongan rasmi itu dibatalkan atas permintaan Fawzia. Hanya setelah Abdul Rahman terpaksa membocorkan rahsia kedatangan dan 'biang keladi' serta 'busy-body' Yusof Majid baharulah tindakan menyelesaikan salah faham itu diambil. Dayang Sulu menalipon Sarimah. Encik Hamzah mencari Yusof Majid tetapi tidak berjaya. Sahabat-sahabat saya terpaksa mendedahkan pada Abdul Rahman siapa sebenar Yusof Majid, kelulusannya, hobbinya, kesnya yang sungguh keberatan diceritakan. Kerana hal itu bukan urusan kami. Tetapi kerana campurtangan Yusof Majid yang tidak diminta, tamu yang tidak diundang tindakan balas telah terpaksa diambil.

Akhirnya, setelah banyak ranjau dan halangan, kami bernikah pada 4/2/79 dan adat persandingan cara Negeri Sembilan dilangsungkan pada 6/5/79 di Seremban dengan acara yang sederhana tetapi gilang gemilang dan meriah.

Dan kini, saya merayu kepada Allah supaya perkahwinan saya dengan Fawzia kekal abadi kerana dia sudah melebihi segala yang pernah saya punyai dahulu dan saya mengasihi dia seolah-olah saya tidak pernah ada wanita lain dalam hidup saya. Fawzia juga berbintang Taurus dan mempunyai watak-watak romantis seperti Sarimah dan lebih dari itu dialah sumber ilham dan permata asli yang benar-benar menyinari hidup saya hari ini dan esok.

ZAMAN MENURUN PASTI DATANG MAUT PASTI MANGGIL.

Saya selalu teringatkan almarhum P. Ramlee, bintang teragung yang pernah dilahirkan oleh negara kita. Pernah dikatakan tidak akan lahir lagi manusia seperti P. Ramlee dalam abad ini. Pelakun Terbaik yang diakui seluruh Asia, Pengarah Terbaik, Penyanyi Terbaik, Penggubah Terbaik. Walaupun Ramlee bintang Agong, tetapi tidak ramai yang tau, Ramlee telah mati dalam keadaan yang menyedihkan. Dia mati dalam keadaan miskin meskipun dia meninggalkan nama yang kekal sekekal tugu peringatan.

Pada masa hayatnya dan waktu terakhir saya menemui dia ialah di rumahnya di Jalan Dedap dekat Setapak sewaktu saya menjemput beliau memberi ceramah anjuran Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) bulan April 1973 (sebulan sebelum beliau meninggal). Saya Yang DiPertua Persatuan itu. Ramlee menyebut tentang kejatuhannya, zaman gemilangannya "Masyarakat sudah bosan dengan filem saya, bosan dengan suara saya". Kata Ramlee. "Peminat saya semua sudah beranak cucu. Saya sudah tua" Sambungnya.

Saya terharu mendengar kata-kata Ramlee dan penuh simpati dengannya. Kerana Ramlee itu bintang agung bintang kesayangan kita. Dia yang pernah menolong saya.

Dialah yang memperkenalkan Sarimah dan menaikkan nama Sarimah. Tetapi dukacita, di hari kematiannya, Sarimah tidak kelihatan di antara tetamu yang menziarahi jenazahnya.

Sebagaimana P. Ramlee, Sarimah perlu mengingati hari tuanya, hari jatuhnya yang pasti datang. Kekhawatiran saya kerana 4 orang anak saya berada di dalam pemeliharaannya. Walaupun anak-anak itu dihalang dengan berbagai pujuk rayu supaya tidak tinggal dengan saya, masa depan anak-anak menjadi tanggungjawab saya juga. Kecuali Farawaheeda yang sedang menuntut di Australia (Waheeda tidak tinggal dengan Sarimah setelah meninggalkan saya. Dia tinggal di Asrama semenjak meninggalkan saya pada bulan Jun 1977) Jamil, Yati dan Shahril tinggal sebumbung dengan ibunya. Saya khuatir apabila Yati gagal dalam peperiksaan HSC. Yati tidak lagi pernah berhubung dan bertemu dengan saya sejak kegagalan itu. Dan Sarimah dengan bangga mengiklankan Jamil anak lelaki sulung saya berlakun dalam filem terbaru 'Jejak Bertapak'. Saya khuatir Jamil berumur 16 tahun belum matang berfikir. Kalau tidak ada dorongan dari manusia lain, Jamil tidak akan cenderung dalam filem.

Kebimbangan saya nanti, Jamil itu anak lelaki. Jika dia gagal dalam peperiksaan, masa depannya gelap. Filem bukan tempat menghadapi masa depan. Dan Sarimah tidak harus mendengar nasihat orang yang tidak punya kelulusan dan pengalaman dan tidak menaruh kepentingan tentang nasib anak-anak saya.

Semua anak-anak saya tidak dibenarkan berhubung dengan saya jauh sekali datang bertemu saya atau pun menghabiskan masa cuti sekolah dengan saya.

Waktu mereka tinggal bersama saya dahulu, setiap cuti penggal saya hantar mereka ke rumah Sarimah untuk menghabiskan cuti itu bersama ibu mereka.

Dan peranan Yusof Majid dalam masalah ini tidak saya nafikan memandangkan peranan dia membawa gangster menyerang saya dalam percabaran di Kelang dan tindakannya menghasut bapa tiri Fawzia supaya menolak peminangan sa-

ya dahulu.

Dia bukan seorang rasional dan gentleman. Sebagai bapa tiri, tentu dia tidak berhak menahan anak-anak saya dari bertemu saya.

Banyak orang bercerai kerana sudah habis jodoh. Saya terima hakikat ini.

Tidak ramai orang bersikap zalim di mana anak-anak tidak boleh bertemu dengan ibubapa. Dan alasan mengatakan anak-anak sendiri yang tidak mau bertemu itu hanya percakapan orang yang tidak berhati perut. Percakapan orang sakit dan orang itu perlukan rawatan saikiatrist.

PEMERGIAN KE ENGLAND KENA SABOTAJ

Biar saya ulangi lagi, saya tidak ingatkan Sarimah, tidak ada lagi hubungan kasih. Hanya biasa sahaja. Lebih-lebih Kenangan 12 Tahun Bersama dia tinggal kenangan yang akan ditelan masa. Saya sangat berbahagia dengan Fawzia. Fawzia telah memenuhi semua kekosongan dan kehampaan saya. Saya akui, kasih saya kepada anak-anak saya tidak terguris dan tidak luntur dan kelahiran mereka di dunia ini adalah hasil perkongsian hidup 12 tahun saya dengan Sarimah. Saya juga tidak mempunyai dendam terhadap Yusof Majid. Tetapi semua perbuatannya yang tidak jujur dan adil terhadap saya itu tidak mudah saya lupakan. Saya sentiasa bersedia berbaik-baik sebagai kawan dan sahabat kepada Sarimah dan Yusof Majid atas dasar mereka membenarkan saya menemui anak-anak saya dan membenarkan mereka menghabiskan cuti penggal sekolah masing-masing.

Sebagai bukti keinginan saya berdamai dengan Yusof Majid saya lampirkan salinan photostat surat yang saya hantar kepada Yusof Majid melalui Encik Osman Abadi, Timbalan Ketua Pengarang Akhbar Utusan Melayu. Tetapi inisiatif saya itu disambut dengan dingin sekali.

Mendapat Biasiswa Ke England.

Pada bulan Julai lalu, setelah pihak MARA dengan rasminya meluluskan biasiswa pinjaman untuk saya mengikuti kursus Undang-undang di England, Tun Suffian, Hakim Negara yang saya kenal telah memberi satu surat peribadi dan satu lagi surat Professor DiRaja Engku Aziz, Naib Canselor Universiti Malaya merekomenkan saya mengambil kursus tersebut di Universiti College Buckingham England. Saya bersama isteri saya Fawzia dijemput oleh Tun Suffian ke rumahnya untuk minum teh begitu juga kak Azah isteri Professor Engku Aziz telah dengan baik hati memberi perangsang kepada saya.

Malang sungguh bagi saya. Pemergian itu dibatalkan apabila 2 waran menangkap saya dikeluarkan oleh Polis bersabit dengan kejadian bergaduh dengan Yusof Majid pada bulan Jun 1977.

Sebenarnya kedua-dua kes itu telah ditutup. Dalam kes di Kelang itu polis seharusnya bertindak terhadap Yusof Majid dan gangster yang telah menyerang saya (6 lawan 1). Saya telah diberi rawatan oleh Doktor dan diberi 'Medical Report' atas kecederaan saya pada hari kejadian itu, tetapi polis Kelang telah mendiamkan perkara itu dan sebaliknya mengeluarkan waran menangkap saya hampir 3 tahun kemudian. Saya mengeluarkan kelewang kerana menamatkan penyerang-penyerang saya. Tanpa menakutkan mereka, haruslah saya lebih teruk diserang oleh gangster yang diketuai oleh Yusof Majid. Kelewang itu bukan sengaja saya bawa ke Mahkamah tetapi terbawa secara kebetulan. Kerana selepas perbicaraan hari itu, saya bercadang kembali ke Pekan. Memang kesukaan saya menebas di kebun di belakang rumah saya.

Begitu juga dengan kejadian di Petaling Jaya. Saya dilarang menemui anak-anak saya yang diambil dari sekolah-sekolah mereka di Pahang dan tidak dihantar ke sekolah di Kuala Lumpur. Saya mempertahankan diri. Kes itu sudah

diselesaikan sebagai 'civil kes' tetapi dibuka kembali failnya.

Saat ini, saya berada di Kelantan. Saya berikrar akan memulakan penghidupan yang baharu bersama isteri saya Fawzia dan anak kami Farah Ashiqin.

Saya tetap cinta dan kasihkan anak-anak saya yang tinggal bersama Sarimah dan anak-anak saya di Pekan itu. Saya berdoa dan berharap mereka akan kembali semula kepada saya. Saya mengharapkan mereka selamat dan berjaya dalam hidup dan yang lebih penting mereka berjaya dalam pelajaran dan menjadi manusia yang dihormati kerana ketinggian budi pekerti, kelulusan dan moral yang mulia. Inilah yang telah saya katakan pada Jamil anak saya dan menggesanya supaya jangan melibatkan diri dalam dunia filem sehingga dia mencapai kejayaan di bidang ilmu pengetahuan. Harapan seorang bapa yang pernah merasa kehinaan tanpa pelajaran. Dan walaupun saya tidak berjaya hidup mewah seperti Sarimah saya masih lagi berazam untuk menanti hari esok yang lebih cerah dan tidak sanggup lagi jadi mangsa situasi dalam dunia yang tidak wujud lagi keadilan dan kemanusiaan sejati.

PERKEMBANGAN TERAKHIR

Perlu saya nyatakan, buku diatas telah siap sejak 1976 tetapi keadaan tidak mengizinkan ianya terbit lebih awal lagi. Dan kelihatan diakhir buku itu tidak selari dengan situasi yang ujud di saat ini. Dan kini secara jujur saya katakan, yang zalim terhukum, penyalah gunakuasa tidak berkuasa lagi. Walaupun saya telah dianianya dengan beberapa cara yang akan saya bukukan dalam tajuk '4 Bulan Dalam Buruan' saya sentiasa berlingung dengan kalimah Allah yang Maha Berkuasa.

Kesemua 4 orang anak anak saya, Norhayati, Farah Wahida, Jamil dan Shahrer kini berada dalam pemerlihaan Sarimah. Anak anak saya (menurut kata mereka sendiri)

dilarang menemui saya bukan oleh ibunya tetapi oleh bapatinirinya. Namun, saya masih bertemu anak saya disekolah dan adakala mereka kerumah saya tanpa diketahui oleh sibapa tiri. Saya tau saya mempunyai hak penuh dari segi undang undang bertemu bahkan membawa anak anak saya tinggal bersama saya. Pertimbangan saya sebagai seorang ayah ialah memberi peluang kepada Sarimah dan sibapa tirinya membuktikan sejauh mana anak saya dapat diperlihara dengan baik. Apa yang telah terbokti ialah Norhati yang sebegitu berjaya dalam persekolahannya diPekan (waktu bersama saya) telah gagal dengan burok sekali dalam peperiksaan HSC dan kini hanya mengambil kursus stenography diITM. Wahida berjaya kerana sejak diPahang lagi tinggal diAsrama penuh. Wahida dapat biasiswa Colombo Plan mengambil Kursus Perubatan. Saya hanya mengetahui pemergian anak saya ke Australia melalui akhbar sahaja. Setelah satu tahun disana, Wahida dengan tiba tiba kembali dan menyambung pengajian di USM Penang juga dengan tidak setau saya. Sedang Wahida bolih mengikut kurususnya di Universiti Malaya tetapi ke Penang. Mungkin Sarimah dan bapatinirinya malu hendak memasukkan Wahida berkursus di U.M.

Dan Jamil pulak sudah berjinak sangat dengan berlakun filem. Saya sudah berkali saya menasihatkan Jamil supaya menumpukan pelajarannya sebagai prioriti kerana dia hanya berada dalam tingkatan empat, masih terlalu muda untuk menceburkan diri sepenuh masa dalam filem. Hal ini pernah saya utarakan dalam akhbar 'Watan'. Tetapi kerana pengaruh orang cari modal, sekali lagi anak saya jadi korban. Dikorban dengan berbagai pengaruh termasuk menggunakan 'bomoh'. Waktu menulis perkembangan terakhir ini, Jamil sedang berlakun dalam filem 'Dia Ibuku'. Yang bungsu Shahrer berada dalam darjah 5 dan sentiasa tidak sihat.

Dalam peperiksaan penilaian darjah 5, Sahahrer men-

dapat satu A dan 4 B.

Saya suka berterus terang, saya tidak sekali kali ingin bermusuhan dengan Sarimah lebih dari itu saya dan dia mempunyai banyak kenangan selama kami berumah tangga selama 12 tahun. Dia ibu kepada 4 anak anak kami. Dan saya sentiasa berdoa semoga dia terus berjaya dengan usaha-usahanya. Dengan Yusof Majid pun saya tidak mempunyai apa apa perasangka burok kecuali apabila anak anak saya tidak dibenarkan bertemu jauh sekali untuk menghabiskan cuti bersama sama saya untuk beberapa hari, cukup untuk menyusahkan perasaan saya.

Yang sedih, ada pihak pihak tertentu membiarkan sahaja perlakuan Yusof Majid terhadap saya dan bila saya bertindak balas, Sarimah akan menalifon hingga ke Ketua Polis Negara dan polis pun segera membuboh tanda 'wanted' atas diri saya. Saolah olah, setiap patah kata Sarimah itu menjadi semacam perintah executive. Contohnya, walau pun Yusof Majid membawa 'gengnya' menyerang saya beramai ramai di Mahkamah Syariah di Kelang, saya cedera, dirawat berminggu sebagai pesakit luar dirumah sakit Kelang dan laporan doktor mengenai kecederaan saya telah diserahkan kepada polis Kelang, polis tidak mengambil tindakan terhadap Yusoff Majid tetapi menangkap saya dan menghukum saya semata mata kerana saya menunjukkan parang' (secara kebetulan saya terbawa) untuk mempertahankan diri saya dari terus diserang oleh Yusoff Majid dan kumpulan samsengnya.

Begitu juga dengan kes yang hampir sama berlaku di P.J. di mana saya ditahan dicerca oleh Yusoff Majid dari menemui anak anak saya yang dicolek dari sekolah mereka di Pahang dan dikurong di rumah Sarimah tanpa bersekolah selama hampir 3 bulan. Tiga tahun kemudian waran dikeluarkan keatas diri saya .

Satu insiden yang tidak saya dapat mengertikan telah berlaku penghujung tahun 1978. Rombongan meminang isteri saya yang ada sekarang diketua oleh Encik Hamzah 'daging' kenalan saya dari Pahang. Lain lain yang ikut serta dalam rombongan peminangan itu ialah seniwati Dayang Solu, suaminya, Encik Gu Yusof dan isteri (sahabat waktu di Universiti dahulu) Shariff Sabari, pegawai executive Bank Arab-Malaysian Bank. Setelah kembali rombongan ini ke Kuala Lumpur, berita pinangan itu entah siapa menyampaikan kepada Sarimah dan Yusoff Majid, tidak saya tau. Apa yang berlaku ialah, Yusoff Majid telah mengambil inisiatif pergi ke Seremban dengan driver, mencari bapa tiri isteri saya (ayahnya telah meninggal). Walau pun bapa tiri isteri saya itu demam, digagahi juga pergi menemui Yusoff Majid di Sekolah Dato Abdul Razak tempat beliau bertugas. Yusof Majid sangat gairah hendak 'sabotaj' peminangan itu dan apa motifnya tidak saya tahu dengan tepat. Akhirnya berjaya dia memburokkan saya dengan segala yang benar, palsu termasuk mengenai latarbelakang saya dalam kegiatan politik. Akhirnya peminangan itu tergendala selama 3 bulan. Cuma kehendak Allah tidak dapat dihalangi, jodoh kami memang sudah ditentukan, saya dan Fauzia (isteri saya) selamat melangsungkan perkahwinan itu secara sungguh meriah dan diantara yang telah hadir ialah YB Dato Zakari Abdul Rahman, Timbalan Menteri Perumahan sekarang.

Demikianlah insiden insiden yang sengaja di 'create' kan oleh Yusoff Majid dengan motif yang hanya dia sahaja yang mengetahui.

Apa yang saya paparkan bukan kerana sakit hati, tetapi untuk renungan publik keatas situasi yang berterusan dipaksakan keatas diri saya oleh Yusoff Majid.

Buku ini dengan nyata telah menyatakan ikrar saya, tidak sekali kali terniat untuk memecahbelahkan rumahtangga

Sarimah dan Yusoff kerana pertamanya, saya sangat mencintai isteri saya Fauzia kerana dia telah dapat mengisi segala kekosongan hidup saya sejak kami berumah tangga. Kami sudah mempunyai cahaya mata dan akan lahir lagi seorang pertengahan tahun 1981. Tetapi sesuatu yang tidak dapat saya pisahkan ialah kasih sayang yang bulat dan penuh terhadap semua anak anak saya dengan Sarimah. Apa hak Yusoff Majid menahan mereka bertemu saya dan apahak dia mewarnakan hidup anak anak saya sedangkan moral dia tidak mencerminkan kelayakan sebagai ayah yang berjasa?

Saya serahkan untuk diadilkan oleh masyarakat tanpa sebarang prejudice terhadap mana mana pihak. Bagi saya, lima waktu sembahyang adalah penuh dengan doa restu supaya anak anak saya diselamatkan dari perbuatan keji, diselamatkan dari pengaruh jahat, diselamatkan dari jadi modal untuk maknusia parasite kini dan masa akan datang..

skhsh. P. modiharaa
3 Oct 1981